

DN.20.12.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 20 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang dinikmati kini dapat dikekalkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang kerajaan sentiasa mengamalkan pendekatan yang pragmatik. Terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Dalam hubungan ini kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- Menubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu mengenai globalisasi yang akan mengenal pasti strategi yang berkesan bagi menghadapi pembukaan pasaran dunia di bawah program Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) serta pembukaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjelang tahun 2003.
- Menyediakan pelan induk ekonomi yang akan menggariskan strategi bagi mempercepat transformasi struktur ekonomi negara daripada pertumbuhan berasaskan pengeluaran kepada pertumbuhan berteraskan k-ekonomi.
- Mengenal pasti sektor pertumbuhan baru seperti sektor pertanian termasuk industri pengeluar makanan serta sektor perkhidmatan

terutamanya industri pelancongan, pengangkutan dan telekomunikasi.

- Meningkatkan kualiti sumber manusia bagi melahirkan tenaga mahir dan tenaga kerja berpengalaman dan berpengetahuan.
- Menggalakkan pelaburan langsung asing FDI untuk mengembangkan teknologi, kepakaran dan peluang rantaian pemasaran antarabangsa.
- Mengurangkan kos pengendalian perniagaan dan kos pengeluaran supaya dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing.
- Menyediakan insentif bagi menggalakkan pelaburan dan aktiviti sektor swasta yang mana dapat mempertingkatkan lagi potensi pertumbuhan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan-tindakan di atas kerajaan sedang menyediakan dasar dan strategi jangka sederhana dan panjang yang akan membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri diteruskan. Dalam hubungan ini Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 hingga 2010 dan Rancangan Malaysia Kelapan 2001 hingga 2005 sedang digubal dan akan dibentangkan di Parlimen tahun depan. Dengan ini pelaksanaan strategi pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian, apakah impak kepada ekonomi negara kita kalau sekiranya pertumbuhan ekonomi di Amerika yang kini diramalkan mungkin, *hard landing* atau *soft landing*, dia punya tahap. Kalau *soft landing* maknanya *landing* yang lembutlah. Kalau keras tu, kita agaknya impak lebih teruk. Jadi, saya hendak tahu impak, apakah ramalan kita terhadap pembangunan ekonomi Amerika, adakah ia *soft landing* atau *hard landing* seperti yang akan diumumkan oleh Presiden R izab Banknya iaitu Mr. 'Greens pance' .

Dan bagaimanakah kedudukan Bursa Saham Kuala Lumpur kita kerana ianya sekarang ini merupakan petunjuk kepada kesihatan ekonomi kita. Kerana rata-rata di rantau ini, kebanyakan petunjuk yang berasaskan kepada Bursa Saham ini menguncup

tidak berkembang, Singapura begitu, rata-rata begitu. Jadi, apakah impaknya kepada negara kita dan ekonomi kita.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Sebenarnya kerajaan memang menjangka tentang kelembapan ekonomi Amerika. Cuma sama ada dalam senario ataupun suasana *soft landing* ataupun *hard landing* tetapi kita telah bersedia untuk kemungkinan itu. Misalnya dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, kita telah mengubah strategi kita supaya kita tidak terlalu hanya bergantung kepada bahan-bahan *manufacturing*, di mana Amerika menjadi *consumer* utama kita, maka dengan itu dalam *budget* yang baru dibentangkan ini kita lebih menggalakkan kepada *consumption expenditure* ertinya penggunaan dalam negeri.

Contohnya, misalannya rebet cukai, keuntungan cukai diperluaskan dan juga untuk pembelian rumah pegawai-pegawai kerajaan dinaikkan pada RM300 ribu, kemudahan pembelian kereta dinaikkan. Kesemuanya ini adalah untuk menggalakkan perbelanjaan dalam negara sendiri supaya kita tidak hanya terlalu bergantung kepada pasaran luar.

Dan juga yang kedua tadi, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz menyentuh tentang Bursa Saham Kuala Lumpur yang menjadi petanda atau petunjuk kepada ekonomi kita sekarang ini. Memang benar akhir-akhir ini kita lihat Bursa Saham Kuala Lumpur kita agak tidak menentu dan ini bukannya satu fenomena luar biasa bagi kita. Seperti yang Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz cakap tadi bahawa ini merupakan satu fenomena global di mana Dow Jones sendiri, Han Seng dan lain-lain dalam suasana yang begitu tidak menentu dan kritikal. Lebih-lebih lagi bursa saham di rantau ini termasuk Singapura dan lain-lain adalah dalam keadaan tidak menentu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, *performance* Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh 10 bulan atau 11 bulan tahun ini lebih baik daripada *performance* bursa-bursa lain di rantau ini. Kerana kejatuhan kita dalam tempoh itu cuma lebih kurang 13% lebih sahaja, sedangkan kejatuhan bursa-bursa asing termasuk Singapura, Filipina, Thailand, Korea merudum di antara 30% hingga 40%.

Ini menunjukkan bahawa ekonomi kita masih punya daya saing dan kalau berlaku kemerosotan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur kita akhir-akhir ini, tidaklah menunjukkan ianya satu petanda yang negatif bagi pertumbuhan ekonomi kita kerana fundamental kita adalah kukuh dan ini terbukti dengan KDNK kita yang tumbuh hingga 7.5% tahun ini, malah diramalkan akan melebihi kadar itu. Oleh kerana fundamental ekonomi kita adalah kukuh dan mantap maka dengan itu kemerosotan Bursa Saham Kuala Lumpur akhir ini tidak menjadi satu petanda atau indikator bahawa kita dalam keadaan tenat malah saya rasa ekonomi kita terus diyakini dan terus mantap dan terus berada di satu landasan yang betul-betul mantap dan kukuh. Sekian.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana memberi perancangan strategi yang begitu lengkap atas jawapan asal tadi dan saya juga tertarik dengan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat tadi. Cuma yang saya ingin membuat soalan ialah menyedari bahawa krisis kewangan yang begitu besar pada 1997 dahulu. Dan ini seolah-olah satu kejutan ekonomi yang besar kepada negara. Saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian telah pun membuat analisis dan kajian dan membukukan dalam apa bentuk pun yang pernah saya bercakap di sini supaya itu menjadi satu *reference* kepada kita.

Dan kalau ini dibukukan dan diedarkan kepada ramai, masing-masing boleh mengambil peranan untuk menjaga masa depan ekonomi termasuk juga saya bertanya adakah perkara-perkara ini telah mencukupi di *incorporate* kan dalam perancangan-perancangan strategi yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat tadi. Dan sampingan daripada itu dikatakan awal tahun hadapan mungkin keseluruhan dunia akan menghadapi krisis yang serupa dalam bentuk lain. Jadi, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Ghazi. Memang benar saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa krisis ekonomi yang berlaku pada 1997 merupakan satu fenomena yang begitu memeranjatkan dan mengejutkan. Kerana pertama kali dunia berhadapan dengan krisis seperti itu dan kebanyakannya tidak menjangka ianya akan berlaku cepat dan

begitu *sudden*. Untuk makluman Yang Berhormat, kita banyak belajar daripada peristiwa tersebut dan kerana itulah maka beberapa strategi sedang diatur oleh kerajaan. Misalnya tadi, pelan induk ekonomi negara, pelan induk pasaran mata wang negara sedang disusun dan dirancang oleh kerajaan supaya berdasarkan kepada pengalaman itu maka kita dapat menghadapi ancaman-ancaman serupa, malah ancaman-ancaman lain supaya dapat kita lebih bersedia dan lebih tabah dan lebih *well prepared* untuk berhadapan dengan situasi seperti itu.

Dan kerana itulah maka saya ingin sebutkan juga bahawa tadi Dato' Abdul Aziz ada sebut tentang apakah kesan kegawatan ekonomi Amerika. Ingin saya sentuh bahawa misalnya penetapan nilai ringgit, RM3.80 sen kepada USD1. Sebenarnya kita mempunyai *advantage* daripada negara-negara lain kerana nilai mata wang Ringgit yang rendah maka barang-barang eksport kita lebih kompetitif di luar negara. Jadi, kita punyai kelebihan dari segi itu maka nilai Ringgit kita yang rendah itu sebenarnya punya kelebihan jikalau kita membandingkan dengan negara-negara lain kerana nilai eksport kita lebih kompetitif, lebih rendah dan lebih disenangi oleh pembeli-pembeli ataupun pasaran luar antarabangsa.

Dan juga apa yang berlaku itu telah pun kita gabungkan dalam perancangan kita sekarang ini. Strategi yang sedang diatur ini mengambil kira pengalaman yang kita hadapi pada tahun 1997. Dan insya-Allah dengan adanya persiapan ini maka sebarang krisis yang akan melanda negara kita di masa akan datang, sama ada sama bentuknya dengan krisis 1997 ataupun lain-lain bentuk maka Malaysia di bawah pimpinan yang ada telah pun bersedia untuk menghadapi kegawatan serupa itu ataupun lain-lain kegawatan di masa akan datang. Terima kasih.

2. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah benar jenama kosmetik 'Nouvelles Beauty' mengandungi kandungan kimia yang boleh merosakkan kesihatan pengguna seperti yang dilaporkan oleh media pada 6 November, 2000 lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, pada 6 November 2000, pegawai-pegawai farmasi penguat kuasa telah menjalankan serbuan ke atas ibu pejabat *Nouvelles Beauty Centre* dan dua

cawangannya kerana keputusan awal tiga jenis keluaran dari jenama *Nouvelles Visages* yang dibeli oleh pihak Kementerian Kesihatan di dapati mengandungi *hydroquinone*. *Hydroquinone* adalah satu kimia yang menghalang proses pigmentasi atau *depigmenting agent*, dengan izin. Proses depigmentasi mengurangkan perlindungan ke atas kulit di mana pendedahan kepada pancaran *ultra-violet* dan sinaran matahari yang berlebihan boleh meningkatkan risiko kanser kulit. Depigmentasi yang berlebihan adalah merbahaya kepada kita yang tinggal di Tropika yang sentiasa terdedah kepada pancaran matahari sepanjang tahun.

Hydroquinone juga telah menyebabkan sedikit kemerahan kepada kulit yang disapu sedikit kerana rangsangan perubahan warna kulit, kulit menjadi *hypersensitive* dan perubahan *conjunctival*. Penyerapan *hydroquinone* ke dalam pendedaran darah dalam jumlah yang besar boleh mengakibatkan pendengaran berdengung, mengggigil, perasaan cemas, muntah, sentakan otot, sakit kepala, sawan, sukar bernafas, kebiru-biruan akibat '*methemoglobinemia*' dan koma akibat kegagalan sistem pernafasan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Soalan tambahan. Selain daripada kosmetik, terdapat juga banyak *food supplement*, dengan izin, yang dijual di *supermarket* dan juga melalui *direct selling* yang mengiklankan bahawa ianya baik untuk mencantikkan badan, menguruskan badan dan sebagainya. Soalan saya ialah adakah kementerian telah mengesan *food supplement* yang dibuat daripada herba yang dijual ini, sama ada ianya mengandungi bahan-bahan yang boleh merosakkan kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang diPertua, bahan-bahan yang mengandungi bahan-bahan *food supplement* jenis herba *food supplement* ini yang sebenarnya yang merangkumi nilai ubatan perlulah didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan. Jadi, semua *food supplement* yang dikatakan mempunyai nilai ubatan adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan melalui proses pendaftaran dan semua ini sedang dimantau oleh Kementerian Kesihatan melalui Pusat Kawalan Dadah Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi, setakat ini semasa kita membuat pemantauan ada juga bahan-bahan yang tidak menepati piawaian yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan akan dirampas balik dan pihak-pihak yang terlibat akan dikenakan denda atau tindakan mahkamah.

Tetapi berkaitan dengan *food supplement* sahaja saya tidak mempunyai statistik sebenar yang terkini. Tetapi untuk mengetahui tentang langkah-langkah yang diambil diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawasi bahawa semua ubat-ubatan sama ada ianya ubat tradisional ataupun ubat saintifik, kosmetik dan sebagainya, tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan saya ingin mengemukakan beberapa statistik secara ringkas, iaitu bilangan item yang dirampas pada tahun 1998 adalah 3,560 barangan yang dirampas dengan nilai RM3.46 juta; pada tahun 1999 - 2,674 barangan dirampas dengan nilai RM2.4 juta; dan pada tahun 2000 setakat ini - 3,067 barangan telah dirampas dengan nilai sebanyak RM1.4 juta.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahan-bahan solekan atau kosmetik ini menjadi bahan keperluan kepada wanita di mana kita lihat selalu, bukan sekali sahaja berlaku perkara ini, yang mana bila sudah digunakan baru hendak disiasat, bila sudah digunakan barulah kementerian ambil tindakan dan sebagainya. Saya ingin tahu adakah kementerian menyediakan pusat ujian kepada sesuatu barang ataupun kosmetik sebelum barang-barang ini dijual kepada pengguna?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang kosmetik ini ada dua jenis, iaitu sebe narnya untuk kosmetik-kosmetik ini pendaftarannya belum lagi dilaksanakan dan ini akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat dan kita membuat cadangan untuk memulakan pada awal tahun 2001 ini. Tetapi penetapan tarikh kawalan akan diumumkan dan diwartakan oleh Menteri Kesihatan tidak lama lagi.

Tetapi untuk maklumat, terdapat juga kosmetik yang mempunyai nilai-nilai perubatan, dan kosmetik jenis mengandungi bahan yang dikawal contohnya seperti *hydroquinone* tadi atau yang mempunyai tuntutan perubatan iaitu seperti untuk merawat jerawat ataupun anti kelemumur. Tetapi kosmetik ini perlu didaftarkan di bawah fasa kedua sebagai produk farmaseutikal, bukan racun. Jadi, memang kita dalam proses pendaftaran itu pun bila sesuatu barangan itu dikemukakan untuk pendaftaran, masa itu kita akan mendapat maklumat yang sepenuhnya yang terperinci tentang produk-produk tersebut dan akan dikaji oleh Kementerian Kesihatan dan

Jabatan Kawalan Dadah ini atau kosmetik ini dan barulah pendaftarannya akan diberikan kepada produk-produk tersebut.

3. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai kejayaan PNB dalam usaha menggalakkan rakyat luar bandar untuk melabur dalam saham-saham amanah. Berapakah jumlah saham dan bilangan pelabur-pelabur yang dimiliki oleh penduduk luar bandar mengikut negeri.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, skim-skim saham amanah yang diuruskan oleh PNB iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW2020), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) mempunyai ciri-ciri yang boleh memenuhi kehendak pelbagai lapisan masyarakat di negara ini yang inginkan pelaburan yang mempunyai risiko rendah. Ini memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat menikmati hasil kekayaan negara menerusi pengemبلangan modal di dalam saham amanah.

Sehingga 30 November 2000 PNB melalui skim-skim di bawahnya telah dapat mengemبلeng 34,518.8 juta unit saham dan melibatkan 7,733 juta pelabur. Bagaimanapun, adalah sukar untuk menentukan jumlah saham di bawah skim-skim saham amanah PNB tersebut mengikut kategori bandar dan luar bandar, kerana data penjualan atau pembelian saham tersebut dikategorikan mengikut daerah di setiap negeri.

Walau bagaimanapun, skim saham amanah yang diuruskan oleh PNB telah banyak memberi peluang kepada ramai penduduk luar bandar untuk mengenali dan melibatkan diri secara aktif dalam dunia pelaburan khususnya pelaburan yang berisiko rendah dan mendidik mereka dengan tabiat berjimat cermat serta budaya menabung untuk kepentingan masa depan diri dan keluarga mereka.

Datuk Zainudin bin Maidin: Memandangkan *performance* PNB yang meyakinkan dan mantap terus dapat membayar dividen, bonus dan sebagainya, maka apakah ada kemungkinan untuk PNB suatu masa nanti membayar apa yang dikatakan

saham matang iaitu pernah dibayar kalau tidak silap selepas 10 tahun yang memberikan bonus dan juga dividen yang berganda.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Zainudin. Sebenarnya memang benar satu ketika dahulu ASN waktu itu harganya RM1.00 dan setelah sampai 10 tahun maka kerajaan telah memberikan 60% dividen seperti Yang Berhormat Datuk Zainudin cakap tadi. Tetapi sebenarnya sekarang ini ASN harganya telah diapungkan di pasaran terbuka. Jadi, oleh kerana itu ia berhadapan dengan risiko turun-naik harga. Maka kerana itu saya rasa PNB tidak lagi bercadang untuk memberikan saham matang setelah 10 tahun diurusniagakan. Tetapi kita agak bersyukur kerana PNB telah dapat mengendalikan kelima-lima saham ini dengan begitu baik dan begitu memuaskan lebih-lebih lagi ASB pada tahun ini diberikan dividen sebanyak 10.5%, tambah lagi bonus 2% kini menjadikan kesemuanya 12.25% dividen yang akan diterima oleh para pelabur untuk tahun 2000 ini, maka saya rasa ini satu imbuhan, satu anugerah yang cukup baik dan memuaskan kepada semua para pelabur.

Kita bersyukur walaupun negara kita selepas pulih daripada kegawatan tetapi PNB dan kerajaan dapat menunaikan komitmennya dengan baik kepada rakyat, kepada pelabur khususnya dan kita harus rasa bersyukur kerana itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita belum lagi bercadang setakat ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada kerajaan khususnya PNB kerana prestasi yang amat baik dan membanggakan. Malah pelaburan saham amanah ini patut diberi tumpuan kepada luar bandar. Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat tadi klasifikasi luar bandar tak boleh diberi kerana mengikut pengurusan sekarang diagihkan mengikut daerah, sedangkan pada saya daerah itu sekurang-kurangnya melambangkan sama ada luar bandar atau tidak luar bandar. Walaupun tidak begitu detail dan khusus kepada luar bandar, pada saya secara kasar sudah boleh dapat, dan lagi pula saya ingin bertanya adakah kita memberi penumpuan pada masa depan, adakah kementerian ada perancangan untuk memberi penumpuan kepada luar bandar secara terperinci supaya kempen galakan dan insentif khas diberi kepada

pelabur-pelabur luar bandar untuk mengambil bahagian dalam pelaburan unit saham yang begini amat menarik sekali. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi. Seperti yang saya jelaskan dalam jawapan asal tadi bahawa sukar untuk PNB mengklasifikasikan pelabur luar bandar dengan bandar. Bagaimanapun, saya rasa penyertaan pelabur luar bandar adalah baik dan menggalakkan. Kalau saya hendak beri peratus secara tepat mungkin tak dapat, tetapi saya mengatakan bahawa kalau saya beri contoh, Wilayah Persekutuan terdapat 598,509 orang pelabur dan kebanyakan mereka juga adalah yang datang daripada luar bandar berhijrah ke bandar dan kita mengambil kira di mana mereka tinggal sekarang dan itu kita jadikan ukuran seperti yang saya sebutkan tadi bahawa asal mereka ini adalah datang dari luar bandar juga berhijrah ke bandar dan jadilah Wilayah Persekutuan itu satu wilayah yang cukup ramai jumlah bilangan para pelaburnya.

Misalnya juga kalau saya berikan contoh, Johor Bahru, seramai 230,298 orang walaupun Johor Bahru sebuah banda raya tetapi ini tidak menggambarkan bahawa orang banda raya lebih ramai daripada orang luar bandar yang melabur kerana kebanyakan berhijrah ke Johor Bahru untuk mencari rezeki di bandar-bandar besar seperti itu. Namun demikian, saya boleh mengatakan bahawa kawasan-kawasan luar bandar seperti daerah Baling, Kedah terdapat 35,697 orang para pelabur, kebanyakannya adalah daripada luar bandar. Ertinya bahawa sambutan daripada masyarakat luar bandar terhadap pelaburan ini cukup baik, cukup menggalakkan. Baling, saya ambil contoh yang klasikal sebagai kawasan luar bandar.

Yang Berhormat juga ada mengatakan tentang di masa akan datang tumpuan harus diberikan kepada luar bandar. Memang benar, PNB sedang mengatur satu langkah strategi supaya cawangan-cawangannya yang hampir dengan masyarakat luar bandar memberi penerangan, memberikan galakan dalam semua bentuk, memberi mereka maklumat yang lengkap tentang pelaburan yang berisiko rendah, selamat dan terjamin ini untuk masa depan mereka. Memang ada satu mekanisme oleh PNB untuk menggalakkan pelabur luar bandar menyertai skim ini dengan lebih ramai lagi. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah bilangan kenderaan yang menggunakan Link Kedua Johor Bahru – Singapura bertambah semenjak tahun lepas. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Prolink untuk menambah jumlah kenderaan dan menampung bayaran hutang projek ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pertumbuhan bagi kenderaan yang menggunakan laluan link kedua yang menghubungkan Johor Bahru adalah sebanyak 24.9% semenjak tahun lepas. Kadar ini menunjukkan peningkatan kenderaan yang menggunakan laluan ini dan jumlah kenderaan serta pertumbuhan trafik bagi setengah plaza tol di laluan link kedua yang menggunakan laluan ini dan jumlah kenderaan serta pertumbuhan trafik bagi setiap plaza tol di laluan link kedua pada tahun 1999 dan 2000 adalah seperti berikut:

Plaza Tol	1999	2000	(Pertumbuhan trafik) (Tahun 2000 - %)
Tanjung Kupang	3,635,068	4,907,531	35
Lima Kedai	1,256,367	1,441,098	14.7
Perling	1,971,661	2,223,793	<u>12.8</u>
		JUMLAH	<u>24.9</u>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Konsesi Laluan Kedua Malaysia-Singapura adalah Link kedua Malaysia Berhad, dan bukan Prolink seperti mana soalan Yang Berhormat.

Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Link kedua bagi menambah jumlah kenderaan di lebuh raya ini adalah seperti berikut:

- (i) pengedaran peta Link kedua kepada orang ramai di Johor dan di Singapura;
- (ii) bersama menganjurkan pesta kebudayaan di kawasan Rehat dan Rawat Link kedua;
- (iii) membenarkan pasar ria mingguan pada hari Sabtu dan Ahad di kawasan Rehat dan Rawat Link kedua;

- (iv) bersama menganjurkan larian Linkedua Malaysia-Singapura, iaitu Second Link Run;
- (v) menganjur dan membenarkan aktiviti-aktiviti sosial yang sihat di kawasan Rehat dan Rawat Linkedua; dan
- (vi) membuat pengumuman di dalam program radio tentang faedah menggunakan lebuh raya Linkedua kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menampung masalah hutang projek lebuh raya ini, penstrukturan semula telah dibuat di mana perjanjian konsesi tambahan kedua telah pun ditandatangani di antara pihak kerajaan dan syarikat konsesi pada 30 Mei 2000. Melalui perjanjian konsesi tambahan kedua ini, pihak PLUS mengeluarkan bon sebanyak RM900 juta untuk mengatasi masalah hutang Link Kedua dengan pihak bank. Sementara kerajaan bersetuju menyambung tempoh konsesi selama 15 tahun kepada Linkedua iaitu dari tahun 2023 sehingga tahun 2038, dan pada masa yang sama pihak Linkedua perlu berkongsi hasil tol sekiranya hasil tol sebenar melebihi anggaran hasil tol iaitu hasil tol sebenar yang dikutip melebihi anggaran hasil tol, dan perkongsian hasil tol tersebut adalah pada kadar 50:50 dalam tempoh 2030 sehingga 2034 dan 70:30 dalam tempoh 2035 sehingga 2038, iaitu 70% untuk kerajaan dan 30% untuk Linkedua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selepas kerajaan telah mengambil langkah untuk membantu syarikat konsesi itu adakah dijangkakan bahawa syarikat ini perlukan bantuan tambahan untuk mengatasi masalah kekurangan penggunaan di link ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Buat ketika ini tidak ada, berasaskan hanya kepada perjanjian konsesi tambahan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi banyak 'permitasi' dari segi tol, kadar tol dan sebagainya melalui perjanjian. Saya juga sedar banyak rakan-rakan di sini bangkit tentang isu Singapura. Bagaimana rakyat Singapura mengambil advantage, dengan izin, tentang kedudukan yang berdekatan Singapura dengan Johor Bahru dalam serba bidang, tak payah saya huraikan satu persatu, seperti makanan, petrol, perumahan, kelab fasiliti dan sebagainya.

Saya ingin tahu adakah pihak kerajaan memikirkan tentang mengenakan tol yang lebih kepada orang Singapura, kerana ini satu faktor strategi untuk mengatakan bahawa marilah kita berkongsi kalau dia dapat untung banyak kerana menyeberang Johor Bahru kita kena kongsi dia sikit, caj dia lebih. Macamlah kita pergi kelab golf dan sebagainya, kalau saya jadi ahli saya dapat harga murah. Makan boleh juga kepada orang lain, bukan ahli harga tinggi. Rakyat Singapura caj lebih. Mungkin dari segi *economic valuenya* tidak mempunyai apa-apa makna, *marginal*, dengan izin. Tetapi pada saya message hendak kita sampaikan kepada rakyat Singapura terutama S.M.Lee yang begitu garang dengan hal-hal pertahanan yang memang membangkitkan semangat kita kala u kita fikir betul-betul.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian laporan ekonomi yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri Johor, rakyat Singapura berbelanja lebih kurang antara RM8 bilion hingga RM10 bilion setiap tahun di Johor. Kalau kita naikkan kadar tol, walaupun rakyat Singapura yang sama masuk, hanya syarikat konsesi yang mendapat untung tetapi kalau kita naikkan kadar tol menyebabkan kekurangan rakyat Singapura masuk ke Johor, maka ia akan menjejaskan perbelanjaan rakyat Singapura di Johor yang saya nyatakan tadi berjumlah RM8 bilion ke RM10 bilion.

Jadi, saya percaya berasaskan kepada itu, buat ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan kadar yang berbeza antara rakyat Malaysia dengan rakyat Singapura, kerana seperti yang telah saya katakan berasaskan kepada kadar sekarang, rakyat Singapura berbelanja sebanyak RM8 bilion ke RM10 bilion setahun di Johor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Johor. Terima kasih.

5. Datuk William Lau Kung Hui minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan seorang penumpang telah mati di dalam suatu penerbangan jauh (long haul flight) baru-baru ini melibatkan suatu penerbangan asing, atas sebab Deep Vein Thrombosis (DVT), yang terjadi oleh kerana keadaan yang sempit dan juga nilai udara yang kurang elok di dalam kapal terbang, sama ada kementerian mengkaji kemungkinan membuat syarat untuk memastikan syarat-syarat minimum kawasan tempat duduk, memandangkan bahawa ada undang-undang yang sama bagi pengangkutan binatang-binatang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disoal oleh Yang Berhormat Datuk William Lau memang benar. Baru-baru ini seorang penumpang wanita pesawat penerbangan syarikat penerbangan asing telah mati dan kematiannya dikaitkan dengan deep vein thrombosis (DVT). Penyakit DVT ini adalah disebabkan darah beku yang menyebabkan salur pembuluh darah terutamanya di bahagian peha dan betis tersumbat. Keadaan ini berlaku kerana aliran darah yang tidak baik hasil dari aktiviti yang pasif dan rehat yang berlebihan.

Itulah sebabnya penumpang penerbangan jarak jauh sering dinasihatkan untuk tidak duduk sepanjang masa, sebaliknya selalu mengiring menggerakkan tumit dan pergelangan kaki mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk keselamatan dan keselesaan penumpang, kementerian melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) selaku badan kawal selia bagi industri penerbangan, memang telah menggariskan syarat-syarat minimum kawasan tempat duduk penumpang bagi semua pesawat yang didaftar di Malaysia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mulai 1 Oktober 1992 semua susun atur dalaman pesawat dikehendaki mendapat kelulusan Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

6. Dato' Dr. T. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengekalkan daya saing (competitive edge) di kalangan negara-negara di rantau ini supaya Malaysia terus menjadi pilihan yang utama pelabur-pelabur asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim yang perlu dijawab pada 21 Disember kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Antaranya ialah mengadakan misi-misi penggalakan perdagangan dan pelaburan di mana dalam sepanjang tahun 2000

sebanyak sembilan rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara terpilih telah diadakan iaitu ke Amerika Syarikat, Eropah, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Korea Selatan, India, Jordan dan Iraq.

Semasa lawatan ke negara-negara tersebut MITI telah berjaya menganjurkan 27 seminar peluang-peluang perniagaan di Malaysia. Selain daripada itu, kerajaan telah mengadakan lima spesifik project mission, dengan izin, ke atas industri-industri yang telah dikenal pasti sebagai susulan kepada misi perdagangan dan pelaburan.

Yang kedua, menganjurkan seminar-seminar tempatan dan mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk menggalakkan mereka menjalankan projek pembesaran dan pelbagaian.

Yang ketiga, memberi kelonggaran sementara syarat ekuiti asing untuk sektor perkilangan berkuat kuasa mulai 31 Julai 1998 sehingga 31 Disember tahun ini di mana pelabur asing dibenarkan memegang ekuiti ke tahap 100% bagi projek-projek baru, pembesaran, pelbagaian walaupun bagi pengeluaran untuk pasaran tempatan.

Yang keempat, mengkaji semula secara berterusan dasar dan insentif yang diberikan kepada sektor perkilangan supaya ianya sesuai dengan keadaan yang berubah. Untuk tujuan itu, antara lain, kerajaan bersedia menimbangkan pakej insentif khusus bagi projek-projek strategik yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan berteknologi tinggi.

Yang kelima, melanjutkan insentif pusingan kali kedua iaitu tarif perintis atau elaun cukai pelaburan bagi industri berasaskan sumber sehingga tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil setakat ini telah memberi kesan kepada peningkatan pengaliran pelaburan langsung ke negara ini. Bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini, sebanyak 772 permohonan telah diterima yang melibatkan pelaburan sebanyak RM29.3 bilion berbanding dengan 776 permohonan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM14 bilion bagi tahun 1999.

Ini bermakna nilai pelaburan bagi tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini telah melebihi nilai pelaburan seluruh tahun 1999 sebanyak RM15.3 bilion atau 110%. Daripada jumlah RM29.3 bilion pelaburan yang diterima, 50% iaitu RM15.9 bilion adalah dari pelabur asing dan 46% adalah merupakan pelabur tempatan iaitu RM13.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kedudukan daya saing Malaysia secara keseluruhan dalam World Competitiveness Year Book 2000, dengan izin, adalah bertambah baik daripada kedudukan 27 dalam tahun 1999 pada kedudukan 25 dalam tahun ini.

Namun begitu, kerajaan akan terus berusaha memperbaiki lagi kedudukan daya saing negara. Sehubungan itu, kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah-langkah bagi meningkatkan lagi daya saing negara terutamanya dalam sektor perindustrian. Antaranya ialah:-

- (i) Menggalakkan aktiviti-aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi seperti pembangunan dan penyelidikan, reka bentuk produk teknologi pengedaran dan pemasaran;
- (ii) Mempertingkatkan lagi penggunaan teknologi maklumat dan menerapkan aktiviti berintensifkan pengetahuan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan;
- (iii) Membangunkan sektor industri sokongan dan pelengkap terutamanya bagi barangan pengantara seperti komponen dan peralatan;
- (iv) Mengurangkan tarif import secara progresif termasuk melaksanakan program pengurangan tarif di bawah kerjasama perdagangan serantau dan pelbagai hala seperti AFTA dan WTO;
- (v) Melaksanakan program-program pembangunan sumber manusia dan menubuhkan institusi-institusi latihan kemahiran tenaga manusia; dan
- (vi) Mewujudkan persekitaran yang kompetitif dari segi kos dengan mengkaji semula peraturan-peraturan yang menjejaskan daya saing industri.

Sekian.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa beberapa industri dan kilang telah dipindah kepada negara-negara jiran oleh kerana kos produktiviti di negara-negara itu adalah lebih rendah

dibandingkan dengan negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi bilangan kilang-kilang ataupun industri yang telah dipindah kepada negara-negara lain dan apakah cadangan kerajaan untuk menarik balik kilang-kilang itu?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya tiada angka yang diminta, saya boleh beri secara bertulis, tetapi baru-baru ini cuma satu kilang elektronik iaitu Seagate telah bercadang untuk berpindah ke lain tempat. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa kilang-kilang yang telah berpindah tidak banyak, yang berpindah pun mereka yang terlalu bergantung kepada tenaga manusia dan memang kita faham dalam segi kos buruh, kos pengeluaran di Malaysia kian meningkat. Bagaimanapun kita ada kekuatan Malaysia sendiri kekuatan seperti kita mempunyai infrastruktur yang lebih lengkap, lebih baik, kita mempunyai industri sokongan yang lebih lengkap, kita juga mempunyai tenaga manusia yang mudah dilatih atau dengan izin, trainable work force, kita mempunyai sistem perundangan yang kukuh, kita juga mempunyai kestabilan politik dan sosial dan paling penting kita mempunyai satu Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mengambil perhatian keperluan para peniaga dan ini adalah faktor-faktor yang kita asaskan untuk menarik pelabur-pelabur lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar dalam satu seminar mempromosi perdagangan untuk Malaysia di Amerika, di dalam fail-fail peserta-peserta yang menyertai seminar itu terselit cerita menghentam kerajaan, terselit cerita Dato' Seri Anwar Ibrahim. Saya ingin mengetahui dari kementerian bagaimana perkara semacam ini boleh berlaku, ini merupakan satu sabotaj dan memang wujud pendekatan hendak sabotaj ekonomi negara kita kerana ada satu pengumuman dibuat oleh parti pembangkang yang mereka menggunakan pelobi Amerika supaya berhati-hati hendak melabur di negara Malaysia ini.

Jadi, saya hendak tahu adakah penyiasatan dibuat bagaimana perkara semacam ini boleh berlaku di dalam satu seminar. Dan pada masa yang sama, salah satu pengurangan pelaburan asing secara langsung ke rantau ini ialah kerana wujudnya sekarang ini penggabungan syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi terutamanya di Eropah.

Saya hendak bertanya pihak kerajaan, adakah kita ingin hendak membuatkan satu pendekatan baru menggalakkan penggabungan syarikat-syarikat di Malaysia dengan syarikat-syarikat antarabangsa kerana ianya boleh meningkatkan competitive edge advantage di dalam era globalisasi contohnya, Proton. General Motor sekarang ini sudah merata pergi di Korea, Mitsubishi di Jepun dia sudah ambil alih separuh 30% -34%. Saya hendak bertanya kalau ianya hendak berbuat penggabungan ini kita galakkan penggabungan, sektor mana yang patut digabungkan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, tentang percubaan oleh pihak tertentu menimbulkan risalah, menyelitkan risalah berkaitan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berlaku di Amerika Syarikat memang sesuatu yang amat dikesali. Ini telah menunjuk bahawa pihak pembangkang akan sedia dan sanggup mengambil apa-apa langkah pun untuk mencapai agenda politik mereka termasuk langkah mencemarkan nama baik negara yang akan merugikan negara dari segi perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam persidangan atau seminar tersebut ia merupakan satu seminar terbuka dan mana-mana pihak boleh menghadiri seminar tersebut, maka mungkin yang dilakukan oleh pihak pembangkang kita tidak dapat mengenal pasti siapa yang melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan dan perkembangan di antarabangsa di mana syarikat besar-besaran telah menggabungkan untuk mendapatkan economic of scale, dengan izin, dan juga mengadakan satu proses rationalisation, dengan izin, dalam operasi mereka, ini memang satu perkembangan baru-baru ini khususnya apabila wujud banyak kelompok perdagangan serantau atau regional economic corporation yang memerlukan tindakan tersebut dan untuk Malaysia kita juga mengalu-alukan cadangan tersebut khususnya dalam industri seperti industri automobil di mana economic of scale adalah satu faktor yang paling penting untuk menjamin daya saing produk negara ini.

Jadi, kerajaan sedia mendengar dan saya percaya syarikat automobil tempatan juga akan sedia mendengar jika ada apa-apa cadangan dari mana-mana pihak yang akan memanfaatkan kedua-dua syarikat. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil siasatan atas kes tiga klinik mengeluarkan sijil sakit palsu yang dilapor pada 6 November.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya isu yang dibangkitkan di dalam soalan ini adalah berkaitan dengan pengeluaran sijil kesihatan palsu dan bukannya sijil sakit palsu.

Jadi, berdasarkan pandangan ini saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan No. 41 hari ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, aduan mengenai tiga klinik swasta yang dikesan mengeluarkan sijil kesihatan palsu kepada pemohon lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (PSV) dan lesen kenderaan barangan (GDL) tanpa menjalani pemeriksaan doktor adalah diterima dari sebuah sekolah memandu di Kota Belud yang telah dipanjangkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan kemudiannya kepada Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Pihak Majlis Perubatan Malaysia setelah mengkaji kes tersebut mendapati bahawa tiada nama pengamal perubatan yang terlibat dari ketiga-tiga klinik tersebut disertakan mahupun sebarang bukti yang menunjukkan kesalahan tersebut.

Oleh yang demikian, pihak Majlis Perubatan Malaysia telah menulis terus kepada pengadu asal untuk menyampaikan maklumat tersebut secara terus kepada Majlis Perubatan Malaysia supaya tindakan dapat diambil di bawah Akta Perubatan 1971. Malangnya setakat ini tiada jawapan yang diterima daripada beliau. Perkara ini yang amat penting dalam proses undang-undang kerana beliau akan dipanggil sebagai pengadu di dalam proses penyiasatan yang akan dijalankan oleh pihak Majlis Perubatan Malaysia.

Selain daripada itu, bukti-bukti adalah perlu bagi mensabitkan kesalahan tersebut. Oleh kerana beliau sebagai pengadu tidak memberi kerjasama setakat ini, maka tindakan undang-undang sukar untuk diambil ke atas pengamal-pengamal perubatan yang terlibat. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perubatan Malaysia difahamkan bahawa siasatan masih diteruskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah bagi mendapatkan bukti-bukti selanjutnya.

Pihak Majlis Perubatan Malaysia akan mengambil tindakan selanjutnya sebaik sahaja bukti-bukti diberikan oleh pihak yang berkenaan.

8. Datuk Long bin Jidin [Di bawah P.M. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan Persekutuan yang menganggotai Jawatankuasa Syura Rakyat yang ditubuhkan oleh Kerajaan PAS (JSR) dan apakah tindakan yang diambil terhadap kakitangan tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan tidak ada menerima laporan yang menyatakan ada pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan yang menganggotai Jawatankuasa Syura Rakyat yang ditubuhkan oleh Kerajaan PAS dan oleh itu belum ada sebarang tindakan diambil berhubung perkara tersebut. Terima kasih.

9. Tuan Haji Karim bin Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan syarikat-syarikat pengangkutan awam di negara kita tidak mengambil pemandu-pemandu mereka yang ada terlibat dengan sebarang rekod jenayah umpamanya kes rogol dan bunuh terhadap seorang jurutera komputer baru-baru ini.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedang mengambil langkah positif ke arah melaksanakan Pusat Rujukan Rekod melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama pihak Polis, Kementerian Kesihatan dan juga persatuan-persatuan pengusaha pengangkutan yang meliputi pengusaha bas, teksi dan juga lori. Pusat rujukan rekod pemandu-pemandu kenderaan vokasional ini akan berfungsi sebagai pusat semakan kepada pihak-pihak yang memerlukan maklumat pemandu yang bermasalah terutama pengusaha pengangkutan awam sebelum pemandu tersebut diambil kerja. Melalui cara ini, syarikat-syarikat pengangkutan akan dapat menapis calon-calon pemandu yang memohon untuk bekerja dengan mereka dan tidak mengambil pemandu-pemandu yang bermasalah.

Kementerian ini berharap agar dengan adanya pusat rujukan ini, ianya dapat memberi kebaikan kepada semua pengusaha syarikat pengangkutan terutama bagi pengusaha kenderaan perkhidmatan awam untuk mendapatkan pemandu yang benar-

benar menjaga profesion dan etika mereka sebagai pemandu yang bertanggungjawab kepada syarikat, masyarakat dan negara.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita maklum bercakap tentang pemandu-pemandu dan juga kenderaan awam ini, bila sampai musim-musim perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan sebagainya, bas-bas ekspres ini menambahkan perkhidmatannya dan kerap juga berlaku kemalangan melibatkan bas-bas ekspres ini.

Kita ingin tahu adakah kementerian membuat pemantauan dari segi kelayakan pemandu-pemandu tambahan ini supaya keselamatan para penumpang sentiasa terjamin dan juga orang ramai yang menggunakan jalan raya di musim-musim perayaan ini.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kementerian sedar bahawa banyak permintaan dari rakyat sebab balik kampung. Oleh itu, langkah-langkah supaya pemandu dan juga kenderaan yang digunakan akan diperiksa oleh JPJ sebelum permit diberi kepada mereka untuk sementara sahaja.

10. Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang memberi saguhati kepada SC (Special Constable) Home Guard semasa berkhidmat kepada negara pada tahun 1948 hingga 1960, memandangkan mereka ini tidak mendapat faedah pencen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah jawapan kepada soalan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan iaitu kementerian ini telah menerima banyak permohonan dan pertanyaan daripada bekas-bekas anggota keselamatan yang terdiri daripada Home Guard, Special Constabulary ataupun SC pendeknya, Extra Police Constable, Auxillary Police dan Women Special Constabulary yang telah berkhidmat pada tahun 1948 sehingga 1960 agar pihak kerajaan menyalur saguhati sebagai satu pengiktirafan terhadap khidmat bakti kumpulan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia dan dalam proses mengkaji bilangan sebenar anggota-anggota berkenaan yang terlibat sebelum cadangan bayaran saguhati dikemukakan kepada kerajaan untuk diberikan pertimbangan. Terima kasih.

Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan SC ini yang berkhidmat telah pun yang masih sisa-sisanya tinggal lebih kurang 60 tahun ke atas, maknanya yang ada itu 65 tahun ke 70 tahun yang ada hari ini yang telah pun melalui sisa-sisa hidup mereka saya rasa kerajaan tentu prihatin kepada mereka yang mana kerajaan sentiasa mengambil berat hal-hal masyarakat lebih-lebih lagi warga atau warga emas ini.

Seorang Ahli: Warga penyayang.

Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan: Begitu juga kerajaan sentiasa mempunyai semangat penyayang kepada masyarakat, jadi rasa saya janganlah dilengah-lengahkan lagi, umur mereka ini dahlah tinggal penghujung, kalau boleh pihak kementerian supaya dapat menyegerakan pembahagian saguhati yang telah dicadangkan ini kepada SC ataupun Homeguard yang telah dinyatakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri tadi.

Soalan saya iaitu, saya ingin tahu adakah pihak kementerian ini menyenaraikan senarai nama peserta-peserta ataupun SC-SC yang telah berkhidmat kepada negara selama ini? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan itu. Sebagaimana yang kita tahu kerajaan memanglah sentiasa prihatin terhadap seluruh anggota perkhidmatan kerajaan yang ada melalui agensi-agensi. Kita pun tahu pasukan yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat adalah berselerak di seluruh Malaysia dan bukanlah senang untuk kita menyenaraikan nama mereka dengan masa yang pendek kerana ada di antaranya telah berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Walau bagaimanapun sebagaimana saya nyatakan tadi, kerajaan sedang mengusahakan dengan seriusnya untuk menyenaraikan nama-nama mereka dan juga sama ada mereka masih lagi ada ataupun sudah meninggal dunia itu

akan diberikan kajian. Insya-Allah, kita akan buat ataupun mengusahakan seberapa cepat yang boleh. Terima kasih.

11. Dato' Ghazi bin Haji Ramli minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil berikutan daripada peningkatan kejadian amuk, yang banyak melibatkan insiden kemalangan jiwa, adakah ia disebabkan oleh kelemahan Akta Mental 1952 yang telah ketinggalan zaman.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Karim bin Salleh pada 21 Disember 2000 mengenai isu yang sama. Kes-kes amuk kebelakangan ini sedang disiasat oleh pihak polis. Kementerian Kesihatan sedia memberi bantuan dan kerjasama teknikal yang diperlukan untuk menentukan taraf kesihatan orang yang terlibat. Adalah penting bagi pesakit mental menerima rawatan yang sempurna dan berterusan untuk menjamin keadaan mental yang stabil. Sokongan keluarga dan masyarakat juga penting dalam mengesan tanda gejala ketidakstabilan mental pesakit dan membantu pesakit mendapat rawatan yang sewajarnya dengan awal.

Kementerian Kesihatan akan berusaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan bagi pesakit mental melalui program:

- (i) Memperluaskan perkhidmatan pakar *psychiatrical*, lebih banyak hospital dan perkhidmatan rawatan pesakit mental ke klinik-klinik kesihatan.
- (ii) Meningkatkan penggunaan ubat-ubatan baru dalam rawatan pesakit mental.
- (iii) Membangunkan perkhidmatan *community mental health* dan *home psychiatric nursing* dengan izin, dengan penglibatan dan masyarakat dalam penjagaan pesakit.
- (iv) Menggubal Rang Undang-undang Kesihatan Mental yang baru bagi menggantikan *Mental Disorder Ordinance 1952* yang ada pada masa kini.

Kementerian Kesihatan telah lama mengkaji semula akta-akta yang berkaitan dengan penjagaan pesakit mental iaitu, *Mental Ordinance 1952* untuk Semenanjung

Malaysia, *Lunatics Ordinance Sabah 1951* di Sabah dan di Sarawak ialah *Mental Health Ordinance Sarawak 1961*. Akta baru yang dicadangkan mengambil kira pelbagai aspek kelemahan akta yang sedia ada serta isu-isu yang dibangkitkan.

Cadangan pindaan akta sedia ada akan menjurus kepada konsep penjagaan kesihatan mental yang mana penggubalannya membolehkan kawal selia secara am perihal penjagaan dan rawatan pesakit mental di seluruh negara supaya ia sejajar dengan perubahan dan perkembangan pesat ilmu perubatan, sistem kesihatan dan kemajuan negara serta dasar penjagaan pesakit mental dengan mengambil kira keperluan penjagaan pesakit, keluarga pesakit serta rawatan masa kini.

Secara amnya, akta baru ini mengambil kira peranan dan penglibatan sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan dalam penjagaan dan rawatan kepada pesakit. Oleh yang demikian, penggubalan akta baru melibatkan interaksi dan maklum balas daripada pihak-pihak yang berkaitan, maka penggubalannya telah mengambil masa yang agak panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Safinah binti Jusoh.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah semua kes amuk itu disebabkan oleh pesakit-pesakit mental dan juga apakah pihak kerajaan mempunyai langkah-langkah tertentu untuk meredakan timbulnya kes-kes amuk yang mungkin disebabkan oleh orang-orang yang tidak mempunyai penyakit mental juga. Sekian.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wujudnya kes amuk ini adalah kerana ketidakstabilan mental seseorang tersebut. Jadi, kes amuk sebenarnya adalah berkaitan dengan ketidakstabilan *mind mental* dan untuk perkara ini saya rasa Kementerian Kesihatan telah pun mengeluarkan banyak maklumat dan juga memberi pengetahuan kepada orang ramai di mana dikatakan bahawa sekiranya ada kes-kes amuk dan di mana ada seseorang pesakit mental yang disyaki mungkin mewujudkan keadaan yang merbahaya kepada masyarakat adalah lebih baik supaya perkara ini dengan segera dibawa kepada perhatian pihak polis ataupun Pejabat Kebajikan Masyarakat yang terdekat supaya mereka dengan serta-merta dapat dibawa ke hospital kerajaan untuk mendapat rawatan dan juga adalah menjadi tanggungjawab pihak keluarga sebenarnya dan juga masyarakat setempat supaya mengambil berat

tentang masalah ini jangan kita abaikan mereka kerana orang yang mengalami sakit tekanan jiwa ataupun sakit mental ini bukanlah saudara kita jadi kita tidak perlu bimbang tentang perkara ini. Kita mesti prihatin tentang mereka-mereka yang mengalami masalah ini supaya kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dapat mengambil tindakan dan juga bersama-sama agensi-agensi lain dapat mengambil tindakan yang segera untuk menjamin kita dapat hidup dengan selesa di sesuatu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada wakil daripada Kementerian Kesihatan dengan jawapan yang begitu panjang tadi. Cuma saya hendak tanya kepada kerajaan adakah satu analisa dibuat mengenai orang sakit mental ini, yang kita dengar hari ini bila orang itu sudah mengamuk kita tahu dia sakit mental. Tetapi sebelum dia mengamuk adakah kita buat kajian bagaimanakah orang ini sebab apa mereka menjadi sebegitu rupa. Saya hendak beri contoh, tadi soalan yang nombor tujuh menyatakan Sijil Sakit palsu contohnya, kalau orang ambil Sijil Sakit yang palsu, pada saya doktor yang beri sijil itu pun sudah ada mentalnya kurang dan begitu juga dengan orang yang pergi berjumpa dengan doktor minta Sijil Sakit yang palsu ini juga mungkin entah ada sakit jiwa, tekanan jiwa. Jadi, adakah kerajaan membuat kajian tentang ini, itu satu contoh.

Contoh yang kedua, contohnya kalau saya sebagai seorang yang mempunyai perniagaan, saya beri gaji kepada orang saya untuk bekerja dan mereka buat kerja yang tidak diarahkan kepada saya hanya mengambil abai tindakan yang dibuat itu tidak selari dengan apa yang telah dijanjikan semasa mula bekerja, saya menganggap orang ini juga ada *stressnya*, mungkin ada kesalahan dalam jiwanya yang menyebabkan perjanjian asal dengan saya tidak dibuatnya. Ini juga saya rasa merupakan orang sakit jiwa. Jadi, kalau analisa ini dibuat pada tahun mula kita merdeka sehingga sekarang ini, pertumbuhan masyarakat dalam negara ini yang dari dahulunya *populationnya* meningkat....

Tuan Yang di-Pertua: Okay, soalan tambahan sekarang.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Jadi, soalnya apakah analisa dibuat tentang ini supaya perkara-perkara seperti ini tidak lagi timbul dalam masyarakat kita, jadi saya minta kalau boleh kerajaan buat kajian dengan Kementerian Pendidikan supaya dapat kita kurangkan ini, kita rancangkan dahulu sebelum mereka ini menjadi orang sakit jiwa. Ini soalan

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya analisa terperinci terhadap setiap individu memang kita tidak lakukan. Tetapi secara rambangnyanya daripada analisa-analisa yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan juga agensi-agensinya pertubuhan antarabangsa, didapati 10% daripada rakyat mengalami tekanan jiwa. Mungkin di dalam sini pun kita ada lebih kurang 50 orang, mungkin boleh dikatakan 10% makna 5 orang itulah secara statistik. Tetapi ini tidak bermakna 10% di sini secara keseluruhannya. Tetapi kes-kes yang serius cuma melibatkan 1% sahaja daripada penduduk.

Juga pada masa kini sebabnya adalah kerana pembangunan yang pesat yang berlaku di negara kita dan juga di seluruh dunia dan di persekitaran hidup kita, kita menghadapi tekanan hidup yang sangat kuat. Jadi, itulah sebab kementerian telah pun mengadakan Kempen Kesihatan Mental untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang betapa pentingnya kita mesti mengadakan keluarga yang ceria, cara hidup yang sihat, cara hidup di mana kita mempunyai senaman yang sesuai, makanan yang sesuai dan juga tempat kehidupan yang selesa. Jadi, itulah aspek-aspek Kempen Kesihatan Mental. Tetapi namun demikian, cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu kita akan terima tetapi berkaitan dengan cuti sakit itu sebenarnya ini bukan cuti sakit, ini adalah berkaitan dengan Sijil Kesihatan yang telah saya beritahu tadi ialah berkenaan Sijil Kesihatan untuk pemandu-pemandu ke ngeri lesen awam, bukanlah cuti sakit. Jadi, saya ingat Yang Berhormat tidak mengikuti penjelasan yang saya berikan tadi.

12. Dato' Dr. Chin Fook Weng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebelum pilihan raya presiden Amerika Syarikat, pemimpin-pemimpin Malaysia ada menyuarakan bahawa sekiranya Al Gore menang, perhubungan dengan Malaysia akan menjadi lebih bermasalah. Bagaimanakah kemenangan George W. Bush boleh menguntungkan Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pemimpin-pemimpin kita telah meluahkan perasaan kebimbangan mereka terhadap dasar-dasar yang mungkin diambil oleh Al-Gore terhadap Malaysia. Ini berikutan daripada kenyataan-kenyataan negatif beliau terhadap Malaysia di masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan? Sila Yang Berhormat Dato' Tengku Adnan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Soalan tambahan saya kepada Menteri Luar Negeri ini. Apakah kementerian melakukan untuk mengadakan satu lobbies dengan pemimpin-pemimpin Amerika untuk memberi penerangan yang sebenarnya berkenaan dengan Kerajaan Malaysia, terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini kita belum ada lagi rancangan untuk mengadakan lobbies tetapi kita ada menerusi agensi-agensi kementerian kita dan badan-badan kerajaan yang lain terus untuk menyebarkan maklumat dan juga berhubung menerusi kedutaan kita di Washington, merapatkan perhubungan di antara Kongres Amerika dan kerajaan kita dan begitu juga cadangan Yang Berhormat itu boleh kita ambil kira pada masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada delegasi ke Amerika itu jangan lupa Yang Berhormat Dato' Tengku Adnan Mansor. Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 13 hingga 43 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN
TERBUKA (PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[19 Disember 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman menyambung ucapan.

11.18 pagi

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyambung perbahasan Rang undang-undang Akta Rumah Perjudian Terbuka 1993 Akta 289 yang saya buat semalam dan tidak sempat habis. Tuan Yang di-Pertua, hari semalam saya menyatakan perlunya accountability, transparency, ketelusan di peringkat majlis-majlis daerah yang mengeluarkan lesen rumah perjudian ataupun mengeluarkan lesen pusat hiburan di kawasan masing-masing.

Berasaskan kepada accountability ini, dengan wujudnya banyak kes pencerobohan yang dibuat oleh kerajaan terhadap rumah-rumah, pusat-pusat tanpa izin ini, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan berapa jumlah kes yang telah dibuat, yang telah didapati oleh kerajaan berlaku baru-baru ini mengikut daerah kerana ianya ada kaitan dengan pengurusan yang dibuat oleh daerah itu sendiri.

Kalau sekiranya satu-satu daerah itu mempunyai terlalu banyak rumah-rumah yang dijadikan perjudian untuk budak-budak bawah umur dan sebagainya. Ini menunjukkan pengurusan di daerah itu tidak berkesan dan saya minta Jabatan Perkhidmatan Awam memainkan peranan untuk mengaudit dari masa ke semasa ke tahap pengurusan kualiti majlis-majlis daerah ataupun ianya bidang kuasa kerajaan negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri mengadakan satu taskforce anggota-anggota dan pegawai-pegawai kerajaan pergi menjelajahi di daerah-daerah untuk mengaudit pengurusan daerah-daerah kerana Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku baru-baru

ini di Johor, penduduk-penduduk begitu bosan dengan satu kilang yang mengeluarkan satu wap yang busuk sehinggakan ianya didapati terbakar, dibakar ataupun terbakar saya tidak tahu, di Johor kerana mereka sudah tahu kilang itu beroperasi tanpa lesen sudah mendapat arahan untuk tutup tetapi tutup sekejap, jalan lagi. Takkan pengurusan daerah itu tidak mengetahui perkara ini berlaku. Tidakkah ada perondaan, kita tidak mahu rakyat jelata menentang satu-satu kejadian secara anarki, secara bersendirian, secara menggunakan kekerasan kerana kalau mereka bosan dengan keadaan yang sepatutnya dapat diambil tindakan oleh pihak kerajaan tetapi dibiarkan dengan sebab-sebab tertentu mereka mungkin akan mengambil tindakan lagi.

Jadi saya tidak mahu besok melihat rumah-rumah perjudian di daerah-daerah dibakar oleh masyarakat yang marah kepada perkara ini daripada berlaku. Sebelum itu berlaku, kita check dulu, kita periksa dulu, kita audit dulu pengurusan-pengurusan daerah. Jadi saya minta kementerian sahabat saya Timbalan Menteri Kewangan beritahu Dewan yang mulia ini, daerah mana yang teruk sekali berasaskan dengan kes-kes baru-baru ini dan apa tindakan yang diambil kepada pengurusan daerah itu kerana kalau tidak perkara ini akan terus berlaku. Ianya dibiarkan berlaku, ini kes perjudian. Kenapa kerajaan mengambil bill ini begitu serius untuk dibawa dengan secepat mungkin daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara kerana perkara ini serius dan ini proses perundangan. Satu bill kita bawa walhal tindakan pengurusan pentadbiran sahaja. Kalau sekiranya tidak wujud rumah-rumah perjudian haram ini, mungkin bill ini tidak perlu tetapi perlunya bill ini kerana on the ground mohon izin Tuan Yang di-Pertua, tidak berjalan dari segi pengawasan dan pemberian lesen.

Jadi hari ini kalau dapat pihak kementerian beritahu kita daerah mana dan apa tindakan dan Jabatan Perkhidmatan Awam wujudkan satu taskforce, satu audit bukan sahaja dengan rumah perjudian, dengan mana-mana sekali. Kita tidak perlu dengar surat khabar berlaku satu-satu perkara di satu-satu daerah pasal mereka sudah pun diberikan kuasa, penguatkuasaan untuk menjalankan tugas untuk memastikan tidak ada pelanggaran-perlanggaran yang boleh memarahkan rakyat untuk membuat sesuatu tindakan yang tidak diinginkan lebih-lebih lagi menghentam pula kerajaan. Kerajaan hanya menguruskan, mentadbirkan, kerajaan Barisan Nasional saya

maksudkan walhal pada peringkat dasarnya berjalan baik tetapi praktiknya tidak berjalan baik.

Ya Tuan Yang di-Pertua, kerana kita banyak lagi bill dalam masa dua hari ini, saya mohon menyokong bill ini dan mengharapkan pihak-pihak kerajaan dapat mengatasi masalah-masalah yang saya timbulkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hassan Shukri

11.24 pagi

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan Rang undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000. Saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan Fasal 7 dalam pindaan ini yang memberikan kuasa kepada pihak penguasa polis daerah untuk menutup premis-premis perjudian. Saya tidak tahu sama ada yang hendak ditutup ini premis-premis perjudian yang telah diberikan lesen oleh pihak majlis daerah ataupun majlis perbandaran, tetapi memandangkan kuasa-kuasa yang seperti ini saya rasa perlu supaya pihak polis dapat mengambil tindakan yang segera bagi menutup premis-premis perjudian yang ada terutama sekali di bandar-bandar yang kita lihat ianya boleh menjadi pusat maksiat, pusat yang boleh merosakkan akhlak remaja dan juga pemuda-pemudi kita di kawasan-kawasan bandar dan juga luar-luar bandar yang mereka ini biasanya apabila ada tempat-tempat perjudian yang dahulunya diberikan lesen yang kita katakan kadang-kadang menurut istilah orang kampung, ini tempat judi yang halal. Jadi judi ini pun ada dua; satu judi halal, satu judi haram.

Jadi di tempat-tempat ataupun di daerah-daerah yang diberikan lesen oleh pihak yang berkuasa daerah dan juga pihak yang berkuasa majlis tempatan, premis-premis judi ini dibenarkan. Di samping itu kerana judi ini sangat digemari oleh setengah-setengah kalangan, maka ada usaha-usaha untuk membuka tempat-tempat judi yang tidak berlesen, inilah yang disebutkan tempat perjudian haram. Kita mengharapkan supaya kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas membanteras kegiatan perjudian ini. Bagi saya, sama ada dia yang diistilahkan perjudian halal atau perjudian haram kerana mengikut yang saya tahu seperti telah saya nyatakan dua tiga hari sudah dalam Dewan ini bahawa persoalan judi ini dilihat dari segi pandangan

agama-agama, saya dapati tidak ada satu agama pun yang membenarkan judi ini sama ada agama Islam, agama Kristian, agama Hindu ataupun agama Buddha semuanya mengharamkan. Semua agama-agama ini mengharamkan judi. Tetapi bagaimana judi ini boleh berleluasa di negara kita. Ini persoalan yang perlu kita hadapi.

Selain daripada menguatkuasakan undang-undang yang akan kita beri kepada pihak polis misalnya dan pihak polis memanglah apabila menjalankan kuasa undang-undang ini, diberikan kuasa sehingga membenarkan pihak polis mengambil barang-barang yang dirampas tidak akan dipulangkan semula. Kuasa ini diberikan dalam pindaan ini kepada pihak polis dan kita mengharapkan semoga kuasa-kuasa itu juga digunakan dengan sebaik-baiknya. Kita mengharapkan supaya pihak polis bertindak tangkas bagi menangani persoalan perjudian di kalangan masyarakat Malaysia ini sama ada di kalangan orang-orang Islam ataupun orang-orang yang bukan Islam dari pelbagai agama.

Yang keduanya barangkali pindaan undang-undang ini jangan ditujukan kepada syarikat-syarikat yang kecil sahaja tetapi yang besar-besar, sehinggakan kerajaan sendiri pun sebenarnya terlibat dalam melaburkan wang dalam syarikat-syarikat yang jelas syarikat itu adalah sebagai syarikat judi. Sebagai contoh misalnya, saya berikan di sini ada pelaburan kerajaan secara langsung dalam industri perjudian misalnya saya tunjuk KWSP sendiri ada mempunyai saham dalam Genting Berhad sama ada benar ataupun tidak, mungkin saya akan mohon penjelasan nanti, sebanyak 7,894,800 unit saham KWSP ini di Genting. Genting ini adalah syarikat yang mengendalikan perjudian dan casino.

Kemudian selain daripada itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga. Ini melibatkan tentera-tentera sama ada yang pencen ataupun yang belum pencen, sama ada mereka itu di peringkat tinggi ataupun peringkat rendah tentulah ada mencarum dalam tabung ini.

Saya difahamkan ada 45,162, 668 unit saham dilaporkan dalam Resource World Sdn. Bhd. Syarikat ini juga adalah di antara syarikat-syarikat yang mengendalikan urusan perjudian, itu secara langsung tetapi saya tidak hendak menyebutkan semua dan ada juga yang secara tidak langsung misalnya saya sebutkan di sini, KWSP juga secara tidak langsung ada saham sebanyak 1,453,000 unit saham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya minta menghentikan 1 minit. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Long untuk mempengerusikan majlis mesyuarat.

Datuk Long bin Jidin: Silakan Yang Berhormat

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sebagai contoh saya sebutkan tadi KWSP ada memiliki saham ataupun melabur sebanyak 1,453,000 unit saham di dalam Malaysian Plantation Berhad dan Malaysian Plantation Berhad ini merupakan pelabur kedua terbesar dalam Laser Management Berhad. Laser Management Berhad ini adalah juga salah sebuah syarikat yang terlibat dalam perjudian. Itu penyertaan KWSP dalam syarikat yang tidak langsung tetapi syarikat itu kemudiannya membeli saham dalam syarikat yang secara tidak langsung dibeli sahamnya oleh KWSP ada melabur dalam syarikat perjudian itu sebagai satu contoh.

Kemudian di sini Menteri Kewangan Malaysia ada juga saham sebanyak 3,958,205.000 dalam Kemunting Corporation Berhad dan Kemunting Corporation Berhad ini pula sebagai pelabur utama dalam Magnum Corporation Berhad juga sebuah syarikat perjudian. Oleh yang demikian itu saya memohon perhatian daripada pihak kementerian yang berkenaan supaya pertama sekali, kumpulan wang yang melibatkan orang ramai, sama ada dia orang Islam atau pun orang bukan Islam kerana tadi saya katakan asasnya semua agama dari segi pengajarannya tidak membenarkan penganut-penganutnya untuk turut serta di dalam kegiatan perjudian. Jadi kegiatan perjudian yang kita nampak ialah budak-budak ataupun remaja-remaja yang menyertai ataupun yang berjudi di tempat-tempat yang diberi lesen dan di tempat-tempat yang tidak diberi lesen, sebagaimana yang diistilahkan oleh kita tempat perjudian haram dan tempat perjudian halal kalau sekiranya dia berlesen.

Syarikat-syarikat yang saya sebutkan ialah syarikat-syarikat besar yang mempunyai lesen-lesen perjudian tetapi yang malangnya ialah orang yang tidak tahu, misalnya pencarum-pencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Mereka tidak tahu bahawa wang mereka itu dilaburkan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam syarikat-syarikat perjudian. Jadi kita mengharapkan kerana saya rasa tidak ada pertikaian dari segi pandangan agama sebagaimana yang saya katakan tadi

bahawa sesungguhnya semua agama tidak membenarkan ataupun mengharamkan penyertaan penganut-penganutnya dalam kegiatan perjudian, sama ada perjudian halal dari segi istilah undang-undang ataupun perjudian haram dari segi pandangan masyarakat.

Jadi kita mengharapkan bukan sahaja pihak yang berkuasa akan membanteras perjudian-perjudian atau tempat-tempat perjudian yang kecil-kecil tetapi juga akan cuba berusaha untuk tidak melaburkan wang daripada tabung-tabung yang disertai oleh rakyat Malaysia yang berbagai agama ini dalam syarikat-syarikat kegiatan perjudian. Kerana maknanya kalau yang kecil-kecil kita cuba banteras, yang besar kita tidak cuba sekat ini *double standard*. Kita tidak mahu melihat pihak yang berkuasa mengajak rakyat di bawah-bawah ini supaya tidak dibenarkan menyertai kegiatan perjudian tetapi apabila perjudian itu besar, dikendalikan oleh syarikat-syarikat perjudian, ia dibolehkan kerana dapat mengumpulkan keuntungan. Di tangan saya ini ada perbandingan, syarikat-syarikat perjudian dapat mengumpulkan keuntungan yang besar walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi. Misalnya saya hendak sebut iaitu keuntungan-keuntungan yang diperolehi di sini oleh Genting Berhad

Pada tahun 1999....

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat ada minta laluan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh kita sendiri maklumlah Kerajaan Pusat ini diasaskan oleh sebuah masyarakat *multi racial* yang menghormati budaya dan sebagainya. Tetapi bagaimana pandangan ustaz kalau sebuah negerilah yang telah mengisytiharkan sebagai menjalankan dasar-dasar Islam dan sebagainya tetapi masih membenarkan penjualan arak dan ke manakah hasil cukai arak itu pergi, adakah pergi kepada Kerajaan Negeri ataupun kepada Kerajaan Pusat. Kenapa perkara ini masih dibiarkan, masih berlaku di negeri yang berkenaan, sedangkan perisytiharan, cakap-cakap yang besar, janji-janji yang besar telah dibuat tetapi tidak dilaksanakan sehingga sekarang ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang diPertua, barangkali maksud Yang Berhormat itu ialah negeri Kelantan dan Terengganu. Memanglah negeri Kelantan telah menutup premis arak dan judi ini tetapi oleh kerana

menghormati juga sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, negara yang berbilang kaum, kita membenarkan premis arak ini di dua, tiga tempat sahaja di negeri Kelantan dan Terengganu.

Datuk Zainudin bin Maidin: Dua tiga tempat pun sama juga.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Di negeri Terengganu, tentulah kita beransur-ansur tidak sekali gus tetapi maknanya dikurangkan. Di negeri Terengganu daripada 32 sekarang ini hanya tinggal lapan sahaja. Kita mengharapkan semoga dengan kita melatih masyarakat kita insya-Allah lama kelamaan akan diterima. Soalnya sekarang ini bertambah, bukan mengurangkan. Jadi kalau sudah 40 tahun lebih memerintah bertambah tentu ada yang tidak betul. Baru satu tahun di Terengganu, kita sudah kurangkan dari 32 kepada lapan. Itu perbezaannya.

Datuk Long bin Jidin: Lalan lagi.

Datuk Zainudin bin Maidin: Maaflah Yang Berhormat sebenarnya langkah mengurangkan, langkah mengislamkan, langkah untuk membersihkan perjudian dan sebagainya telah diambil oleh Kerajaan Pusat sendiri, dari satu langkah ke satu langkah. Yang Berhormat sendiri boleh saksikan, bukti-bukti yang umpamanya kita telah mengawal lesen perjudian, mengambil tindakan-tindakan di mana yang boleh memaksatkan keperibadian rakyat, terlalu banyak contoh. Jadi bukanlah kerajaan negeri sahaja, itu perasaan sendirilah. Tetapi barangkali sebagai orang yang rasional akan dapat mengkaji daripada sejak kemerdekaan hingga sekarang ini masyarakat Malaysia semakin diislamkan termasuklah dalam perbankan Islam dan sebagainya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menafikan bahawa ada usaha-usaha, apa yang kita cuba bangkitkan di sini dan kita cuba sarankan di sini supaya usaha-usaha itu lebih giat dan mudah-mudahan kita mengharapkan semua masyarakat berbagai agama di negara kita ini akan menerima usaha-usaha ini. Yang Berhormat sekalian tentu faham lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat, negeri premis sahaja. Lesen perjudian ini setahu saya dikeluarkan oleh pihak Pusat. Negeri ialah soal tempat judi itu. Kalau negeri tidak benarkan walaupun dia ada lesen, katakanlah orang Kelantan dia mohon lesen, lulus lesen tetapi Kelantan tidak beri tempat, boleh jadi lesen yang diluluskan itu dibawa ke Pahang atau ke mana, itu kita tidak tahulah tetapi yang sah sepanjang pengetahuan

saya bahawa lesen itu diberikan oleh pihak Pusat oleh Kementerian Kewangan premis adalah kuasa kerajaan negeri.

Jadi saya hendak sebutkan tadi kerana diganggu, Genting misalnya pada tahun 1999 ini sebagai contoh sahaja mengaut keuntungan bersih sebanyak RM1,101,000 maknanya RM1.1 bilion lebih setahun. Ini syarikat kasino dengan syarikat perjudian, itu sebagai satu contoh. Jadi janganlah kerana keuntungan yang begitu menggalakkan kita cuba menarik ataupun menggunakan wang tabung rakyat ataupun caruman rakyat kita laburkan kepada syarikat-syarikat perjudian. Itu hanya pendapat saya, kalau sekiranya ini dipertimbangkan saya rasa ia akan boleh juga menjadi contoh dan teladan kepada rakyat biasa sama ada di kampung-kampung atau di bandar-bandar.

Jadi memanglah kadang-kadang kita sebutkan, dua, tiga hari ini PAS banyaklah kena pukul dan kena hentam. Tetapi kerana bulan puasa ini saya pun tidak hendak menjawab kerana nabi kata kalau bulan puasa kalau ada orang kata dekat kamu [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Saya berpuasa jadi kuranglah sedikit dosa. Jadi, saya sejuk sedikit. Walau bagaimanapun saya hendak beritahu misalnya ada orang-orang bukan Islam membangkitkan kalau kita perintah macam mana soal babi. Dahulu pernah saudagar-saudagar babi datang jumpa saya. Minta maaf, mereka ingat Islam ini tidak bolehkan orang bukan Islam memelihara babi. Saya katakan sehingga ada ulama-ulama menulis, kalau di sebuah negara itu tidak dapat dielak, mesti ada orang yang bukan Islam. Walaupun negara itu sistemnya Islam, mereka itu dibenarkan untuk memelihara babi, saya kata. Sehingga ulama-ulama ini menulis jika sekiranya pemelihara babi itu, babinya berlebihan babi itu boleh dijual ke luar negara dengan dikenakan cukai yang rendah.

Tetapi sekiranya di dalam negara Islam itu ada orang bukan Islam hendak makan babi, babi tidak ada, babi boleh dibawa masuk daripada luar, dikenakan cukai yang tinggi. Itu ulama-ulama dahulu tulis. Tetapi kadang-kadang yang digambarkan oleh setengah-setengah kalangan tidak demikian, maka dengan sebab itu timbul salah faham. Saya mengharapkan semoga hal ini dapat difahami.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat Ustaz ada lagi Yang Berhormat Dato' Adnan minta laluan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, masalah berkenaan dengan judi, dengan babi ini, masalah yang kita tekankan di sini ialah selalunya PAS ini *double standard*. Apabila untuk kepentingan politik mereka semuanya boleh. Tadi Yang Berhormat ada sebut berkenaan dengan saham-saham yang dilaburkan oleh syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan. Barangkali Yang Berhormat tidak sedar bahawa syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan mempunyai *portfolio manager*, dengan izin dan *portfolio manager* ini akan melaburkan wang kepada syarikat-syarikat yang membawa keuntungan tetapi mereka tidak terlibat dengan secara langsung. Apa Yang Berhormat sebutkan tadi kalau kita biarkan umat Islam pun boleh, minta maaf kalau saya silap, tadi ustaz ada sebut umat Islam pun ada jual babi.

Saya tidak tahu dari mana hukumnya yang umat Islam ini boleh menjual babi. Kerana waktu saya sendiri ada berceramah di negeri Kelantan. Saya pergi sembahyang selepas saya berceramah ada seorang anak muda yang diselewengkan oleh PAS dalam doanya telah menyebutkan, "Ya Allah yang Tuhan ku engkau turunkanlah anjing-anjing Engkau untuk melaknati penceramah yang baru berceramah" Itu sahajalah. Saya tidak tahu yang Tuhan ini pun ada anjing dan saya tidak tahu apa yang PAS hendak buat. Masalah kita sekarang ini ialah kita takut bahawa akidah umat Islam ini akan diselewengkan oleh kerana kepentingan politik.

Tadi ustaz ada sebut berkenaan dengan keuntungan Resort World ataupun Genting sebanyak RM1 bilion. Adakah ustaz sedar bahawa daripada RM1 bilion itu berapa banyak kah wang keuntungan daripada syarikat Genting tadi telah pun juga syarikat tersebut telah melaburkan semula untuk kebaikan masyarakat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas perkara-perkara yang ditimbulkan. Mengenai PAS sebagai parti saya tidak hendak jawab. Tetapi yang mengenai Islam saya akan jawab. Inilah kekeliruan, kadang-kadang yang kita selalu ingatkan supaya seseorang itu hendak tegur parti tidak apa. Tetapi jangan menegur parti itu sampai menyalahkan Islam. Saya menerangkan tadi persoalan cukai babi itu bukan orang Islam yang mengambil cukai. Saya kata itu dalam sebuah sistem, sebuah pemerintahan, jangan ada orang menganggap bahawa

sampai bila rakyat sebuah negara itu ada yang bukan Islam, sampai tidak boleh dibenarkan makan babi, tidak begitu. Jadi maksud saya bukan PAS dan bukan juga orang Islam yang berniaga babi. Tetapi untuk orang bukan Islam memang dibenarkan, itu yang saya hendak jelaskan.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta maaf saya tidak nampak.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Saya bukan salahkah parti. Yang saya salahkan ialah parti memperalatkan Islam untuk kepentingan politik mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih. Saya pun sebenarnya tidak berhajat hendak jawab, tetapi kalau tidak jawab, dia tinggal begitu sahaja, meninggalkan kesan yang tidak baik. Kita mempunyai pandangan bahawa sesungguhnya Islam ini, Islamlah. Kalau hendak terang Islam, semua kegiatan hidup manusia ini ada hukumnya dalam Islam sehingga seorang yang bunuh semut pun ada hukum. Bunuh semut, bunuh apa jugalah. Apakah dalam Islam soal besar, soal pemerintahan, soal politik itu bukan mengalatkan, Islam yang perintah kita. Kita berpolitik ini kerana menunaikan perintah Islam, di antara yang dipertanggungjawabkan oleh Islam kepada seorang Muslim ialah supaya mereka berusaha untuk menegakkan ajaran Islam melalui sebuah negara.

Kalau saya hendak terang sejarahnya panjang. Kalau sekadar dakwah cukup Rasulullah s.a.w. berdakwah selama 13 tahun, cukup. Tidak payah diperintahkan oleh Allah s.w.t. pindah ke Madinah, menubuhkan sebuah negara, sebuah pemerintahan yang di dalam negara itu ada orang Yahudi, ada orang Nasara, ada orang Arab Musyrik. Semuanya ini ada kaitan dengan politik. Jadi, saya rasa kita bukan memperalatkan Islam untuk tujuan politik tetapi kita diperintahkah oleh Islam supaya berpolitik. Saya harap cukuplah setakat itu hari ini supaya saya dapat kembali kepada persoalan yang dibahaskan.

Datuk Long bin Jidin: Ada lagi Yang Berhormat, Datuk Zainudin minta laluan, boleh?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Sila.

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih. Apa yang dapat kita saksikan ialah satu pertelagahan mengenai perkara-perkara yang saya tidak tahu daripada ustaznya barangkali soal apa yang dikatakan Islam barangkali, soal Al-Muhakamah ataupun soal *Mutashabihatun*, saya tidak tahu. Itu ustaz lebih maklum tentang firman-firman yang wajib dan juga perkara-perkara yang boleh ditafsirkan oleh manusia itu sendiri di dalam Al-Quran. Manusia boleh membuat tafsiran mengikut kehendaknya sendiri yang kalau saya tidak silap ustaz, kalau ustaz lebih tahu iaitu, tentang *Al-Muhakamah* dan juga *Al-Mutashabihatun*, dua perkara yang ada tahwilnya. Jadi, sekarang kita ada berbalah, berbalah atas soal-soal akidah. Mana satu yang betul? Siapa yang lebih Islam dan siapa yang lebih tidak Islam? Tetapi sedangkan matlamat adalah sama. Kita menuju ke arah yang sama, baik UMNO baik PAS menuju ke arah yang sama, tetapi caranya.

Caranya setelah sekarang ini, setelah PAS berhadapan dengan DAP, berhadapan dengan kerjasama dengan orang lain juga, PAS sendiri sudah banyak menunjukkan tolak ansur-tolak ansur di atas asas-asasnya sendiri. Mula-mula kita hendak isytihar hendak *implement* kharaj, kharaj bercukai. Tetapi akhirnya apabila dia melihat DAP di sebelahnya, maka dia pun bertolak ansurlah, boleh memberi, maka dia *justify* apa yang telah dilakukannya, yang telah diharamkannya kepada UMNO. Ini adalah satu proses politik mereka sedang mempelajari, satu proses bekerjasama antara kaum yang telahpun dipelajari oleh UMNO sejak mula kemerdekaan lagi.

Ini orang baru *immature* dalam politik kalau dikirakan pada hal sudah tua dalam politik. Saya tidak mahu memanjangkan perkara ini tetapi saya ingin untuk hanya sekadar apa yang telah diminta oleh Qardawi iaitu seorang ulamak Islam, Dr. Yusof Al-Qardawi yang baru ini dianggap sebagai *The Greatest Islamic Leaders Scholars* di zaman moden ini. [Menunjukkan keratan akhbar]. Baru-baru ini telah mendapat declared sebagai *Islamic Personality of The Year* oleh *Dubai International Holy Quran Award*.

Dalam satu ucapannya apabila diinterview mengenai kurniaan kepadanya, apa yang dikatakannya, secara ringkas saya akan terjemahkan kemudian iaitu dia telah menyeru "That he called for the bridging the gap between different Islamic school of

taught, particularly at this time when Muslims were required to unite leaving aside their differences to face their enemies. At the time of battle, we should not fight over small differences, over interpretation of the Holy Quran and the Sunnah". Tetapi, inilah yang sedang berlaku.

Inilah perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat dari PAS untuk mempertikaikan cara-cara. Cara Islam, cara UMNO untuk mengimplementasikan Islam dan cara PAS yang lebih menakutkan orang Islam, yang akan mengorbankan masa depan Islam di negara ini sendiri.

Itu cara, *method*. Kita ada kita punya metodologi kita sendiri yang lebih meyakinkan dalam kemaraan kita ke arah menyempurnakan metodologi ini, kita tidak menakutkan orang-orang bukan Islam. Kita menghalalkan budaya-budaya mereka setakat yang patut. Kalau salah, kita tangkap dan itulah apa yang dilakukan sekarang yang merampas lesen-lesen dan sebagainya. Itulah hakikatnya. Hakikatnya kita menuju ke arah yang sama. Kita mengajar, mendidik rakyat untuk menjadi suatu bangsa yang murni, yang menjunjung nilai-nilai budaya yang baik. Itulah hakikatnya, tetapi kita hanya perbezaan caranya dan inilah yang diminta oleh Dr. Yusof Qardawi supaya kita hormati. Sekian ustaz, itu terakhir. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Kalau saya boleh fahamkan apa yang dikatakan oleh Dr. Yusof Qardawi itu, beliau meminta supaya orang-orang Islam tidak mempertikaikan masalah-masalah yang kecil untuk menuju ke arah perpaduan yang lebih besar dan yang lebih kuat. Saya boleh bersetuju, tetapi memanglah pertikaian-pertikaian ini tidak boleh dielakkan. Perselisihan pendapat tidak boleh dielakkan, selagi manusia ini bernama manusia, perselisihan pendapat tidak boleh dielakkan. Dalam Dewan yang mulia ini pun, kita mendengar banyak pandangan, kadang-kadang saya pun naik gerun mendengar ucapan-ucapan Yang Berhormat dan saya lihat setengahnya terlalu perkauman. Saya rasa terlalu perkauman.

Saya gerun ini kerana saya di antara orang yang mengalami Peristiwa 13 Mei, barangkali Yang Berhormat pun tahu. Yang turut sama menyelesaikan, mententeramkan semula masyarakat Malaysia setelah menempuh kegawatan 13 Mei atau peristiwa hitam 13 Mei. Oleh yang demikian itu, saya tidak sedikit pun berminat terhadap ucapan-ucapan yang membangkitkan perkauman. Tetapi barang diingat

berbeza apabila kita mengatakan tentang Islam. Islam bukan agama perkauman, Islam untuk semua. Tetapi ianya bukanlah satu agama yang boleh dipaksakan. Saya rasa Yang Berhormat pun tahu, ianya bukan satu agama yang kita kena paksakan tetapi kita berhak untuk menerangkan.

Berbangkit mengenai apa yang dikatakan kharaj, kharaj ini hanyalah sebagai suatu pendekatan. Kharaj maknanya cukai, bukan susah sangat, cukai. Memanglah Sheikh Abu Yusof Al-Hanafi ada menulis satu kitab tentang kharaj kerana dalam kerajaan Islam ini pun ada yang boleh dicukai, ada yang tidak boleh dicukai. Ada cukai itu hanya ke atas pertanian sahaja, tidak ke atas tanah. Misalnya sekarang ini, ada cukai ke atas tanah walaupun tanah itu tidak ada hasil, tetapi kharaj, cukai dikenakan ke atas hasil, tidak ke atas tanah.

Kita telah menerangkan perkara ini kepada sahabat-sahabat kita, orang Tionghua dan sebagainya. Nampaknya mereka menerima baik dari segi konsepnya tetapi oleh kerana ianya tidak pernah dilihat dan dilaksanakan di mana-mana jua negara, sama ada negara umat Islam atau mana-mana negara dalam dunia sekarang ini, jadi mereka melihat apabila disebut perkataan kharaj, mereka rasa ganjil. Itu sahaja persoalannya, tidak lebih daripada itu.

Berbalik kepada ayat *Mutasyabihat* kerana dibangkitkan saya terpaksa jawablah. Dalam Al-Quran ini ada *Mutashabihat*, ada *Muhkamat*. Memang ayat yang *Mutashabihat*. Barangkali untuk pengetahuan sahabat-sahabat yang bukan Islamlah, apa dia ayat yang *mutashabihat*? Misalnya saya sebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] itu *mutashabihat* lah, “Tangan Allah mengatasi tangan mereka”. Jadi, ada juga ahli-ahli akidah yang mengatakan kita tidak boleh takwil, tangan itu tanganlah, tetapi tangan Allah tidak macam tangan kita. Habis, selesai.

Pandangan yang kedua, ditakwil perkataan “yad” itu dengan kudrat, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Kekuasaan Allah itu mengatasi kekuasaan mereka”, mengatasi seluruh kekuasaan yang ada dalam dunia itu. Itu yang dikatakan takwil, itu yang dikatakan ayat *Mutashabihat*. Adapun ayat-ayat yang berkaitan, yang menyuruh kita supaya menghukum dengan hukum Islam, ini tidak ada sedikit pun keraguan, tidak ada sedikit pun jalan bagi ulamak mana pun untuk mentakwilkan dia kerana ianya ayat yang sangat jelas, tidak *Mutashabiha t*. Saya ingat Yang Berhormat

Dato' Zainuddin Maidin, sahabat saya ini, dia boleh terimalah itu. Cuma kadang-kadang kita tengok dia geram dekat PAS ini, itu sahajalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini sebagaimana yang saya katakan tadi, Fasal 7 memberikan kuasa kepada polis, kemudian ada lagi Fasal 8 yang memberikan kepada pihak polis, maknanya menangkap, kemudian dia sita segala harta-harta kepunyaan syarikat judi haram atau yang halal, semua boleh dirampas. Itu kuasa-kuasa yang diberikan.

Saya rasa ini suatu pendekatan. Kita pun tidaklah membantah pendekatan yang seperti ini. Ini adalah suatu deraan. Tetapi yang penting bukan sahaja deraan. Saya mengharapkan seperti yang saya tegaskan semalam, kita rakyat Malaysia ini yang menganut pelbagai agama dan pelbagai budaya, saya difahamkan oleh orang-orang Tionghua, orang Cina, bahawa budaya judi itu bukan budaya Cina tetapi orang Melayu sahaja yang letakkan bahawa budaya itu budaya Cina.

Judi bukan budaya Cina dan dia juga bukan ajaran agama Buddha ataupun Confucius yang dianut oleh setengah kalangan orang-orang Cina. Dia bukan budaya dan bukan juga ajaran agama. Kita harus insaf bahawa daripada penganut-penganut agama di dunia ini sudah lari, saya kata ada yang lari jauh, dan lari sikit-sikit daripada ajaran agama masing-masing. Ini kita harus akui. Anak-anak kita makin lama makin jauh daripada agama. Saya tanya Tok Chai, Tok Chai, minta maaf, Tok Chai kah? Yang baca kitab orang mati itu. Saya tanya dia, apa pasal ada baca-baca kitab? Dia kata dalam kitab itu ada 17 keseksaan. Seksa kubur, rupanya ada juga agama Buddha ini keseksaan seksa kubur. Sepertilah juga orang Islam, ada seksa kubur. Tetapi tentulah pendekatan mereka untuk memahami tentang keseksaan ini berlainan dengan agama Islam.

Mungkin disebut juga, seksa orang berjudi. Seksa orang-orang kaki judi mungkin juga disebutkan waktu Tok Chai itu baca, ha..yang baju kuning itu baca kitab. Dia kata tetapi tuan, dia kata sangat malanglah sekarang ini orang-orang muda sudah tidak kenal lagi, tidak tahu lagi tentang isi kandungan kitab-kitab yang kita baca ini.

Jadi, saya menyeru beginilah, supaya judi ini kita dapat tangani bukan sahaja dengan undang-undang dan penguatkuasaannya serta dengan deraan tertentu, tetapi

saya rasa pengajaran agama yang menghalang setiap penganutnya supaya tidak mengamalkan ataupun tidak melakukan, judi ini juga harus kita pertingkatkan, penganut agama Buddha mempertingkatkan penerangan kepada anak-anak buahnya supaya anak dan remaja kita pada masa yang akan datang akan menghindarkan diri mereka daripada perjudian atas kesedaran agama.

Kalau anak-anak kita sudah tidak pergi ke tempat judi, dengan sendirinya tempat judi itu tutup. Judi itu ada kerana ada orang main judi. Kalau orang tidak ada, tidak ada minat dah orang berjudi, judi itu pun tutup. Saya ingat zaman-zaman dulu di kalangan orang Melayu main pakau. Orang Cina pun main pakau, saya ingat. Sekarang, main pakau ini saya kira kalau kita pergi di kampung-kampung Melayu sudah tidak ada. Dulu kalau bulan puasa ini sama ada pakau ada duit kah, pakau tidak ada duit kah, saya pun tidak tahu. Tetapi adalah orang Melayu main...

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, sebab daun pakau sudah tidak ada.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Daun pakau sudah tidak ada, pasal tidak ada orang hendak main pakau, maka daun pakau pun tidak ada. Jadi, begitulah, kalau tidak ada orang berjudi, premis judi pun tidak ada, lesen judi pun tidak payah dikeluarkan.

Jadi, saya berharap, saya sokonglah undang-undang pasal judi ini, saya sokong sepenuhnya. Kita menyokong rang pindaan kerana memberi kuasa yang lebih kepada pihak polis, tetapi walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan kepada pihak yang berkuasa supaya pihak yang berkuasa ini juga walaupun banyak lagi dibangkitkan oleh sahabat tad secara insaf, secara jujur, secara lembut, kita semua tidak setuju sama ada yang di ataskah, yang di bawahkah atau remaja kitakah semua tidak suka perkara tidak baik, semua kita tidak suka.

Kita tidak payahlah mempertahankan, kalau ia untung banyak pun tidak payah mempertahankan. Yang ada itu, biarlah dia kaut untung, tetapi kita jangan menyertai keuntungan yang begitu, kemudian keuntungan itu kalau dibahagi-bahagi pula kepada orang yang tidak terlibat dan yang tidak terlibat itu makan daripada keuntungan judi. Itu lagi tidak baik. Dari segi Islam memang tidak baik. Saya rasa dari segi agama Confucius, lagi tidak baik. Sebab itu orang Confucius makan sayur saja. Kita makan daging, lembu, dia orang makan sayur saja. Benda-benda berdarah mereka tidak

makan. Sampai begitu punya menjaga makanan apa lagi makan daripada judi dan sebagainya.

Akhirnya saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih. Dato' Dr. Chin silakan.

12.00 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000 ini. Saya hanya ada beberapa pandangan yang mengkhusus kepada beberapa seksyen yang telah disebutkan.

Yang pertama, tentang definisi satu alat perjudian iaitu di bawah Seksyen 2(1)(b) dan (c) di mana ada disebutkan bahawa satu "gaming machine" atau mesin perjudian merupakan satu mesin yang akibat daripada pemain atau operasinya, maka adalah kemenangan dalam bentuk duit ataupun nilai duit (money's worth). Bagi taksiran saya kalau kita dapat satu hadiah itu juga satu yang boleh disebutkan sebagai satu yang bernilai duit. Sama ada itu pun termasuk dalam definisi ini atau ia terkeluar daripada definisi money's worth yang disebutkan dalam definisi mesin perjudian ini. Itu adalah komen pertama.

Saya sangat mengalu-alukan cadangan kerajaan supaya meningkatkan penalti di bawah Seksyen 4(1) dan juga 4B ada disebutkan di sini bahawa penalti yang akan dikenakan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM50,000 setiap mesin. Dan di bawah Seksyen 4B itu ada dicadangkan bahawa denda itu ialah sebanyak RM10,000 hingga RM100,000 dan penjara tidak lebih daripada 5 tahun. Cadangan-cadangan ini saya sangat menyokong memandangkan perjudian bukan suatu perkara yang kita harus galakkan tetapi kita haruslah mengambil tindakan yang tegas supaya perkara ini tidak berlangsung.

Saya juga ingin menyentuh tentang seksyen 16A (7) iaitu tentang mesin-mesin yang telah dibawa ke depan Majistret selepas dibicarakan. Dan ada disebutkan dalam seksyen ini bahawa apa yang akan terjadi kepada mesin itu ialah mengikut arahan Majistret tersebut. Saya hanya hendak tanya kenapa kita sebutkan mengikut arahan Majistret tersebut dan apakah arahan-arahan Majistret itu, adakah arahan itu mungkin

kata simpan mesin ini dalam satu stor atau menghancurkan mesin itu supaya ia tidak boleh digunakan lagi.

Bagi saya adalah lebih baik kalau kita ada peruntukan dalam seksyen ini yang menyatakan dengan terus terang bahawa mesin itu kena dihancurkan atau kena dimusnahkan supaya ia tidak dapat digunakan lagi. Itu bagi saya adalah lebih tepat dan Majistret pun tidak ada pilihan lain. Beliau pun kena mengikut peruntukan undang-undang ini iaitu sesuatu mesin yang telah dirampaskan itu selepas dibicarakan akan dimusnahkan, tidak ada pilihan mengikut arahan Majistret. Sekarang ada disebutkan mengikut arahan Majistret itu. Saya dapati ini kurang tepat, dikatakan "shall be disposed of in accordance with the directions of the Magistrate". Bagi saya adalah lebih sesuai kalau kita sebutkan bahawa ini akan dimusnahkan di hadapan Majistret itu, iaitu Majistret itu hadir dan kita guna satu alat atau mesin yang besar dan memusnahkan mesin perjudian ini.

Tentang Seksyen 21A di mana sesuatu pegawai polis itu kalau beliau mendapat maklumat bertulis dan selepas sesuatu penyiasatan yang beliau memikirkan perlu, beliau boleh minta bahawa bekalan elektrik itu kepada sesuatu premis itu dipotong. Bagi saya adalah lebih baik kalau kita keluarkan perkataan "which he may think necessary". Ini untuk mengurangkan pertikaian sama ada perkara itu telah dilakukan secara adil atau tidak. Adalah lebih baik pada pendapat saya kalau beliau menjalankan satu penyiasatan dan selepas penyiasatan itu ambillah tindakan yang sesuai. Sama ada untuk meminta bekalan elektrik itu dipotong atau apa juga keputusan tetapi selepas sesuatu penyiasatan yang harus dilakukan dan bukan sama ada beliau memikirkan perlu atau tidak perlu. Bagi saya itu adalah lebih adil dan adalah lebih boleh diterima oleh pihak berkenaan supaya pihak ini tidak akan mempertikaikan tindakan pegawai polis itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya dalam beberapa bahagian yang saya rasa penting dan saya harap dalam jawapan nanti pemerhatian-pemerhatian itu akan diambil kira. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

12.08 tgh.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah melantik seorang wanita untuk memegang jawatan tertinggi dalam perundangan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana dengan atas arahan beliau maka penarikan balik lesen untuk permainan video yang telah lama ditunggu-tunggu telah pun dilakukan. Ini adalah satu tindakan yang amat wajar dan patut diberikan pujian dan dibanggakan.

Berkaitan dengan pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya merasa gembira kerana pindaan ini juga telah menyasarkan café cyber untuk dikawal melalui pindaan ini kerana saya difahamkan bahawa walaupun permainan video lesennya telah ditarik dengan arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi permainan ini masih lagi boleh dilaksanakan ataupun dilakukan oleh remaja kita, anak-anak kita di tempat-tempat yang lebih selesa lagi yang sepatutnya dikenali sebagai premis untuk mendapat ataupun menimba ilmu seperti cyber café di mana mereka sepatutnya mendapat ilmu melalui Internet. Tetapi tempat-tempat ini saya difahamkan boleh disalahgunakan untuk mendapatkan ataupun membuat permainan video game dan ini merupakan salah satu alternatif pula. Mungkin sekarang ini kepada anak-anak dan remaja kita dengan penarikan lesen permainan video yang dilakukan di video-video arked di seluruh negara kita di Malaysia ini.

Jadi saya berharap sangat dengan pindaan yang baru ini, ini akan dapat memastikan perkara-perkara seperti ini dapat dikawal kerana saya difahamkan juga cyber café ini tidak ada kawalan tentang perkara-perkara seperti ini dan memang kerajaan tidak menggalakkan kawalan diadakan kerana ini merupakan tempat untuk menimba ilmu. Jadi saya difahamkan buku-buku daftar untuk mereka yang hadir ke situ pun tidak dibenarkan untuk dilaksanakan untuk mengetahui siapa yang hadir ke

situ dan budak-budak ini memang tidak ada kawalan langsung bila mereka menggunakan tempat-tempat seperti cyber café ini.

Saya melihat juga melalui Seksyen 2(c)(b) takrifan tentang “gaming machine”.

Dalam (a) itu dikatakan:

- “(a) *it may be used for the purpose of playing a game of chance or a game of mixed chance and skill; and*
- (b) *as a result of the playing operation of the machine or device, winnings in money or money’s worth may become payable.*”

Saya kerana tidak biasa dengan judi ini, saya tidak tahulah sama ada permainan video di komputer di cyber café itu boleh termasuk dalam takrifan tersebut. Saya tidak tahu sama ada mereka dapat duitkah hasil daripada main video itu ataupun kalau tidak duit pun money’s worth. Jadi saya minta juga kementerian untuk memberikan penjelasan tentang perkara ini. Saya berharap sangat supaya perkara ini dapat dikawal supaya ia tidak menjadi alternatif kepada video arked dalam satu suasana yang lebih selesa lagi untuk anak-anak kita melibatkan diri dalam perkara yang ingin kita elakkan dan ingin kita banteras.

Dalam masa yang sama, saya rasa apa yang lebih membimbangkan berkaitan dengan perjudian ini ialah saya melihat kebelakangan ini sasaran ialah terhadap gejala ini yang melibatkan anak-anak remaja kita. Tetapi apa yang membimbangkan saya ialah perbuatan berjudi ini adalah diberikan contoh oleh orang-orang dewasa. Jadi anak-anak ini dia melihat orang dewasa melakukan judi maka dia tentunya beranggapan ini satu perkara yang boleh dia lakukan, mengapa pula saya hendak dihalang sedangkan orang dewasa, orang tua-tua termasuk bapa-bapa saya dibenarkan. Kerana petang kelmarin kita semua di Dewan yang mulia ini diberitahu bahawa di tempat-tempat seperti padang golf pun terdapat ‘perjudian’ yang melibatkan orang-orang dewasa, yang kebanyakan bermain golf itu orang dewasa. Dan bukan sahaja orang dewasa, bolehlah saya mengatakan terdiri daripada kumpulan-kumpulan yang elit. Setakat inilah permainan golf cuma orang-orang tertentu sahaja yang boleh bermain golf kerana membeli golf stick itu pun mahal harganya apatah lagi kalau sekali setnya dan menjadi ahli kelab golf pun memerlukan wang yang banyak. Jadi kumpulan yang elit sahajalah, dengan izin, yang bermain

golf dan kebanyakan mereka ini merupakan bapa-bapa. Jadi kalau bapa-bapa boleh berjudi, jadi tentulah yang kecil-kecil itu kata, kami pun apa salahnya.

Jadi, contoh seperti inilah yang sepatutnya kita lihat, tinjau dan kita kaji supaya dia tidak diteruskan ataupun kalau boleh dibanteras supaya kerja-kerja kita untuk menyelamatkan anak-anak kita dari terjebak dalam gejala ini akan lebih bermakna dan berkesan.

Sehubungan dengan contoh orang dewasa ini, saya juga ingin menekankan di sini kepada kementerian, selain daripada video games dan alat-alat perjudian yang lain, saya juga ingin melihat jenis-jenis perjudian yang lain yang sekarang ini berleluasa di negara kita ini yang melibatkan semua kaum dan kumpulan strata dalam *society* kita, dengan izin, juga lesen-lesennya ditarik balik kerana saya melihat perbuatan berjudi ini, bukan sahaja dia haram dari segi agama tetapi juga dia banyak meninggalkan kesan yang negatif terhadap orang yang menjadi kaki judi kepada keluarganya dan seterusnya juga kepada masyarakat di sekelilingnya.

Bayangkanlah seorang bapa yang bergaji RM500 sebulan dengan tiga orang anak, ada isteri yang sedang mengandung. Sebab sudah menjadi kebiasaan, tiap-tiap hari dia beli empat nombor ekor. Kalau saya tidak salah, betulkan saya kalau saya salah. Kadang-kadang dia ada *draw* dua kali seminggu. Jadi, kalau dia berbelanja 10 tiket, RM1 satu tiket untuk satu *draw*, jadi dalam seminggu dia belanja RM20. Kali empat dalam sebulan ialah RM80. Okay, itu sudah dia belanjakan. Jadi, daripada gajinya sudah tinggal RM420 dalam bulan itu. Kemudian itu, kerana dia kaki judi pula, dia pergi juga ke tempat seperti dia main *jackpot*, saya tidak tahu macam mana dia punya *translation*. Kadang-kadang dia orang panggil juga, yang saya dengar di Sabah, saya tidak tahu di Semenanjung Malaysia, *one arm bandit*.

Saya tidak tahu kalau ada Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini tahu apa dia *one arm bandit*. Macam itulah yang selalu dia orang kata dan saya ditunjukkan. Jadi, di situ lagi dia pergi main, tidak tahu siang ataupun malam sehinggakan kerja pun dia terlupa. Nanti di situ bukannya dia menang, dia kalah lagi. Tidak tahu berapa dia *spend*. Habis duit, kemudian dia berhutang dengan kawan. Hutang dengan kawan tidak cukup juga kerana ketagihan. Dia macam dadah juga. Dia gian juga dan mahu teruskan main. Jadi, dia pergi meminjam pula dengan syarikat-syarikat kewangan

yang tidak berlesen yang mengenakan faedah yang tinggi, dengan izin, *loan shark*, teman saya memberitahu tadi. Ini mengenakan faedah yang berlipat ganda.

Akhir-akhirnya, dia tidak ada wang hendak bawa balik ke rumah untuk anak-anak dan isteri. Dia berhutang terlalu banyak. Dia datang kerja pun sudah tidak sanggup lagi sebab yang menagih hutang itu sentiasa datang melihat dia. Akhir-akhirnya dia tidak ada kerja. Jadi, saya melihat ini yang menjadi mangsa itu adalah keluarga dan anak-anak dia.

Begitulah kegiatan perjudian ini tetapi yang ada lesen itu, mesin *one arm bandit*, dengan izin, saya difahamkan oleh kawan-kawan lelaki yang tahu, dia kata sekurang-kurangnya untuk satu mesin itu, saya tidak tahu betul kah salah ini, satu mesin itu sebulan dia boleh untung RM10 ribu. Bayangkan kalau satu orang yang ada lesen itu, dia ada 10 mesin *one arm bandit*. 10 kali RM10 ribu adalah RM100 ribu sebulan. Setahun, semalam saya kira-kira adalah RM1.2 juta. Senang kaya. Tetapi yang tadi saya katakan RM500 sebulan itu, akhir bulan tidak ada duit, anak dan isteri pun sengsara.

Jadi, inilah masalah gejala yang ditinggalkan oleh adanya lesen berjudi. Jadi, saya melihat ini dari segi keluarga dan masyarakat, patutlah ia ditimbang dan dikaji sedalam-dalamnya untuk ditarik balik. Saya rasa tidak ada kebaikannya. Lebih banyak keburukannya dan ini harus dipertimbangkan sedalam-dalamnya oleh kementerian.

Permainan ini saya lihat bukan sahaja dilakukan di tempat-tempat tertentu, termasuk juga di kelab-kelab golf juga terdapat mesin-mesin seperti ini. Kelab-kelab rekreasi pun tumbuh seperti cendawan di negeri saya, Sabah. Kononnya kelab rekreasi untuk member, jadi ahli kita pergi berehat di sana. Mungkin main benda-benda lain. Tidak tahu saya tetapi yang lebih menarik saya difahamkanlah adanya *one arm bandit* itu. Mesin untuk berjudi itulah yang lebih menarik dan saya difahamkan juga yang lebih menguntungkan untuk pemunya kelab-kelab ini ialah adanya mesin-mesin seperti itu, maka mereka mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk meminta kementerian supaya mempertimbangkan perkara ini sedalam-dalamnya dan saya juga ingin supaya kalau

boleh lesen-lesen ini juga ditarik balik oleh pihak kerajaan supaya memastikan skim cepat kaya yang bukan sahaja skim piramid, dapat kita banteras dan kita selamatkan masyarakat kita daripada orang dewasa, bapanya hinggalah ke anak-anaknya supaya masa depan negara kita ini akan lebih baik lagi dan kita akan dapat mewujudkan satu masyarakat yang lebih saksama dan dapat kita banggakan di masa yang akan datang.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong pindaan Akta Rumah Perjudian Terbuka tahun 2000 ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

12.25 tgh.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta dalam membahaskan rang undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri iaitu meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, bermain di kepala saya n soalnya rumah terbuka. Bagaimana pula rumah yang tidak terbuka. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan kita yang lain telah pun banyak mendengar daripada kenyataan-kenyataan akhbar wujudnya perjudian ini bukan sahaja rumah-rumah yang terbuka, malahan berlaku juga di sekitar – mereka sekarang telah bergerak dan beralih kerana adanya tindakan-tindakan pihak berkuasa menangkap dan memansuhkan mesin-mesin perjudian, mereka telah bergerak di rumah setinggan yang jauh daripada mata awam dan pihak berkuasa beroperasi di tempat-tempat sedemikian.

Sepertimana apa yang telah berlaku di Ulu Kelang. Saya kira di Ulu Kelang adalah salah satu dari tempatnya, malahan banyak lagi tempat-tempat yang lain yang dibuka oleh mereka ini kerana tauke-tauke judi ini tidak akan dapat kita *eliminate*, dengan izin, kita akan mansuhkan dengan begitu cepat kerana ia memerlukan satu masa jangka yang panjang dan juga kerjasama daripada orang awam dan orang ramai demi memastikan bahawa mereka tidak wujud dan sindiket-sindiket ini bukan terdiri daripada mereka yang kita anggap mempunyai modal yang kecil, malahan mereka mempunyai modal yang besar. Saya tidak tahu mereka ini datang dari dalam negeri ataupun dibiayai oleh orang-orang luar dan satu perkara harus disiasat sama ada *in flow cash capital* yang dibawa masuk dari negara-negara ini datang daripada orang

luar yang sanggup untuk berniaga dalam pasaran terbuka yang dilakukan oleh negara kita.

Ini satu perkara yang harus disiasat oleh pihak kementerian dan saya memang bersetuju rang undang-undang yang dikemukakan. Sudah sampai masanya, walaupun telah lama kita tunggu tetapi namun demikian ianya tidak terlewat dan pasti pada kita semua, kita berasa bangga bahawa pindaan yang dicadangkan ini sudah sampai masanya bagi memastikan orang-orang yang mengaut keuntungan hasil daripada pendapatan rakyat jelata terutama sekali golongan yang kecil tidak dianiaya dan mereka ini hanya tahu ingin hidup perseorangan mencari keuntungan yang lebih tinggi demi untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 4 rang undang-undang ini bertujuan menambah denda yang dikenakan iaitu minimum RM10,000 kepada RM100,000. Saya kira walaupun denda ini tinggi di kalangan kita menyatakan memang sudah tepat masanya tetapi kalangan mereka yang berniaga perjudian ini, modalnya bukan kecil. Modalnya besar kemungkinan berjuta-juta ringgit, *hundred thousands maximum is nothing for them to me*, dengan izin.

Saya mencadangkan mereka ini bukan sahaja didenda dan selepas itu dikenakan hukuman penjara maksimum kepada lima tahun tetapi juga dikenakan sebatan dalam jail dan ini satu pengajaran yang paling baik untuk mereka. Denda dia boleh bayar. Masuk dalam jail, dia boleh masuk dan dia punya sindiket terus bergerak dan berjalan seperti biasa tetapi saya kira mencadangkan sekiranya Menteri boleh menggunakan satu kuasa dalam pindaan ini bagi memastikan tambahan iaitu rotan kepada mereka yang melakukan kesalahan yang sedemikian kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka, akibatnya membawa satu perkara yang sangat buruk kepada masyarakat negara kita.

Terutama sekali sebagaimana rakan saya telah menjelaskan sebelum saya tadi bahawa kedapatan kakitangan awam dan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah, bukan sahaja mereka ini, kadangkala saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, ada juga di kalangan mereka adalah angkatan tentera beruniform pula itu. Saya sendiri melihat pergi masuk, *you call it one arm bandit*, kita panggil satu nama lain iaitu *horse trading, something like that*, dengan izin.

Jadi, mereka masuk sana dengan berpakaian uniform dan tidak segan silu bermain judi selepas masa kerja, berjam-jam di tempat judi, meninggalkan anak, tidak tahu keluarga dan sebagainya. Ini satu penyakit saya anggap sama seperti orang menghisap dadah dan ini satu perkara yang harus kita lakukan dan harus kita buat dengan memastikan cari puncanya. Puncanya ialah datang daripada orang yang membuka tempat-tempat perjudian ini. Orang inilah yang harus dihukum lebih berat yang merosakkan masyarakat, merosakkan keluarga dan sebagainya.

Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dari segi, walaupun undang-undang tidak akan dilaksanakan, bagaimana pula soal *enforcement*nya, pelaksanaannya. Itu satu perkara yang penting. Tidak guna kalau Dewan ini meluluskan undang-undang yang ketat dan kuat tetapi dari segi penguatkuasaannya tidak begitu bergerak dengan baik untuk menjejak langkah-langkah orang-orang yang mendirikan kedai-kedai dan rumah-rumah judi sedemikian.

Jadi, *enforcement* satu perkara yang penting. Dan mereka pula yang mengeluarkan lesen perjudian secara terbuka seperti mana kata rakan saya, kedai-kedai nombor Empat Ekor, Tiga Ekor dan Toto dan sebagainya, ini merupakan perjudian dan sebagainya. Saya lihat, kedai-kedai ini dibuka pula berhampiran dengan restoran, kedai makan, kedai buku, tempat shopping complex di mana anak-anak kita, ibu-ibu lalu-lalang di sana. Jadi, kenapa lesen-lesen ini diluluskan di tempat-tempat sedemikian. Tidak ada kah penapisan, diperiksa terlebih awal, diperiksa terlebih dahulu, lesen-lesen hendak dikeluarkan, tempat-tempat yang kita cakap, tidak ada kena mengena dengan orang awam, kanak-kanak dan sebagainya.

Jadi, dengan hal yang sedemikian, kalau sekiranya lesen ini diberi, mereka buka kedai-kedai perjudian Empat Ekor, Tiga Ekor, kedai Toto dan sebagainya berdekatan dengan kedai buku, berdekatan dengan kedai makan, McDonald, Kentucky Fried Chicken, anak kita datang sana tengok kedai judi. Jadi, dari kecil lagi kita sudah mengasuh mereka ini perjudian, tabiat perjudian, kebudayaan perjudian. Mengapa? Saya berharap pihak-pihak berkuasa majlis tempatan, majlis perbandaran, kalau hendak meluluskan lesen, kalau benar lesen dihalalkan, saya kira dari segi pengeluaran, kelulusan, harus ditapis, tempat, periksa terlebih dahulu dan pastikan

bahawa ianya tidak berdekatan di tempat-tempat sepertimana yang telah saya katakan tadi.

Begitu juga dengan kesesakan lalu lintas. Kadangkala kita tengok, pukul lima, pukul enam, *that time is a peak hours*. Kadangkala motokar tidak boleh lalu langsung. Orang akan tinggalkan motokar di tepi jalan, motosikal, lori dan sebagainya, masing-masing lari, *last hour to buy four digit number*. Jadi, saya tidak nampak bagaimana majlis perbandaran buat demikian, tidak adakah kriteria, prosedur, perundangan, bagaimana hendak meluluskan dan sebagainya, orang buat permohonan, terus approve. Saya amat merasa sedihlah, kakitangan kita ini yang kadangkala tidak menjalankan tugas dengan baik, saya tahu banyak yang baik tetapi ada setengah-setengah mereka ini tidak memeriksa begitu mendalam di atas pemeriksaan-pemeriksaan bagi memastikan tempat-tempat perjudian ini tidak terbuka kepada kanak-kanak, wanita dan sebagainya dan terlihat begitu terang dan nyata bahawa seolah-olah kita ini menggalakkan perjudian dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua dan kawan-kawan sekalian saya juga pernah didatangi oleh seorang wanita, oleh kerana saya ini pemimpin persatuan sekerja, saya didatangi oleh seorang isteri, anak-anaknya dan ibu dan bapanya, si suami ini hampir-hampir kena buang kerja. ATM kad ini dia pergi kepada seorang peminjam wang, *he's holding the card*. Dia pinjam duit, bila masuk duit dalam gaji, orang yang memberi pinjam ini akan pergi ke mesin ATM card, draw dia punya duit sekaligus, habis. Oleh kerana dia telah pinjam duit lebih daripada itu, sehinggakan kad ATM, gaji yang disimpan dalam bank ini di pegang oleh orang yang beri pinjam wang, sampai macam itu dahsyat sekali. Dan sehinggakan beliau tidak datang kerja sebab tidak balik rumah, bila tidak balik rumah, tidak pergi kerja, tidak tukar baju akhirnya boss akan cakap, kena ambil tindakan disiplin, kena buang kerja dan sebagainya. Sampai terpaksa merayu ke pihak pengurusan supaya memberikan satu laluan dan kaunseling dan sebagainya bagi membolehkan beliau turut bekerja dalam syarikat ini untuk menanggung keluarga ini.

Jadi, ini satu perkara, banyak lagi yang saya temui. Sebab saya bangun bercakap ini supaya memastikan bahawa penguatkuasaan yang paling penting. Let us go all out, saya ingat barangkali saya juga mencadangkan bukan sahaja dari segi

penguatkuasaan barangkali kita hendak hidupkan semula rukun tetangga, the feedback kepada – kita tidak boleh mengharapkan polis sahaja. Nisbah polis dengan orang awam jauh beza, sebab itu semalam saya mencadangkan supaya angkatan tentera ini diserapkan dalam polis bila mana tamat perkhidmatan mereka bagi membolehkan penguatkuasaan dapat dijalankan. Sekarang ini polis, nisbahnya begitu kurang.

Jadi, saya mencadangkan supaya hidupkan semula Rukun Tetangga ini. Rukun Tetangga ini dapat bagi feedback di mana kedai perjudian, di mana tempat perjudian dan sebagainya yang haram yang dijalankan, membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan. Saya tinggal di Subang Jaya, saya kadang-kadang balik selepas Maghrib oleh kerana jem begitu begini, selepas sembahyang Maghrib saya balik. Saya balik kadang-kadang saya lalu depan sebelah Majlis Perbandaran Subang Jaya. Saya tengok motokar terlalu banyak di tepi jalan. Saya cakap, apa dia orang tunggu, tunggu dapat lesenkah, apakah. Jadi, suatu hari saya berhenti, saya tengok apa jadi, bila saya tengok Majlis Perbandaran Subang Jaya, motokar enforcement unit keluar dan motokar ini jalan lebih cepat daripada kereta enforcement officer. It's informal bouncer digunakan oleh perjudian ini, bagitahu rakan-rakan mereka tempat perjudian, now enforcement officers coming in, bertindak dan sebagainya. Dan saya fikir ada interrelated dengan orang yang dalam, kalau tidak masakan dia tahu, ini yang berlaku. Jadi, saya berharap, ini juga saya nyatakan tadi enforcement juga satu perkara yang penting hendak kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak jelaskan semasa Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri bercakap tadi, dia ada pandang saya bila dia mengatakan wang pelaburan daripada KWSP dilaburkan dalam Resource World dan Genting Highlands, sebenarnya pelaburan-pelaburan kewangan ini adalah dikendalikan oleh satu jawatankuasa panel pelaburan. Panel pelaburan ini mencari dimanakah syarikat-syarikat yang boleh membawa keuntungan kepada KWSP. Dari keuntungan ini akan diberi sebagai dividen kepada seluruh pekerja. Wang-wang yang disimpan di dalam KWSP ini digunakan untuk melabur bukan sahaja dalam Resource World, Genting Highlands, banyak syarikat-syarikat besar, syarikat gergasi yang lain adalah wang simpanan kedua-dua pihak majikan dan pekerja seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum dan semua ahli-ahli Dewan sedia maklum.

Dan wang-wang ini datang dari sumbangan kedua-dua pihak dan di kalangan pekerja pula bukanlah terdiri daripada pekerja Islam sahaja – banyak pekerja-pekerja yang lain juga, sama-sama turut menyumbang. Jadi soal istilah mengatakan keislaman. Jadi, saya kurang faham kerana saya ini bukan seorang sekolah Islam tetapi lebih cenderung kepada takrif perjuangan pergerakan persatuan sekerja. Pada saya, saya melihat kepentingan kaum pekerja. Dan saya selalu bercakap soal dividen, saya selalu bercakap dengan menteri supaya dividen KWSP ini dibagi kepada tiga peringkat. Saya masih ulangi lagi iaitu kurang RM100 ribu ke bawah penyimpan dapat dividen yang tinggi. RM101 ribu sehingga RM250 ribu kurang dividen, RM251 ribu lagi kurang dividennya.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan daripada Yang Berhormat. Terima kasih. Tentang masalah wang KWSP tadi yang dilaburkan kepada satu badan Resource World – saya tidak berapa tepat mendengarnya dan ini dikatakan mungkin menjadi keraguan. Saya juga pernah dengar Yang Berhormat menyatakan bahawa Yang Berhormat juga adalah Ahli Lembaga Pengarah KWSP. Oleh kerana penyimpan-penyimpan dalam KWSP ini adalah ramai di antara orang Islam, jadi elok untuk mengelakkan keraguan ini, sebagai i anggota Lembaga Pengarah berhak bersuara supaya wang yang dilaburkan, bukan sahaja berorientasikan keuntungan tetapi juga ianya mesti dalam source yang halal. Saya rasa itu lebih menghilangkan keraguan kita, sebab kita buat semua ini dari masa ke semasa supaya rakyat merasa ianya lebih jelas. Persepsi Islam ini bukan sahaja ada pada suatu pihak, semua kita, jadi tentulah kita menanggung sama-sama dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam kes Resource World Genting Highland, saya bukan hendak mempertahankan syarikat tersebut. Saya tidak ada kepentingan di dalam syarikat berkenaan. Saya bukanlah Lembaga Pengarah dan saya tidak ingin menjadi Lembaga Pengarah kedua syarikat tersebut. Resource World Genting Highland bukan sahaja berniaga untuk perjudian tetapi juga ada jenis-jenis perniagaan yang lain seperti recreation, hotel, restoran dan pelbagai perniagaan dijalankan oleh Resource World Genting Highland. Dan pekerja-pekerja yang bekerja dalam Resource World Genting Highland hampir-hampir lebih daripada 3,500 pekerja pada setiap satu ketika.

Segala wang pelaburan KWSP yang dilaburkan dalam Resource World Genting Highland adalah diputuskan oleh lembaga panel pelaburan dan saya tidak menduduki di dalam panel pelaburan, keputusan dibuat oleh panel pelaburan dan kalau sekiranya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi supaya saya menyuarakan perkara ini dan saya akan kemukakan pandangan saya kepada mesyuarat Lembaga Pengarah KWSP. Tetapi perlu diingat dalam Lembaga Pengarah KWSP terdiri daripada 18 ahli Lembaga Pengarah, 5 wakil pekerja, 5 wakil majikan, 5 wakil kerajaan, 2 independent, seorang pengerusi. Jadi, saya boleh suarakan pandangan saya tapi terpulang kepada Lembaga Pengarah untuk memutuskan apakah yang harus dibuat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian setelah perkara ini saya jelaskan dan pandangan-pandangan yang telah saya kemukakan, oleh kerana banyak bil-bil yang akan kita bahaskan jadi akhir kata saya menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan M. Ratnam silakan.

12.43 tgh.

Tuan M. Ratnam: Saya ucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk membahaskan Rang undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000. Beberapa ahli-ahli Yang Berhormat telah berucap panjang lebar mengenai perkara ini. Perjudian adalah satu gejala sosial yang tidak diterima oleh mana-mana agama ataupun keturunan. Ini akan membawa banyak masalah kepada bukan sahaja remaja tetapi juga orang tua. Apabila tidak ada duit beliau mula curi atau rompak untuk main judi. Di sini saya ingin cerita sedikit mengenai mesin-mesin judi yang wujud di seluruh tempat-tempat majlis-majlis daerah dan majlis-majlis perbandaran.

Saya juga telah memegang jawatan sebagai ahli majlis di salah satu majlis perbandaran. Di tiap-tiap mesyuarat perkara ini dibincang dengan hangat. Serbuan-serbuan dibuat tetapi tiap-tiap bulan lebih rumah perjudian diwujudkan di banyak tempat. Kerana pengendali dapat pendapatan yang lumayan sehingga dia sanggup membayar sewa untuk satu tahun sebagai sewa pendahuluan. Jadi, tengoklah berapa dia punya pendapatan. Apabila kita pergi rampas mesin waktu pagi, waktu petang dia

sudah dapat mesin baru. Kadang-kadang dia pun sudah tahu bahawa penguatkuasaan akan berlaku dan sebelum pegawai-pegawai penguat kuasa pergi ke tempatnya, mesin-mesin baik semua sudah angkat keluar dan dia simpan dua, satu mesin buruk untuk namaan sahajalah.

Apa erti itu. Inilah pagar makan padi. Kakitangan-kakitangan....

Datuk Long bin Jidin: Bukan pagar makan padi.

Tuan M. Ratnam: Padi makan pagar?

Datuk Long bin Jidin: Harapkan pagar, pagar makan padi.

Tuan M. Ratnam: [Ketawa] Kakitangan-kakitangan dalam jabatan-jabatan yang dipertanggungjawabkan telah membocorkan rahsia itu. Apa sebab dia bocorkan rahsia itu. Dia pun ada *interest* dalam itu. Saya juga dapati bahawa sekiranya ada lima mesin, satu mesin ialah untuk pegawai yang berkenaan.

Datuk Long bin Jidin: Pegawai apa itu?

Tuan M. Ratnam: Pegawai berkenaan di jabatan itulah. Pegawai penguat kuasa itu. Apabila kita dapat tahu kita tidak beritahu pegawai-pegawai. Jadi, salah seorang ahli Majlis dipertanggungjawabkan dia kata 'Jangan beritahu siapa, *staff standby*.' Bila masa dia suka datang, okay ikut saya. Apabila pergi dengan cara itu dapat rampas mesin-mesin baru. Yang menjalankan kegiatan aktiviti perjudian itu dia ikut belakang pegawai ahli Majlis itu sampai ke rumah dia. Dia telefon dan ugut dia, "Eh you jaga, you ada anak, you ada bini, tak mahu selamatkah?" dan sebagainya. Perkara ini betul wujud, sehingga kita tidak ada pegawai-pegawai kerajaan ataupun penguat kuasa yang jujur, memang ini tidak boleh dihapuskan.

Apakah tindakan yang diambil atas pegawai-pegawai yang buat demikian? Tidak ada apa-apa tindakan. Lebih-lebih dia tukar dari bahagian itu ke bahagian lain. Ini tidak cukup. Kalau kerajaan atau pegawai atasan ambil tindakan yang tegas, buang kerja, orang takut. Sekarang tiap-tiap hari dia dapat duit masuk dalam saku, lebih-lebih tukar ke bahagian lain sahaja. Jadi, ini adalah satu amalan yang berlaku di kebanyakan tempat.

Saya suka menyokong dengan kuat rang undang-undang ini kerana ini adalah satu undang-undang yang akan memberi faedah kepada orang ramai. Seperti yang telah diterangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kita perlu mengambil tindakan

yang tegas sekiranya boleh buang negeri pengendali itu ataupun sebat supaya perkara-perkara ini tidak akan diulang ataupun orang lain takut untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ini.

Jadi, dengan kata-kata ini, saya menyokong Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000. Sekian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi, tak ada. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

12.47 tgh

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak merakamkan jutaan terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terhadap cadangan pindaan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 ataupun dikenali sebagai Akta 289 ini. Kesemua lapan orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan yang membina, mengemukakan teguran, cadangan yang kami anggap boleh menolong atau membantu pihak kerajaan untuk menjalankan aktiviti untuk membanteras aktiviti perjudian khususnya perjudian tanpa lesen. Ke lapan-lapan orang Yang Berhormat telah pun juga menyuarakan sokongan mereka kepada pindaan yang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini dan juga sokongan mereka kepada usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan perjudian khususnya perjudian tanpa lesen.

Sebelum saya memberikan jawapan satu demi satu kepada soalan ataupun pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi menjelaskan pendirian Kerajaan Barisan Nasional terhadap perjudian. Berdasarkan kepada implikasi sosial dan agama, perjudian maka memang jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil satu sikap iaitu tidak menggalakkan pertumbuhan aktiviti perjudian. Tetapi dalam pada itu, pihak Kerajaan Barisan Nasional telah memilih satu pendekatan yang dianggap lebih praktikal, lebih realistik dan lebih pragmatik terhadap perjudian. Sikap dan pendekatan yang saya katakan tadi, sikap yang lebih realistik, lebih pragmatik dan lebih praktikal termasuk pertamanya, kerajaan tidak lagi mengeluarkan lesen

perjudian walhal ada juga lesen perjudian telah pun dibatalkan. Misalan kata *outlet*, kedai-kedai nombor ramalan telah pun dikurangkan.

Kedua, kita akan terus mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya terhadap perjudian tanpa lesen seperti mana yang telah pun dilaksanakan satu keputusan Kabinet untuk menghapuskan dan menutup sama sekali pusat-pusat video berlesen ataupun tanpa lesen khususnya pusat-pusat yang menjalankan aktiviti yang mempunyai elemen perjudian.

Ketiga, kita dari masa ke semasa akan mengemaskinikan perundangan yang sedia ada untuk mengenakan kawalan yang lebih ketat kepada aktiviti perjudian yang dilesenkan. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum semua premis ataupun pusat perjudian yang dilesenkan oleh kerajaan bahawa orang Islam tidak dibenarkan masuk. Mereka yang berumur di bawah 21 tahun tidak dibenarkan masuk, dan murid-murid sekolah tidak dibenarkan masuk. Dengan pindaan yang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini dan selepas disetujui dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, bahawa denda yang lebih berat lagi akan dikenakan kepada mereka yang terlibat dalam perjudian tanpa lesen.

Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri telah menyatakan bahawa Kerajaan PAS Negeri Kelantan dan Terengganu telah mengamalkan satu pendekatan yang lain iaitu dengan tidak mengeluarkan lagi lesen perniagaan kepada *outlet* yang menjual nombor ramalan. Ini memang merupakan satu pendekatan yang lain. Tetapi ini tidak bermakna dengan menghentikan ataupun tidak lagi mengeluarkan lesen perniagaan kepada mereka yang mengendalikan nombor ramalan, ini tidak bermakna aktiviti perjudian telah dihapuskan di negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Mengikut laporan yang kita terima dari pihak polis perjudian memang masih berlaku di negeri Kelantan dan negeri Terengganu. Pada hal mereka yang mengendalikan aktiviti perjudian lebih suka atas pendekatan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri PAS ini. Kerana kalau sekiranya *outlet* tidak dibenarkan lagi bahawa mereka yang menjalankan aktiviti perjudian tanpa lesen ataupun *underground* memang tidak dapat dikawal, mereka boleh jual kepada siapa sahaja. Mereka boleh jual kepada orang yang beragama Islam, mereka boleh jual kepada murid-murid sekolah, memang tidak dapat dikawal sama sekali. Apa lagi mereka tidak dikenakan

cukai. Apa lagi kalau sekiranya *outlet-outlet* yang dilesenkan ini telah ditutup mereka tidak akan berhenti untuk membeli nombor ramalan, maka mereka kenalah beli daripada orang yang menjalankan perjudian tanpa lesen, business lebih baik. Orang yang menjalankan perjudian tanpa lesen ini.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Yang Berhormat seakan-akan tidak mempunyai pendirian, sekejap hendak hapus, sekejap tidak hapuskan. Jadi, seakan-akan Yang Berhormat macam menggalakkan bagi banyak-banyak lesen. Itu saya minta penjelasan.

Dato' Chan Kong Choy: Saya hendak menjelaskan sekali lagi, kita tidak menggalakkan, tetapi kita mengamalkan pendekatan yang lebih realistik. Kita memberikan lesen tetapi untuk mengadakan kawalan yang ketat bahawa kita boleh kawal. Tetapi kalau kita tidak memberikan lesen ini tidak bermakna perjudian boleh dihapuskan sama sekali seperti apa yang berlaku di Kelantan dan Terengganu. Jangan tipu diri sendiri bahawa kalau tak berikan lesen ini telah dihapuskan, tidak. Memang tidak. Kita ada menerima laporan daripada pihak polis. Laporan daripada surat khabar pun ada, baru-baru ini satu sindiket yang terbesar telah dikenal pasti di Machang, *network* dia seluruh negara. Ini masih berterusan di Terengganu dan Kelantan kerana tanpa kawalan.

Maka kita yakin bahawa apa yang dipraktikkan oleh Barisan Nasional adalah lebih realistik kerana kita boleh mengenakan kawalan yang ketat sekali. Ini tidak bermakna kita menggalakkan pertumbuhan aktiviti perjudian, memang tidak. Dari statistik yang ada menunjukkan bahawa kita tidak lagi memberikan lesen baru, memang tidak. Walhal kita mengurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang menguatkuasakan undang-undang. Dalam usaha menangani perjudian tanpa lesen ini kerajaan telah membentuk dua jawatankuasa bertindak. Pertama, Jawatankuasa Kabinet Bagi Mengatasi Gejala Sosial yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan satu lagi jawatankuasa dibentuk melalui Kementerian Kewangan bagi menjalankan tindakan menguatkuasakan bersepadu. Kerajaan mengambil berat ke atas kegiatan perjudian tanpa lesen kerana ianya telah

menimbulkan masalah sosial yang turut melibatkan generasi muda seperti pelajar-pelajar sekolah. Oleh itu, satu Jawatankuasa Bertindak Bagi Menangani Masalah Perjudian Tanpa Lesen telah dibentuk melalui Kementerian Kewangan, bertujuan memantau...

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Chan Kong Choy: Panjang lagi.

Datuk Long bin Jidin: Boleh tangguh petang.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana jam tepat pukul 1.00 tengah hari, maka Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang dan akan disambung pada jam 2.30 petang ini.

Dewan dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung jawapan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kerajaan mengambil berat ke atas kegiatan perjudian tanpa lesen kerana ianya telah menimbulkan masalah sosial yang turut melibatkan generasi muda seperti pelajar-pelajar sekolah, oleh itu satu jawatankuasa bertindak bagi menangani masalah perjudian tanpa lesen telah dibentuk melalui Kementerian Kewangan bertujuan memantau dan membanteras aktiviti perjudian tanpa lesen yang berleluasa akibat daripada perkembangan teknologi berkomputer dan komunikasi secara berkesan dan bersepadu dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, peranan jawatankuasa ini antara lain ialah untuk merangka strategi yang paling berkesan ke arah membanteras aktiviti perjudian tanpa lesen. Antara peranan-peranan jawatankuasa bertindak adalah seperti berikut:-

- (i) mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan dalam menangani kegiatan perjudian tanpa lesen;

- (ii) mengenal pasti kelemahan-kelemahan perundangan yang sedia ada untuk mengawal kegiatan perjudian tanpa lesen;
- (iii) mengenal pasti tindakan-tindakan pencegahan yang boleh dilaksanakan seperti memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai keburukan tabiat berjudi; dan
- (iv) mengenal pasti dan merangka tindakan-tindakan penguatkuasaan secara bersepadu yang boleh diambil di peringkat pusat, negeri dan daerah-daerah.

Ahli-ahli jawatankuasa yang dicadangkan adalah terdiri daripada jabatan kerajaan yang ada hubung kait dan mempunyai kuasa di bidang ini dan boleh memainkan peranan dalam membanteras kegiatan perjudian tanpa lesen seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dan JAKIM.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melihat kepada aspek-aspek penguatkuasaan, kementerian dan agensi-agensi yang terlibat juga akan merangka program jangka panjang seperti program alternatif untuk memperkuatkan jati diri dan menjauhi daripada aktiviti perjudian. Di samping peranan yang dimainkan oleh kerajaan bagi menangani masalah perjudian tanpa lesen ini, peranan masyarakat juga adalah penting terutama ibu bapa supaya dapat memberi didikan agama dan moral kepada anak-anak masing-masing. Ketua-ketua masyarakat juga perlu memainkan peranan masing-masing untuk menjelaskan tentang keburukan berjudi kepada masyarakat.

Yang Berhormat Tuan Hassan Haji Shukri menyentuh tentang KWSP yang memegang saham di Genting Berhad dan lain-lain syarikat. Kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini tetapi saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa syarikat-syarikat yang disebut ini juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang lain seperti Genting juga dalam penjanaan elektrik, hotel, pembinaan, newsprint dan sebagainya dan ia bukan sahaja terlibat dalam aktiviti perjudian sahaja.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin menyentuh tentang Fasal 16A (7) di mana ungkapan '*shall be disposed of in accordance with the directions of the Magistrate*', beliau berpendapat bahawa ini patut digantikan dengan kenyataan yang lebih terus terang bahawa mesin judi hendaklah dimusnahkan di hadapan Majistret.

Tujuan ungkapan ini ialah untuk menggambarkan bahawa pelupusan dijalankan adalah mengikut kuasa undang-undang. Lazimnya kaedah pelupusan yang diarahkan adalah pemusnahan mesin judi itu dan sebagai tambahan Majistret diberi budi bicara untuk mengambil tindakan yang bersesuaian dengan hal keadaan, misalan kata mesin ini mungkin akan dijadikan sebagai *exhibit* di mahkamah, maka peruntukan ini adalah bertujuan begitu.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menyentuh tentang definisi '*gaming machine*' sama ada ianya *including money's worth* dan sebagainya, dan juga apa definisi '*common gaming house*'. Definisi '*common gaming house*' di antaranya termasuk:

- (i) satu tempat yang dianggap sebagai *hair picture gaming*, dengan izin, yang dijalankan;
- (ii) terdapat lebih daripada lapan orang yang terlibat dalam aktiviti perjudian dan
- (iii) di mana orang awam mempunyai akses boleh pergi ke tempat itu dengan senang sahaja.

Maka Seksyen 16A '*easier disposed*' untuk tujuan pemusnahan di mana saya telah sebutkan tadi. Tentang '*money's worth*' ini merupakan bayaran gantian yang kemudiannya bolehlah ditukarkan kepada wang seperti chips, token dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menyentuh tentang sama ada ungkapan '*after any enquiry which he may think necessary*,' patut dipotong dalam subseksyen 21A(1), beliau berpendapat bahawa ungkapan ini patut dipotong untuk mengelakkan keraguan terhadap tindakan pihak polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ungkapan ini dimasukkan kerana pihak polis perlu memuaskan hati mereka bahawa premis yang dikatakan itu adalah digunakan untuk perjudian dalam sesuatu aduan ini adalah berasas. Lebih-lebih lagi dalam hal ini, di mana tindakan yang hendak diambil ialah untuk memotong bekalan elektrik ke premis yang berkenaan.

Maka sebelum sesuatu tindakan diambil oleh pihak yang berkuasa dalam perkara ini ialah pegawai polis yang bertanggungjawab, beliau mesti berpuas hati dengan bukti-bukti yang dikumpul bahawa sudah pasti bahawa tempat ini adalah telah digunakan sebagai suatu premis perjudian, baru tindakan boleh diambil.

Yang Berhormat Senator Hajah Hazizah menyentuh tentang sama ada *video games* yang diadakan di cyber cafe termasuk dalam takrif '*gaming machine*' yang dicadangkan. Mengikut takrif '*gaming machine*' itu, asalkan *video games* itu melibatkan elemen perjudi, sebagaimana yang diperuntukkan maka *video games* itu terangkum dalam pengertian '*gaming machine*'. Kalau sekiranya *video machine* ini ataupun *video games* ini mempunyai elemen perjudian, maka ini adalah dirangkumi dalam pengertian '*gaming machine*'. Tetapi kalau sekiranya *video games* yang hanya bersifat mencabar kebolehan pemain dan tidak mempunyai unsur-unsur perjudian, maka ia tidak terangkum dalam takrif yang disebutkan itu.

Yang Berhormat Senator Lim Eng Kok dan juga Yang Berhormat Senator Zainal mengatakan dalam Fasal 4 dan 4B bahawa denda yang dikenakan kepada orang yang melaksanakan satu pusat perjudian, di Fasal 4 dan 4B ialah berkenaan dengan *dealer*, orang yang terlibat dalam perniagaan ataupun *manufacturing of a gaming machine* ataupun *slot machine*. Bagi Fasal 4, dahulu denda ialah antara RM5,000 hingga RM50,000 sahaja, maksimum RM50,000. Tetapi kalau pindaan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, bagi setiap unit mesin judi yang dirampas ia boleh dikenakan denda antara RM5,000 hingga RM50,000 bagi sesebuah mesin yang dirampas.

Kalau sekiranya didapati di dalam sesuatu pusat perjudian didapati 20 mesin, ertinya ada kemungkinan orang yang melaksanakan pusat ini boleh didenda sebanyak RM1 juta, ini berbeza di antara Fasal lama dan Fasal yang baru itu. Dahulu Fasal 4B adalah merupakan satu seksyen baru, dahulu orang yang terlibat dalam perniagaan ataupun *manufacturing of gaming machine* ini memang tidak boleh dikenakan apa-apa, tetapi kalau Fasal ini diluluskan, mereka yang terlibat dalam perniagaan *manufacturing* mesin judi ini kalau dibuktikan salah oleh mahkamah, ia boleh didenda antara RM10,000 sampai RM100,000 bagi sesebuah mesin yang dirampas.

Kalau sekiranya ia didapati 20 mesin atau 30 mesin, ia boleh didenda sehingga RM3 juta, ini adalah dianggap satu penalti yang cukup berat tambahan pula pemenjaraan boleh diberikan sehingga lima tahun, maka kedua-duanya ini adalah difikir sudah cukup berat untuk mereka yang terlibat dalam perkara ini.

Cadangan untuk sabit ini, kalau ada pindaan yang dilakukan pada lain kali, mungkin kita akan memberikan pertimbangan.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff juga menyentuh tentang aktiviti perjudian di kawasan setinggan dan sebagainya. Kerajaan memang telah mengharamkan arked-arked video yang kebanyakannya menjalankan aktiviti perjudian. Walaupun lesen yang dimiliki adalah untuk hiburan sahaja tetapi memang banyak yang terlibat dalam perjudian dan dengan keputusan kerajaan, *outlet-outlet* telah pun ditutup dan pihak berkuasa tempatan akan terus memastikan bahawa tempat-tempat ini tidak menjalankan operasi sama ada video atau apa-apa bentuk perjudian. Pihak berkuasa tempatan dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan akan meneruskan dengan pemantauan dan juga penguatkuasaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh tadi tentang - saya tidak berapa jelas sama ada beliau menyentuh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai syer ataupun saham dalam Kumpulan Kemunting.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Yang Berhormat, Kementerian Kewangan.

Dato' Chan Kong Choy: Kementerian, bukan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Bukan.

Dato' Chan Kong Choy: Bukan Yang Berhormat Menteri ya. Saya hendak dapat penjelasan. Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sahaja yang saya dapat jawab. Di mana yang saya tidak dapat jawab pada hari ini, pegawai-pegawai saya akan mengambil maklum, mencatat apa yang telah pun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan tindakan susulan akan diambil selepas ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 11 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 selepas ini disebut Akta 53 untuk melicinkan dan memantapkan pelaksanaan Sistem Taksiran Sendiri (STS). Pada asasnya rang undang-undang ini hanya melibatkan empat pindaan utama iaitu:

- (i) Pindaan seksyen 21 yang bertujuan untuk menyelaraskan asas tahun taksiran dari tahun kalendar kepada tahun kewangan. Pada masa ini taksiran ke atas pendapatan bukan dari sumber perniagaan telah dibuat berdasarkan tahun kalendar. Sementara taksiran ke atas pendapatan dari sumber perniagaan pula dibuat berdasarkan tahun kewangan. Dengan pindaan ini, pembayar cukai tidak lagi perlu menyediakan dua akaun berasingan bagi pendapatan dari sumber bukan perniagaan dan pendapatan dari sumber perniagaan, antara lain, pendapatan dari sumber bukan perniagaan termasuklah pendapatan sewaan, faedah dan dividen

- (ii) Pindaan seksyen 82 yang berkaitan dengan penyimpanan rekod di mana pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod sekurang-kurangnya untuk tempoh 7 tahun. Dengan ini syarikat-syarikat tidak perlu lagi menyimpan rekod-rekod mereka yang melebihi 7 tahun. Pada masa ini tidak ada peruntukan yang menetapkan had tempoh penyimpanan rekod berkaitan percukaian. Oleh sebab itu kebanyakan syarikat telah menyimpan rekod melebihi 7 tahun kerana LHDN meminta rekod sedemikian. Pindaan ini akan meringankan beban syarikat dalam menyimpan rekod.
- (iii) Pindaan seksyen 108 berkaitan dengan layanan cukai ke atas dividen yang mengguna pakai konsep cukai dibayar atau *tax paid*, dengan izin, bagi menggantikan konsep cukai kena bayar atau *tax payable*, dengan izin. Penggunaan konsep cukai dibayar ini adalah bagi memastikan cukai sudah dibayar sebelum dividen diagihkan kepada pemegang saham bagi menjamin hasil kerajaan.
- (iv) Pindaan seksyen 110 berkaitan dengan langkah untuk membanteras pengelakan cukai dengan membolehkan kerajaan mendapatkan semula daripada pemegang saham, cukai yang belum lagi dibayar disebabkan oleh bayaran dividen yang berlebih-lebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap Fasal dalam rang undang-undang ini:

Fasal 1 adalah tajuk ringkas “Akta” iaitu, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000.

Fasal 2 – hingga Fasal 4 menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan-pindaan yang dibuat di dalam rang undang-undang ini.

Fasal 5 adalah pindaan kepada seksyen 21 di mana seksyen 21A yang baru di masukkan bagi membolehkan pendapatan dari punca perniagaan dan juga pendapatan

bukan dari punca perniagaan ditaksir mengikut tempoh asas iaitu, mengikut tahun kewangan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 8 adalah bagi membatalkan subseksyen 77(4) dan 77(5) yang berkaitan dengan peruntukan untuk memfailkan borang nyata secara elektronik kerana seksyen 152A yang baru telah diwujudkan untuk memperluaskan pengemukaan borang taksiran secara elektronik kepada borang-borang lain dan tidak terhad kepada borang nyata sahaja. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 9 adalah pindaan kepada subseksyen 82(1) yang memperuntukkan masa selama 7 tahun bagi penyimpanan rekod dan memasukkan subseksyen (7) yang baru di mana rekod dalam bentuk elektronik hendaklah boleh ditukar kepada bentuk lain yang boleh dibaca dan subseksyen (8) yang menghendaki supaya semua rekod yang berkaitan dengan perniagaan di Malaysia disimpan dan dikekalkan di Malaysia. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 10 adalah pindaan kepada seksyen 90 dengan memasukkan subseksyen (2A) bagi membolehkan Ketua Pengarah mengeluarkan taksiran sekiranya syarikat gagal mengembalikan borang nyata di bawah STS. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 12 adalah pindaan kepada subseksyen 99(1) bagi membolehkan pembayar cukai membuat rayuan dalam tahun berikutnya selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksiran Tahun Semasa (STTS). Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2000.

Fasal 14 adalah pindaan kepada subseksyen 107C(9) untuk memastikan kerajaan boleh menuntut ansuran serta penalti yang lewat dibayar melalui tindakan mahkamah. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 15 seperti yang dinyatakan lebih awal tadi iaitu, layanan cukai atas dividen adalah pindaan kepada seksyen 108. Seksyen 108 yang baru ini adalah berdasarkan konsep cukai dibayar bagi menggantikan konsep cukai kena bayar. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 17 adalah pindaan kepada seksyen 110 dengan memasukkan subseksyen (13) yang baru bagi membenarkan Ketua Pengarah membuat satu taksiran atau

taksiran tambahan ke atas pemegang saham jika syarikat gagal membayar cukai yang secukupnya. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 19 bertujuan mewujudkan seksyen baru 119A untuk memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang mengingkari atau gagal mematuhi perintah atau notis di bawah seksyen 82 berkaitan penyimpanan rekod yang mana amat penting bagi tujuan audit di bawah STS. Pindaan ini adalah berkuat kuasa mulai berkuat kuasanya Akta ini.

Fasal 21 bertujuan mewujudkan seksyen baru 152A untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan apa-apa borang yang ditentukan, dikemukakan secara elektronik. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 22 adalah peruntukan am yang menjelaskan bahawa akta ibu masih terpakai kecuali dinyatakan dan sebarang peruntukan akta ibu yang bercanggah dengan mana-mana peruntukan baru ini akan terbatal setakat mana percanggahannya.

Fasal 23 hingga 28 memperuntukkan peruntukan kecialian dan peralihan bagi membolehkan pemakaian seksyen 108 yang akan digantikan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 6, 7, 11, 13, 16, 18 dan 20 adalah pindaan berbangkit kepada pindaan-pindaan utama di atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

2.57 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Cukai Pendapatan 1967, pindaan 2000 ini. Saya sangat mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka yang mengisytiharkan pendapatan itu melalui satu cara baru iaitu sistem taksir sendiri (self-assessment scheme) yang dinyatakan di

bawah Seksyen 21A ini. Pada saya ini adalah satu skim yang sangat menarik dan juga akan mengizinkan kerajaan mengurangkan bebannya dari segi memberikan tanggungjawab menaksir tafsiran ini kepada pembayar cukai sendiri.

Hanya ada beberapa komen tentang simpanan maklumat itu. Di bawah Seksyen 82 ada dinyatakan bahawa rekod perlu disimpan selama tujuh tahun dan bagi saya, ini adalah satu perkara yang sangat mustahak kerana masa yang diperlukan itu selama tujuh tahun adalah satu jangka masa yang lama dan dalam masa yang begitu lama itu mungkin ada banyak perubahan dari segi sistem dan sebagainya. Saya cadangkan kalau boleh pihak kementerian memikirkan sama ada apa yang diguna setakat ini iaitu kita adakan satu depository seperti untuk saham-saham kita ada satu depository di mana semua itu dimasukkan ke depository itu dan dapat disimpan dengan baik. Ini juga memastikan bahawa tidak ada apa-apa penyelewengan dalam masa itu dan apabila disimpan di satu tempat yang selamat maka tiada siapalah yang boleh ubah maklumat itu dan juga tidak dapat menyatakan maklumat itu telah hilang.

Setahu kita pada takat ini sungguhpun kita ada rekod-rekod manual tetapi dalam banyak aspek juga ada kehilangan maklumat. Fail-fail yang disimpan itu pun boleh hilang. Bagi saya adalah lebih baik kalau rekod-rekod itu disimpan oleh satu agensi yang akan memastikan keselamatan rekod ini kerana dalam seksyen 82 itu memerlukan sesuatu pihak itu menyimpan selama tujuh tahun dan kalau kita guna satu depository semacam itu, juga kita tidak perlulah simpan satu rekod menu oleh kerana semua data yang diperlukan iaitu boleh diperolehi daripada depository tersebut dan kalau depository itu dijalankan dengan baik maka semua hal tentang itu boleh dibereskan dan juga pihak-pihak tertentu ada keyakinan kepada depository ini seperti contoh sekarang apabila saham-saham itu disimpan dalam depository setakat ini tidak timbul sebarang masalah dan itu adalah satu cara yang baik dan juga lama kita gunakan.

Saya juga ingin komen tentang seksyen 77(4) dan 77(5) di mana ia akan dibatalkan kerana ini akan membolehkan pemfailan borang nyata secara elektronik. Semua ini adalah baik seperti saya sebutkan tetapi apa yang harus kita ambil perhatian ialah tentang sama ada penyelewengan itu berlaku atau tidak. Jadi dengan

pengawasan yang baik, saya yakin sistem yang baru itu akan beri banyak kesan dan manfaat kepada pengguna-penggunanya. Dengan kata-kata demikian saya menyokong pindaan-pindaan itu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Karim.

3.04 ptg.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana berpandangan jauh ke hadapan, forward looking dengan izin, kerana mengambil langkah yang bijak dalam aplikasi teknologi IT atau Teknologi Maklumat. Dengan menggunakan cara elektronik untuk menghantar borang cukai dan memfailkan borang cukai dan memfailkan borang nyata secara elektronik menunjukkan kementerian ini telah berjaya menggunakan IT dalam urusan hariannya dengan orang ramai. Dengan cara ini juga ia mengurangkan pergantungan kepada khidmat pos yang kadang kala menimbulkan masalah kepada pembayar cukai tetapi di sini saya ingin hendak tahu jikalau ada kerosakan komputer di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semasa pembayar cukai memfailkan borang nyata, adakah pihak LHDN akan memaklumkan kepada si pembayar itu bahawa dia dikehendaki menghantar semula statementnya kerana komputer LHDN rosak ataupun sistem crash dengan izin.

Dalam hal ini si pembayar menganggap bahawa beliau telah melaksanakan tanggungjawab beliau dengan sempurna tetapi LHDN tidak ada rekod penerimaan kerana kerosakan komputer. Apa yang membimbangkan si pembayar cukai ini tidak mengetahui mengenai perkara ini dan menganggap beliau telah melaksanakan tanggungjawab beliau tetapi LHDN tetap mengeluarkan saman kerana mereka tidak ada rekod penerimaan. Bila LHDN tidak ada menerima sebarang rekod penerimaan, ia menganggap pembayar cukai gagal menyerahkan kembali borang nyata itu sama ada secara pos atau secara elektronik. Apakah tindakan lembaga dalam hal ini.

Umumnya orang ramai tahu jika LHDN tidak ada menerima apa-apa maklumat daripada pembayar cukai, pembayar cukailah yang bersalah bukannya pihak lembaga. Sebagai contoh, sekarang bila kita terima borang nyata dari LHDN ia

ada mengandungi sampul surat yang beralamat kepada LHDN yang tidak perlu setem untuk digunakan oleh pembayar cukai menghantar borang nyatanya kepada lembaga. Kerap kali bila seorang pembayar cukai menggunakan envelop itu dan menghantarnya melalui pos, kita dapati LHDN tidak terima borang itu pada masa tertentu lalu mereka mengeluarkan saman kepada pembayar cukai kerana gagal menghantar kembali borang nyata. Alasan yang diberi, mereka tidak menerima dan tidak ada bukti yang menyatakan si pembayar cukai itu telah menghantar borangnya. Pihak LHDN mengatakan bahawa si pembayar cukai perlu datang sendiri menghantar borangnya kepada Pejabat Lembaga tetapi apa guna envelop yang diberi itu kalau tidak untuk diposkan. Saya berharap pihak lembaga dapat mengelakkan perkara sebegini daripada berlaku kerana ini akan menyusah pembayar cukai bukan sahaja dari segi dia kena membuat balik borang baru tetapi dikenakan denda juga. Bagi pihak lembaga mesti mengamalkan satu sistem yang mesra awam, tax payer friendly dengan izin. dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz.

3.08 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana setiap masa begitu prihatin dengan membuatkan perbadanan mengutip cukai ini sebagai customer friendly, dengan izin. Baru-baru ini kita tengok mereka yang bermasalah dengan cukai ini, dia ada letak banyak saluran-saluran di tempat-tempat membeli belah dan sebagainya. Ini amat membanggakan Tuan Yang di-Pertua, kerana cukai dari segi negara kita dapati penyumbang kepada hasil negara. Saya tengok dalam tahun 1999 sahaja cukai pendapatan merupakan 42.8% daripada hasil negara yang berjumlah tahun 1999 sahaja RM25.1 bilion. Daripada hasil cukai keseluruhannya RM45 bilion. Jadi kalau sekiranya efficiency yang dipertanggungjawabkan kepada mereka yang melaksanakan akta ini, kita merasakan pihak kerajaan mempunyai confidence, mempunyai keyakinan untuk memberikan tanggungjawab yang lebih luas kepada lembaga ini.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dalam kita mengadakan e-dagang dan sebagainya ini ekonomi baru ini, saya kurang pasti kalau kita mengikut dari segi perundangan pembuktian atau law evidence, bolehkah tidak maklumat-maklumat yang tersimpan secara elektronik dibawa ke mahkamah untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada law evidence tadi kerana kalau ianya boleh maka tidak perlulah syarikat-syarikat ini menyimpan segala maklumat-maklumat dari segi transaksinya untuk membuktikan kepada lembaga pemungut-pemungut cukai ini di dalam hard copy, mohon izin dalam segi kertas-kertas, ianya boleh terus menggunakan data-data di dalam segi elektronik dan ini akan meningkatkan lagi efficiency syarikat itu kerana Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau hendak simpan rekod selama tujuh tahun dalam erti kata kertas-kertas ini, ianya merupakan satu cause, satu bebanan dan ianya Tuan Yang di-Pertua, bercanggah dengan minda, dengan paradigma anjakan paradigma yang dipaparkan oleh pucuk pimpinan di mana kita menguatkan, mengupayakan negara menerusi sistem-sistem yang mempunyai elektronik-elektronik yang canggih dengan adanya multimedia super corridor dan sebagainya.

Jadi saya mintalah dikaji perkara ini kalau sekiranya dan juga dikaji dari segi perundangan. Kalau sekiranya data-data, maklumat-maklumat di dalam sistem elektronik dapat digunakan sebagai yang sah. Kalau perlu seperti yang disebutkan oleh saudara saya tadi, untuk data-data ini disalur terus kepada lembaga pemungut cukai, lagi bagus. Ertinya benda itu sebagai evidence, sebagai maklumat yang sah yang diterima tiap-tiap tahun oleh pemungut cukai untuk menentukan kalau ianya hilang, terbakar di syarikat dia, lembaga pemungut cukai sudah ada dari segi maklumat.

Jadi ini mengurangkan kos dan menguntungkan lembaga pemungut cukai kerana ianya mempunyai maklumat yang sah untuk dipersoalkan tujuh tahun kemudian lepas itu 'status quo limitation' mungkin tidak mengizinkan lagi. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Ketua Eksekutif baru, sahabat saya Dato' Zainol yang mengetuai lembaga pemungut cukai ini dan saya rasa beliau mempunyai pengalaman yang luas setelah Perbendaharaan dan juga kementerian buruh..... human resource dapat memberikan tumpuan kepada akta yang dipinda ini.

Ya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui kenapa penurunan cukai begitu mendadak kepada individu, tahun 1999 kita kutip RM15.7 bilion, tahun 2000 RM14.7 bilion, lebih kurang RM1 bilion berkurangan. Adakah ini kerana banyak yang bankrap ataupun sebab mereka sengaja melarikan diri untuk membayar cukai kerana RM1 bilion hilang di dalam hasil negara merupakan satu jumlah yang besar kerana ianya berasaskan kepada jumlah yang hanya RM14 bilion atau RM15.7 bilion. Jadi saya hendak minta pihak kerajaan memberitahu kita adakah kerana pertukaran dari segi sistem di dalam lembaga pengutip cukai yang mengakibatkan kejatuhan cukai pendapatan individu begitu mendadak sehingga RM1 bilion tidak dapat kita menceritakan bagaimana sebabnya.

Saya juga ingin menanya pihak kerajaan syarikat-syarikat yang sungguhpun membayar dari segi cukai pendapatan meningkat daripada RM25 bilion tahun 1999 kepada RM27 bilion pada tahun 2000, adakah syarikat-syarikat yang terpaksa gulung tikar dan tidak bayar cukai kerana krisis ekonomi baru-baru ini. Kita ingin mengetahui resilience ataupun kekuatan syarikat-syarikat ini di dalam menghadapi kegawatan ekonomi baru-baru ini, berapa ramai, berapa banyak syarikat-syarikat yang tergelimpang di tepi jalan, gulung tikar dan berhutang dari segi membayar cukai kerana dulunya cukai dibayar selepas aktiviti-aktiviti perdagangan selepas ianya berlaku, that mean assessment tahun penaksirannya setahun selepas aktiviti berlaku. Jadi kemungkinan besar kalau sebelum krisis 1997, mereka membuat keuntungan yang besar, lepas itu hendak bayar tahun 1998, habis tidak ada duit sebab transaction kurang, ekonomi merudum dan mungkin kena gulung tikar dan apa pula tanggungjawab mereka setelah adanya menerusi CDRC membantu syarikat-syarikat itu memulihkan kembali ketenatan yang ditempuhi mereka semasa kegawatan ekonomi.

Saya hendak tahu dengan bantuan kerajaan menerusi penyusunan semula struktur hutang dan sebagainya, mereka kembali pulih sihat dan berapa pula kewangan mengalir ke sistem pengutipan cukai kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar kalau kita tengok dari segi pindaan-pindaan ini ianya menguatkan lagi dari segi *cash flow* dari segi aliran kecairan kepada kerajaan kerana boleh memotong pada sesuatu masa itu mengikut jangka

waktu yang *current*, yang semasa dan tidak perlu menunggu tahun hadapan. Begitu juga dengan individu-individu, cukai mereka tafsiran sendiri boleh dibuat demi mempercepat proses pengutipan oleh pihak kerajaan tetapi berapa banyak yang terbengkalai tidak dapat dibayar dan dari segi kerajaan berapa banyak hutang-hutang lapuk daripada cukai ini. Berapa banyak pula denda-denda yang terpaksa dibayar. Adakah denda-denda ini dapat dihapuskan kerana mereka sebenarnya mengalami suatu krisis yang tidak dapat membenarkan mereka untuk membayar.

Saya tahu sebagai warga korporat, sebagai warganegara yang bertanggungjawab semuanya mahu membayar cukai kepada kerajaan yang menggunakan wang itu untuk tujuan-tujuan umum, tujuan-tujuan untuk membanteras kemiskinan, membangunkan kawasan-kawasan yang masih lagi terbengkalai dari segi pembangunan. Ini Kerajaan Barisan Nasional, kita ucapkan syabas. Jadi saya mengharapkanlah dengan pindaan-pindaan ini pihak kerajaan dapat meningkatkan dari segi *cash flow* dia, dari segi kecairannya, dan syarikat-syarikat juga individu-individu boleh mengatur *cash flow planing* dia dengan lebih baik dan tidak menjejaskan hendak membayar sekali gus di tahun hadapan dan sebagainya. Ini mestilah merupakan satu pindaan yang *customer friendly*, mohon izin. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

3.17 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Cukai Pendapatan 1967 (Pindaan) 2000. Saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian, kerajaan, Kementerian Kewangan khususnya kerana sekali gus nampak pindaan ini betul-betul mengemaskinikan dari segi bentuk pengurusan yang tercanggih yang memasuki teknologi yang terkini dan menunjukkan kita betul-betul memberi fokus kepada pelanggan kita, iaitu pembayar itu sendiri. Jadi ini amat membanggakan. Cuma yang saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan ialah sistem *on line* yang diwujudkan umpamanya. Ini membuat andaian bahawa keseluruhan atau ramai pelanggan mempunyai alat, fasiliti komputer peribadi, PC untuk melakukan proses *on line* ini.

Jadi kalau sekali gus, saya tidak ada data di sini kerana secara umumnya kita mengetahui bahawa pemilikan komputer - PC adalah rendah, oleh kerana itu saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan lebih banyak lagi pusat-pusat *IT community* di mana masyarakat boleh melawat di pusat ini dan memproses urusan tentang hasil dalam negeri ini di pusat-pusat yang tersebut. Sebaik-baiknya oleh kerana perkara ini perkara baru, mungkin orang yang baru ini berhasrat ingin untuk menggunakan kemudahan *on line* patut juga diwujudkan khidmat nasihat sampingan. Kerana dalam selaras mengimplementasikan tanggungjawab untuk membayar cukai kemudahan asas diberi untuk menggunakan alat yang diberi oleh kerajaan tetapi serentak kena ada khidmat nasihat bagaimana hendak menggunakannya. Jadi bukan setakat *friendly*, lebih *friendly* betul, dengan izin kerana ada tanggungjawab sosial, tanggungjawab untuk mendidik masyarakat untuk lebih menggunakan kemudahan itu.

Saya rasa sekali gus apabila diamalkan penggunaan ICT ini dengan kebaikan dan manfaat, dia sedar, saya selalu menekankan ini. Kena kaitkan penggunaan dengan *appreciation of advantage benefit* dengan izin, kepada masyarakat. Oleh kerana itu mereka lebih akan menggunakan itu dan bila mereka nampak, oh! senang rupanya menggunakan ini, jadi insya-Allah keinginan ini akan melimpah kepada perkara-perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut perkara berkaitan dengan *on line* ini bab e-commerce juga telah disebut oleh Yang Berhormat rakan saya Dato' Aziz tadi tetapi *angle* yang saya hendak sebut ialah tentang pengumuman polisi nasional, polisi kebangsaan mengenai e-commerce yang ada kena mengena dengan beberapa jenis Cyber Law - Undang-undang Siber yang telah kita wujudkan.

Kita ingin melihat pihak kerajaan merangkumi tentang dasar e-commerce di peringkat kebangsaan dengan *cyber law* dengan jalan untuk meyakinkan masyarakat lagi bahawa sistem yang digunakan lebih-lebih lagi apabila mengenakan tentang cukai pendapatan akan lebih meyakinkan.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang kita bercakap mengenai cukai pendapatan. Saya ingin melihat cukai pendapatan secara menyeluruh, cukai pendapatan korporat, cukai pendapatan individu. Oleh kerana itu saya akan membangkitkan beberapa isu

yang tidak secara langsung mengenai Akta Cukai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tetapi secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi pendapatan kerajaan. Sebagai contoh mengenai *tourism sector*, sektor pelancongan. Pagi tadi saya tidak sempat hendak bertanya khabar, jadi saya ingin mencelah di sini. Sektor *tourism* kita nampak pada masa hadapan nampak pendapatannya akan lebih kepada korporat dan juga individu.

Dalam Soalan Jawab Lisan pagi tadi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyebut tentang usaha promosi di luar negara untuk menarik pelabur-pelabur datang untuk melabur di dalam negara kita.

Saya ingin mengulangi soalan saya dalam Dewan yang mulia ini dahulu tetapi saya masih belum mendapat jawapan tentang usaha untuk mengadakan program bersepadu promosi pelancongan ini dengan promosi perdagangan. Sebab apa yang kita lihat sekarang ialah promosi perdagangan kisah dia sendiri, promosi pelancongan kisah dia sendiri, sedangkan sasaran kita ialah orang berniaga. Orang berniaga ini ialah orang yang secara relatif mempunyai wang yang lebih. Bila mereka datang berniaga mereka juga ingin berehat melancong termasuk bermain golf, melawat, melihat kebudayaan, teater dan sebagainya. Oleh kerana itu pada saya agak kena pada tempat kalau saya bangkitkan perkara ini dalam akta ini kerana segala aktiviti ekonomi yang dapat kita tambah dalam negara akan merupakan pendapatan di sektor korporat dan juga pendapatan di sektor individu yang akan menambahkan lagi hasil pendapatan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, atas tajuk yang sama saya juga hendak respons yang saya tidak dapat respons pagi tadi atas Soalan Tambahan mengenai kalau tidak salah Kementerian Kerja Raya. Bila saya bertanya tentang pendapatan tol Johor Bahru Link dan sebagainya, Johor Bahru-Singapura, saya membangkitkan soal berkemungkinan sebagai satu langkah strategik, kita mengenakan tol yang lebih kepada orang Singapura, *angle* politiknya besar. Tetapi saya melihat jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ialah kita mendapat pendapatan yang begitu banyak, kita tidak ingin menaikkan *charge toll* itu kerana takut terganggu pendapatan. Pada saya tidak timbul terganggu kerana kalaulah 18 bilion kalau tidak salah saya disebut angka kemasukan perdagangan atas lawatan orang-orang

Singapura, kalau kita menaikkan tol sedikit tidak menjadi masalah lebih-lebih lagi apabila *ex-change rate* nya dengan izin Tuan Yang di-Pertua ialah dua ke satu – 2:1.

Jadi pada orang Singapura adalah sedikit, dia tidak kisah oleh kerana tarikan di Malaysia ini, di Johor ini terlalu amat besar oleh kerana perbelanjaan mereka terlalu amat tinggi yang telah pun disebut sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi tadi. Pada saya kenaikan tol sedikit walaupun 100% tidak menjadi kisah kepada mereka. Tetapi pada saya oleh kerana Singapura dalam banyak segi selalu mengambil tindakan yang menyayat hati kita sehingga kita naik marah. Telah kita bincang dalam Dewan yang mulia ini. Oleh kerana itu bila kita ada peluang, kita patut mengambil peluang ini untuk menambahkan lagi hasil pendapatan pihak kerajaan. Pagi tadi disebut kalau naik tol pun lebih kepada korporat katanya. Tetapi sebenarnya jawapan itu tidak lengkap. Kalau lebih kepada korporat pun nombor satu baik, kerana kerajaan juga akan membuat cukai pendapatan di atas korporat yang membuat untung yang tinggi. Juga...[*Terdiam sejenak*] Tidak apalah, hilang point tadi.

Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Sementara mencari ilham itu. Jawapan pagi tadi ada menyebut kalau sekiranya kita menaikkan kadar tol akan berkurang orang-orang Singapura berkunjung ke Johor membeli belah, makan, minum dan berbelanja. Timbalan Menteri ada menyebutkan dengan ketiadaan tol ini ramai orang Singapura akan masuk dan limpahan perniagaan itu semua merasa daripada peniaga besar, gedung besar, *supermarket* sampailah kepada penjaja yang kecil. Jadi oleh itulah kita di Johor lebih suka, kekayaan itu merata. Walaupun tadi disebut oleh Dato' Ghazi kita dapat cukai itu daripada orang yang mendapat konsesi itu akan membayar juga cukai. Itu hanya satu dua individu, jadi limpahan rahmatnya lebih ramai lagi. Jadi oleh itu saya bersetuju supaya jangan dikenakan cukai supaya ramai lagi dapat masuk ke Johor dan orang Johor dapat merasakan sama-sama. Perniagaannya *prosper* dengan izin, dan kalau sekiranya cukai dia akan kurang datang. Jadi ini akan menjejaskan ramai dan kita tahu taraf hidup di Johor agak tinggi. Jadi peniaga-

peniaga kecil ini membuat dia kerja, dia berniaga, makan gaji sedikit. Jadi oleh itu ini akan mengimbangi keadaan

Terima kasih kerana bagi laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapar yang membangkitkan perkara ini. Tetapi saya masih tetap percaya bahawa kesan terhadap peningkatan tol itu adalah kecil secara *relative* kepada orang-orang Singapura yang nombor satu, mempunyai wang untuk berbelanja di Malaysia dan nombor dua, pertukaran asingnya tinggi dan nombor tiga, tempatnya terlalu kecil dan terpencil. Mereka tiada pilihan lain, malah di Kota Melaka pun, bukan hanya di Johor Bahru telah melimpah pelaburan yang banyak oleh rakyat Singapura sendiri. Jadi kita berbeza pendapat di sini, tidak apalah cuma pada saya, saya mengakui bahawa limpahan itu menyeluruh. Oleh kerana menyeluruh saya hendak *extent* lagi penyeluruhan kebaikan itu kepada kerajaan. Sepintas lalu sebagai satu langkah positif politik menunjukkan bahawa kita juga boleh membuat sesuatu selain daripada benda-benda lain yang Kerajaan Singapura telah buat ke atas kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan yang juga ada kena-mengena dengan pelancongan, yang ada kena-mengena juga dengan cukai pendapatan ialah saya terbaca dalam akhbar hari ini, terkini iaitu mengenai Pudu Prison. Pudu Prison yang terletak di Jalan Pudu tahun 1895 diwujudkan. Pada saya sayangnya kalau sekiranya apa yang ada telah dipindahkan milik kepada UDA untuk hendak dimajukan di tengah-tengah bandar yang memang sudah maju. Malah berhadapan dengan Pudu Prison itu terdapat satu pembangunan raksasa yang begitu besar sekali yang sekarang ini telah ditukar nama sebagai Time Square.

Oleh kerana itu pada saya lebih eloklah benda lama tahun 1895 ini dikekalkan sebagai salah satu bahan muzium yang boleh diuruskan oleh pihak muzium kebangsaan dan dijadikan pusat untuk kita mengenang sejarah melalui muzium ini yang pernah diusahakan dahulu, sekejap dalam masa sebulan atau dua bulan, tiga bulan saya tidak ingat. Tetapi pada saya agak terlalu kecewa kalau sekiranya kita *preserve* barang-barang lain tetapi apabila *prison* di sini yang di tengah-tengah bandar yang mempunyai banyak sejarah kita roboh dan kita

bangunkan dengan bangunan-bangunan pencakar langit. Saya percaya dengan usaha bersepadu untuk menarik pelancongan seperti yang saya katakan, lebih banyak lagi pelancong akan datang dan melihat sejarah kita sejak 1895 dan mereka akan lebih *appreciate* benda-benda lama seperti ini dan ini akan juga secara tidak langsung akan meningkatkan lagi pendapatan dalam negara.

Saya turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merakamkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terhadap Akta Cukai (Pindaan) 2000. Empat orang Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa pandangan, persoalan dan teguran tentang pindaan akta yang saya bantahkan sebentar tadi. Ada yang ada kaitan langsung, ada yang tidak ada kaitan langsung tentang pindaan. Walau bagaimanapun, saya akan memberikan jawapan kepada yang ada kaitan langsung dan mana-mana pandangan dan teguran yang tidak ada kaitan langsung tentang pindaan akta ini, kita akan mengambil maklum dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mencadangkan satu depository untuk semua rekod yang dikehendaki disimpan selama tujuh tahun untuk mengelakkan rekod-rekod hilang atau diseleweng. Cadangan Yang Berhormat ini, kita akan ambil maklum. Walau bagaimanapun, Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini mempunyai seramai 220,000 syarikat dan 800,000 orang pembayar cukai peniaga. Pindaan kepada seksyen 82 yang mengehendaki semua peniaga dan syarikat untuk menyimpan rekod perniagaan selama tujuh tahun. Ini akan menjadi satu beban yang besar untuk dikawal dan disimpan dengan teratur oleh satu depository yang dicadangkan.

Tambahan pula makluman syarikat dan peniaga adalah *confidential* kepada sesuatu perniagaan atau syarikat itu. Walau bagaimanapun, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mula menerima pengemukakan semua jenis dokumen secara elektronik

mulai tahun 2002. Bila tiba masanya, beberapa cadangan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini, kita akan bagi maklum dan tindakan-tindakan yang bersesuaian akan diambil mengenai beberapa masalah yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz mencadangkan supaya rekod dan data perniagaan disimpan secara elektronik dan syarikat tidak perlu menyimpan rekod manual selama tujuh tahun dan beliau bertanya bahawa sama ada rekod yang disimpan secara elektronik ini dapat diterima oleh pihak berkuasa termasuk mahkamah.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Senator Aziz, cadangan pindaan kepada seksyen 82 berhubung dengan penyimpanan rekod, memperuntukkan bahawa rekod boleh disimpan secara elektronik tetapi kalau perlu, apa jua simpanan ataupun rekod yang disimpan secara elektronik ini boleh ditukar kepada satu cara ataupun satu format yang boleh dibaca dan di dalam rekod manual, ditukar kepada elektronik, syarikat diperlukan simpan rekod manual untuk tujuan audit dan penyiasatan. Bagaimanapun, di dalam rekod yang dari mula tehh pun disimpan dalam bentuk elektronik, syarikat yang berkenaan tidak perlu lagi simpan rekod secara manual.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga bertanya kenapa cukai pendapatan individu berkurangan bagi tahun 1999 berbanding dengan tahun sebelumnya. Pengurangan kutipan cukai pendapatan individu itu disebabkan oleh beberapa sebab yang tertentu. Antaranya ialah kadar cukai pendapatan individu telah pun dikurangkan sebanyak 1% termasuk Yang Berhormat Dato' bayar kurang 1% pada tahun lepas itu. Di samping itu, pelepasan cukai individu juga ditambah dari RM5,000 kepada RM8,000. Ini juga merupakan satu faktor yang penting yang menjelaskan mengapa kutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun kurang.

Lain-lain faktor yang menjejaskan kutipan ini adalah dari segi pendapatan pembayar cukai itu sendiri dan Datuk Ghazi telah juga secara tidak langsung mengemukakan beberapa cadangan yang sangat membina dan kalau sekiranya semua ini dapat dijalankan, ia boleh membantu kerajaan untuk mengukuhkan lagi pengutipan cukai. Semua ini akan kita ambil maklum dan kita akan meneliti.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2000 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 (Akta 543), Akta Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169) dan Akta Setem 1949 (Akta 378) khususnya bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Belanjawan 2001 dan juga bagi melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan yang telah dibuat sebelum ini yang bertujuan memperkemas lagi akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap Fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 48 Fasal yang dibahagi kepada lima Bab.

Bab I - Permulaan. Bab pertama hanya mengandungi dua Fasal iaitu mengenai tajuk ringkas dan akta yang dipinda.

Bab II - Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II pula terdiri daripada 25 Fasal iaitu Fasal 3 hingga 27 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Fasal 3 menyatakan kecuali Fasal 15, kesemua pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 15 yang mewujudkan seksyen 60AA berkaitan layanan cukai syarikat takaful disifat sebagai telah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1986 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 adalah pindaan kepada subseksyen 2(1) berbangkit daripada pindaan ke atas seksyen 45A yang memberi pelepasan kepada suami.

Fasal 5 adalah pindaan kepada seksyen 6A untuk menaikkan kadar rebat bagi seorang individu dan isteri kepada RM350 masing-masing jika pendapatan bercukainya tidak melebihi RM35,000. Sebelum itu, rebat yang dibenarkan kepada individu dan isteri masing-masing adalah sebanyak RM110 dan RM60 dengan syarat pendapatan bercukainya tidak melebihi RM10,000.

Fasal 6 adalah pindaan kepada seksyen 34 (6) (h) bagi membenarkan potongan ke atas sumbangan yang diberi oleh sektor swasta kepada projek pembudayaan ICT.

Fasal 7 adalah pindaan kepada seksyen 39 bagi menyelaraskan takrifan “kenderaan komersial” dengan peruntukan dalam Akta Lembaga Pelesenan (Kenderaan Perdagangan) 1987 dan Akta Pelesenan (Kenderaan Pelancongan) 1999.

Fasal 8 adalah pindaan kepada seksyen 44 (6) untuk memperluaskan definisi organisasi atau institusi amal yang layak mendapat pengecualian cukai iaitu meliputi pertubuhan antarabangsa, pertubuhan bagi membudayakan ICT dan tabung atau akaun bagi membiayai rawatan penyakit serius.

Fasal 9 adalah pindaan kepada Seksyen 45 berbangkit daripada pewujudan Seksyen 45A berkaitan pemberian pelepasan kepada suami.

Fasal 10 adalah pindaan kepada Seksyen 45 dengan memasukkan subseksyen baru 45A bagi membolehkan si isteri yang suaminya memilih untuk ditaksir bersama di atas nama isteri diberikan pelepasan suami sebanyak RM3,000 serta lain-lain

pelepasan dan potongan yang dibenarkan kepada suami jika isteri memilih taksiran bersama suami.

Fasal 11 adalah pindaan kepada Seksyen 46 seperti berikut:

- (a) Pindaan kepada subseksyen 46(1)(d) dan (g) serta 46(3) adalah pindaan berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A yang memberi pelepasan suami. Pindaan bagi seksyen 46(1)(d) dan (g) adalah untuk menganggap perbelanjaan oleh suami yang tidak ada pendapatan ke atas alat sokongan dan ke atas rawatan penyakit serius untuk dirinya, isteri atau keluarganya sebagai dibelanjakan oleh isteri bagi membolehkan isteri mendapat pelepasan bagi perbelanjaan tersebut. Pada masa ini perbelanjaan isteri telah pun dianggap sebagai perbelanjaan suami.
- (b) Pewujudan subseksyen baru 46(3) juga akan memberi layanan yang sama dalam kes suami yang ada pendapatan tetapi memilih untuk ditaksir bersama atas nama isteri.
- (c) Pindaan kepada subseksyen 46(1)(f) adalah bagi menambah pelepasan individu ke atas bayaran yuran pengajian daripada RM2,000 kepada RM5,000 setahun dan juga meluaskan tahap pengajian sehingga ke peringkat ijazah lanjutan dan skop pengajian kepada bidang sains dan teknologi.
- (d) Mewujudkan subseksyen 46(1)(h) bagi tujuan memberi pelepasan individu ke atas perbelanjaan pemeriksaan kesihatan sebanyak RM500 tetapi tertakluk kepada jumlah pelepasan untuk rawatan penyakit serius sebanyak RM5,000.
- (e) Mewujudkan subseksyen 46(1)(i) bagi memberi pelepasan individu ke atas perbelanjaan membeli buku sehingga RM500 serta peruntukan untuk menganggap perbelanjaan suami sebagai perbelanjaan isteri dan sebaliknya.

Fasal 12 adalah pindaan kepada seksyen 49 bagi menjelaskan bahawa pelepasan maksimum yang boleh dituntut ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh

pembayar cukai lelaki atau wanita bagi tujuan campuran KWSP dan insurans hayat ialah RM5,000, pemberian insurans pendidikan dan kesihatan RM3,000 dan pembelian anuiti di bawah skim yang ditentukan oleh KWSP ialah RM1,000.

Fasal 13 adalah pindaan kepada Seksyen 50 berbangkit daripada pewujudan Seksyen 45A di mana bagi suami yang memilih untuk ditaksir bersama isteri dan tidak mempunyai jumlah pendapatan perbelanjaan insurans premium hayat, premium perubatan dan pelajaran serta skim anuiti di bawah KWSP atas nama suami disifatkan dilakukan oleh isteri.

Fasal 14 adalah pindaan kepada Seksyen 60 bagi membolehkan penggunaan formula yang lebih tepat untuk mengira rizab risiko belum habis tempoh bagi syarikat insurans am iaitu seperti yang dibenarkan dalam garis panduan Bank Negara Malaysia atau lain-lain pihak berkuasa kawal selia industri insurans.

Fasal 15 adalah pewujudan seksyen baru 60AA bagi membenarkan perbelanjaan pengurusan syarikat insurans Takaful sebagai potongan cukai.

Fasal 16 adalah pindaan kepada seksyen 103 juga berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A.

Fasal 17 adalah pindaan kepada seksyen 110 berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A bagi memperuntukkan keadaan di mana suami dibenarkan membuat pilihan untuk ditaksir bersama isteri.

Fasal 18 adalah pindaan kepada seksyen 127 bagi membolehkan seksyen 127A diwujudkan.

Fasal 19 adalah pewujudan seksyen 127A bagi memberhentikan pengecualian cukai yang diberikan di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947 yang telah dimansuhkan.

Fasal 20 adalah pindaan kepada seksyen 128 berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A yang memberikan pelepasan suami. Pindaan ini membolehkan rumah kediaman milik suami disifatkan sebagai milik isteri untuk maksud pengecualian sebuah rumah kediaman yang diduduki jika suami memilih taksiran bersama atas nama isteri.

Fasal 21 adalah bagi mewujudkan seksyen 129A yang baru yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membenarkan lain-lain jenis pelepasan berhubung

dengan perbelanjaan kerugian dan elaun modal dalam pengiraan pendapatan bercukai bagi membolehkan galakan cukai seperti pakej galakan istimewa dan galakan untuk pelabur industri bahan makanan dilaksanakan.

Fasal 22 adalah pindaan kepada seksyen 130 berbangkit daripada pewujudan seksyen 45A(b) yang membenarkan suami memilih untuk ditaksir bersama isteri.

Fasal 23 adalah pindaan kecil kepada seksyen 156 yang berbangkit daripada pengenalan peruntukan baru seksyen 127A.

Fasal 24 adalah pindaan kepada perenggan 2 Jadual 3 bagi menaikkan elaun modal kepada RM100,000 bagi pembelian kereta baru yang bernilai tidak melebihi RM150,000. Maksud kereta adalah kereta yang tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial.

Fasal 25 adalah pindaan kepada Jadual 4C bagi melanjutkan tempoh permohonan untuk crop relief, dengan izin, bagi pengeluaran makanan sehingga tahun 2003 dan melonggarkan syarat kelayakan. Pindaan ini juga adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan bagi menentukan projek-projek pertanian yang diluluskan.

Fasal 26 adalah pindaan kepada perenggan 13, Jadual 6 berbangkit daripada pindaan seksyen 44(6) yang menetapkan kelulusan secara automatik bagi institusi di bawah perenggan ini jika ianya mendapat kelulusan di bawah seksyen 44(6).

Fasal 27 adalah peruntukan khas berkaitan pindaan kepada perenggan 13 Jadual 6 bagi memberi tempoh sehingga tahun 2003 kepada institusi atau organisasi untuk memohon semula kelulusan di bawah seksyen 44(6).

Bab III pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau dikenali sebagai PITA 1967. Bab III terdiri daripada 10 fasal iaitu fasal-fasal 28 hingga 37 yang bertujuan untuk meminda PITA seperti berikut.

Fasal 28 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini di mana pindaan-pindaan seperti di fasal-fasal 29, 30, 31 dan 36 akan berkuat kuasa dari taksiran 2001 sementara pindaan-pindaan seperti di fasal-fasal 32, 33, 34, 35 dan 37 pula akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001.

Fasal 29 adalah pindaan kepada Seksyen 16 seperti berikut:

- (a) subseksyen 16(7B) dipinda berikutan daripada pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 yang meluaskan skop potongan cukai untuk meliputi projek-projek ICT yang disumbang oleh syarikat-syarikat yang tertakluk kepada PITA 1967;
- (b) subseksyen 16(7F) yang baru diwujudkan berikutan bagi membenarkan potongan kepada syarikat yang memberi biasiswa kepada pelajar bagi mengikuti pengajian sepenuh masa sehingga ke peringkat ijazah lanjutan di institusi pengajian tinggi tempatan; dan
- (c) subseksyen 16(7G) diwujudkan bagi membenarkan potongan kepada syarikat ke atas perbelanjaan bagi mendapatkan pengiktirafan berhubung dengan sistem piawaian kualiti sijil halal dan akreditasi.

Fasal 30 adalah pindaan kepada seksyen 18 bagi menyelaraskan takrif kenderaan komersial dengan peruntukan dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.

Fasal 31 adalah pindaan kepada seksyen 22(1) bagi menyelaraskan dengan pindaan seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang hanya membenarkan derma kepada institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tidak melebihi 5% daripada pendapatan yang ditaksirkan.

Fasal 32 adalah bagi mewujudkan seksyen 33(1A) selaras dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri di mana seksyen 80 Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dipinda bagi memudahkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk menjalankan tugasnya secara berkesan dengan menghendaki penghuni rumah, bangunan atau tuan tanah memberi bantuan yang munasabah kepada pegawai tersebut untuk memasuki harta berkenaan.

Fasal 33 adalah pindaan kepada seksyen 45 ekoran daripada pengenalan seksyen 101 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menetapkan supaya Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri menyemak semula taksiran kes-kes rayuan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh rayuan.

Fasal 34 adalah pindaan kepada seksyen 46 ekoran daripada pindaan kepada seksyen 102 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menetapkan tempoh masa selama 12 bulan atau satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan yang tidak melebihi 6 bulan bagi Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri mengemukakan rayuan pembayar cukai kepada pesuruhjaya khas cukai pendapatan.

Fasal 35 adalah pindaan kepada seksyen 54 ekoran daripada pengenalan seksyen 33(1A) bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil ke atas penghuni sesebuah bangunan yang tidak memberi bantuan atau kemudahan sewajarnya kepada Ketua Pengarah LHDN atau orang yang diberi kuasa olehnya.

Fasal 36 adalah pindaan kepada perenggan 2 Jadual Kedua berikutan daripada pindaan kepada perenggan 2 Jadual Ketiga, Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menaikkan kadar elaun modal kepada RM100,000 bagi pembelian kereta baru yang bernilai tidak melebihi RM150,000 yang tidak dilesenkan sebagai kenderaan komersial.

Fasal 37 adalah pindaan kepada Jadual Ketiga seperti berikut:

- (a) Perenggan 37A dipinda bagi membolehkan pesuruhjaya khas cukai pendapatan menerima pakai amalan Mahkamah Rendah atau Mahkamah Tinggi bila perlu selaras dengan pengenalan perenggan 42A Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (b) Perenggan 40 dipinda ekoran daripada pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di mana Mahkamah Agung digantikan dengan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Bab IV pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab IV hanya mempunyai dua fasal iaitu fasal 38 dan 39 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:

- (a) Fasal 38 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini di mana pindaan seperti di fasal 39 akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2001; dan
- (b) Fasal 39 adalah pindaan kepada seksyen 18 bagi menetapkan tempoh 12 bulan untuk mengemukakan rayuan kepada

pesuruhjaya khas cukai penda patan selaras dengan pengenalan seksyen 101 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab V pindaan kepada Akta Setem 1949.

Bab V mempunyai sembilan fasal iaitu fasal-fasal 40 hingga 48 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut:

Fasal 40 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan-pindaan yang dibuat ke atas akta ini di mana kesemua pindaan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

Fasal 41 adalah pindaan kepada Seksyen 2 bagi mengguna pakai istilah yang selaras dengan pindaan yang dibuat dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Fasal 42 adalah pindaan kepada Seksyen 7 bagi membolehkan pindaan kepada Jadual Kedua Akta Setem dibuat melalui perintah yang dibuat oleh Menteri tanpa meminda akta bagi membolehkan setem dimatikan oleh orang-orang tertentu yang diluluskan.

Fasal 43 adalah pindaan kepada Seksyen 9 untuk memendekkan tempoh membayar duti secara kompaun kepada kerajaan daripada tiga bulan kepada satu bulan dan permohonan syarikat untuk membayar secara kompaun diluluskan oleh Ketua Pengarah LHDN bagi memudahkan pentadbiran.

Fasal 44 adalah bagi mewujudkan peruntukan khas berkaitan Seksyen 9 untuk membolehkan mana-mana permohonan yang telah diterima sebelum 28 Oktober 2000 berhubung dengan kebenaran mengutip duti diuruskan mengikut Seksyen 9 yang dicadangkan.

Fasal 45 adalah bagi meminda istilah *stock broker* di bawah Seksyen 32A untuk diselaraskan dengan pindaan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang telah membatalkan penggunaan perkataan *stock broker*.

Fasal 46 adalah pindaan kepada seksyen 47A(1) bagi mengurangkan beban penalti kelewatan membayar duti setem daripada RM25 atau dua kali ganda dalam semua keadaan kepada penalti yang berasaskan tempoh kelewatan.

Fasal 47 adalah bagi mengekalkan Seksyen 80, khusus untuk meremitkan duti dan bukannya penalti; dan

Fasal 48 adalah pindaan kepada Jadual Pertama seperti berikut:

- (i) kadar duti setem diseragamkan pada kadar tetap sebanyak RM10;
- (ii) butiran baru dimasukkan untuk memudahkan urusan disetemkan bagi dokumen perjanjian pinjaman pelajaran; dan
- (iii) Butiran 32B dipinda dengan menambahkan ungkapan yang mana lebih tinggi untuk menjelaskan pengenaan duti setem ke atas *instrument* pindah milik *share* atau sekuriti yang dipasarkan adalah berdasarkan kepada harga jualan atau nilai pasaran aset mengikut yang mana lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967, Akta Keuntungan Cukai Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila beri satu minit ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan 6(1), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Gapar untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, jemput.

4.06 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong cadangan-cadangan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum 1967, Akta Keuntungan Cukai Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949.

Seperti kita sedia maklum, apabila Belanjawan itu dibentangkan, Belanjawan itu telah mencadangkan beberapa kemudahan kepada rakyat dan saya difahamkan akibat daripada cadangan-cadangan itu, maka adalah perlunya untuk meminda akta-

akta yang ada kaitan dengan cadangan-cadangan itu supaya ia dapat dilaksanakan dengan licin. Saya hanya ingin menyentuh tentang beberapa bahagian yang mungkin saya sendiri kurang memahami atau saya sendiri memerlukan sedikit penjelasan daripada kementerian berkenaan.

Pada Seksyen 44(6) akta yang pertama iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967 ada ditambah tiga kategori di bawah institusi di mana mereka dapat diberi pengecualian untuk sesuatu syarikat itu menyumbang tidak melebihi 5% daripada agregat pendapatan syarikat berkenaan iaitu ada dicadangkan tambah tiga lagi pentakrifan di bawah organisasi. Saya hanya ingin tahu kenapa tiga institusi yang disebutkan di bawah seksyen ini dipilih kerana satu daripada institusi yang disebutkan itu ialah seseorang yang memerlukan rawatan untuk satu penyakit yang dianggap sebagai serius. Sekiranya sesuatu syarikat itu ingin menyumbang kepada individu berkenaan supaya ia dapat mengikuti satu rawatan oleh kerana penyakit yang dianggap serius itu.

Sungguhpun ada dikatakan dengan kelulusan Menteri, adakah ini bermaksud tiap-tiap kali kita melihat dalam surat khabar bahawa ada kes-kes yang miskin atau kes-kes yang mana telah ditimpa kemalangan, maka ini akan diluluskan dan mana syarikat yang ingin menyumbang kepada ini, boleh menggunakan tidak melebihi 5% daripada pendapatan agregat syarikat ini untuk tujuan itu.

Saya ingin tahu sama ada dengan mengadakan kategori ini, kerana daripada tiga kategori yang saya sebutkan itu, satu kategori ialah untuk orang individu yang ditimpa kemalangan penyakit serius. Adakah ini akan menggalakkan lebih ramai orang mengambil kesempatan untuk menikmati faedah ini dan dari segi kawalan, bagaimana kita akan pastikan bahawa tidak ada penyelewengan. Sungguhpun 5% daripada agregat itu mungkin tidak begitu besar tetapi oleh kerana ini adalah satu daripada satu syarikat dan sama ada ia memerlukan kelulusan pemegang-pemegang sahamnya sebelum ia dapat menyumbang kepada tabung ini. Saya memerlukan sedikit penjelasan tentang perkara ini.

Saya sangat mengalu-alukan seksyen 45A di mana kita memberi satu potongan untuk suami sekiranya suami itu memilih untuk masuk dalam pendapatan yang diisytiharkan oleh isterinya. Bagi saya ini telah menunjukkan kebijaksanaan kerajaan

di atas peranan yang dimainkan oleh kaum wanita. Ini telah memberikan mereka satu pengiktirafan yang sangat penting

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sahabat saya. Saya pun tidak berapa faham bagaimana perkara ini berlaku. Adakah kerana wanita sekarang ini menjadi ketua rumah dan di mana dari segi pendapatan mereka lebih daripada pendapatan suami dan ini mungkin satu trend kerana saya perhatikan di dalam surat khabar wanita sekarang ini lebih ramai mempunyai kelulusan daripada institusi pengajian tinggi dan lelaki berkurangan. Ini satu trend. Jadi, mungkin pindaan yang dibuat oleh kerajaan bagi menampung keadaan semacam ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Adakah ini sepatutnya begitu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih atas pertanyaan itu. Saya pun setuju mungkin itu adalah satu trend yang baru memandangkan jawapan di dalam Dewan yang mulia ini, kita telah dengar bahawa dari segi bilangan pelajar di institusi-institusi tinggi maka wanita itu lebih ramai daripada lelaki. Dan bagi jawatan guru juga nampaknya wanita itu lebih dan baru-baru ini kita pun telah dengar bahawa mungkin seseorang wanita yang memegang jawatan yang tinggi mungkin akan kahwin dengan seorang lelaki yang tidak memegang jawatan yang begitu tinggi. Katakan satu ketua eksekutif di sebuah syarikat kahwin dengan pemandunya. [Ketawa]

Kalau itu berlaku maka kita sudah iktirafkan peranan wanita dan dalam pindaan ini nampaknya itulah trend kita untuk mengiktirafkan peranan kaum wanita ini dan juga memberikan mereka taraf yang sama kerana pada masyarakat kita setakat ini, kita hanya lihat kaum lelaki itu sebagai lebih mustahak tetapi dengan pemindaan minda ini....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat, ada minta laluan. Jemput Dato' Ghazi.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam era yang mencabar ini, tajuk ini agak *refreshing*, dengan izin. Saya bila dengar kata perkataan *key word* tadi – taraf wanita ini, saya ada sahabat-sahabat dalam Dewan ini yang ada isteri lebih dari satu. [Ketawa] Jadi, ada yang satu, ada yang dua, ada

yang tiga malah ada yang empat, kalau mengikut hukum Islam. Jadi, dalam interpretasi ini sekali gus saya bertanya Yang Berhormat juga pihak kerajaan, macam mana hendak takrif kenal pasti taraf ini, dan kalau sudah diselarikan kata hendak buat cukai pendapatan itu di atas nama isteri, isteri yang mana. Yang mana satu idaman kalbu, untuk mengisi borang untuk cukai pendapatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Haji Gapar bin Gurrohu]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Dato' Ghazi. Saya memang ingin bertanya juga kerana seperti yang dikatakan ada kemungkinan seseorang itu empat isteri dan mungkin dia layak daripada tiap-tiap itu campur dengan borang itu dan kemudian menikmati semua faedah tetapi mungkin jumlah yang dihadkan cuma RM3,000 sahaja ia menikmati dan dengan demikian mungkin dia tidak perlu kerja lagi kerana disebutkan dalam situasi ini, lelaki itu mungkin tidak ada pendapatan atau ia memilih untuk campur dengan pendapatan isterinya.

Dalam seksyen 46 itu ada dicadangkan bahawa pindaan untuk menambah pengecualian, *relief* kepada seseorang individu itu untuk sesuatu khusus ditambah daripada RM2,000 hingga RM5,000. Dan juga ada perbelanjaan untuk rawatan hospital tidak melebihi RM500. Dan satu lagi yang penting ialah RM500 lagi untuk membeli buku-buku untuk menambah pengetahuan. Dari segi ini, saya ingin tahu adakah bermaksud sebarang buku atau risalah yang mungkin menambah pengetahuan kerana menambah pengetahuan itu dari segi definisi sangat luas. Bagi seseorang itu mungkin bila dia baca buku lucah pun, ia akan menambah pengetahuan. Sama ada ia layak menerima potongan sebanyak RM500 ini.

Jadi, saya ingin tahu dari segi penaksiran apa yang dikatakan buku-buku kerana apa yang harus ditunjuk hanya resit. Katakan saya sudah beli satu buku tetapi tidak ditunjuk detail-detail lain, apa buku itu dan sebagainya. Dan sama ada ini akan disalah guna dan mereka mungkin ambil satu resit dari tempat lain dan tunjuk bahawa sesuatu telah dibeli kerana apa yang disebutkan dalam definisi itu ialah untuk menambah pengetahuan dalam apa sebarang pembelian buku-buku, majalah-majalah dan sebagainya.

Di bawah seksyen 129A, Menteri boleh memberi pelepasan kepada apa yang tidak diperuntukkan dalam akta ini. Ini adalah suatu perkara yang saya harap akan dikaji dengan lebih mendalam kerana apabila tidak diperuntukkan dalam sesuatu undang-undang dan Menteri berkenaan akan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai itu untuk membuat ketetapan sama ada mereka layak atau tidak layak. Dan kalau ini dibuat tanpa garis panduan yang mencukupi, saya khuatir sama ada penyelewengan itu akan berlaku atau tidak kerana apa yang disebutkan di sini ialah pelepasan yang boleh diberi oleh Menteri sungguhpun tidak ada peruntukan di bawah akta ini.

Jadi, ini adalah satu perkara yang harus dikaji dengan teliti kerana bukan tiap-tiap kes apabila kita dengar Menteri diberi kuasa itu, itu bermakna Menteri memberi kuasa kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat keputusan bagi pihak beliau. Dan kalau kita tidak ada kawalan yang ketat sama ada ini boleh disalah guna atau tidak. Itu adalah komen-komen tentang akta yang pertama iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967.

Saya ingin menyentuh kepada akta yang kemudian iaitu Akta Setem 1949 dan pindaan-pindaan kepada Jadual Pertama. Di bawah seksyen 22(4) itu ada ditambah satu bahagian yang baru iaitu satu duti setem yang tetap sebanyak RM10.00 dikenakan kepada suratcara pinjaman pelajaran atau dengan izin, education loan instrument. Apabila disebutkan ini adalah satu perkara baru, adakah ini bermakna setakat ini apabila kita buat satu perjanjian di antara pihak pelajar itu dengan pihak yang memberi pinjaman itu maka sama ada itu tidak memerlukan sesuatu bayaran duti setem ataupun amaun yang ditentukan itu kurang daripada RM10.00. Kalau pada amalan sekarang perkara ini tidak dikenakan duti setem, saya pun kurang tahu, jadi saya minta penjelasan dalam perkara ini.

Kalau sekarang ia tidak dikenakan duti setem ataupun duti setem itu kurang daripada RM10.00 kenapa kita telah menaikannya atau kenapa kita telah kenakan RM10.00 oleh kerana setakat ini kita telah menggalakkan banyak pihak memberi bantuan kepada pelajar-pelajar supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran. Bagi sesuatu syarikat yang memberi pinjaman atau biasiswa kepada seseorang pelajar itu, maka mereka boleh dapat potongan-potongan daripada cukai pendapatan. Jadi, kalau

kita sudah ada satu cara mengapa ini juga kita tambah sebagai satu aspek yang baru dalam seksyen 22(4) itu.

Saya juga ingin menyentuh tentang seksyen 47A(1) Akta Setem ini di mana seperti yang dijelaskan untuk menunjukkan ketelusan, *to show transparency* dalam mengenakan penalti kerana lewat mematikan setem atas dokumen. Untuk menunjuk ketelusan ini maka jumlah penalti itu dikurangkan dari empat kali ke dua kali ganda sahaja setem yang tidak dibayar itu. Jadi, apabila saya baca ini untuk menunjuk ketelusan, adakah ini akan menggalakkan pihak-pihak supaya tidak mengambil berat tentang perkara ini oleh kerana sekarang jumlah penalti telah dikurangkan daripada empat kali ganda kepada dua kali ganda. Juga, dalam peruntukan ini pemungut atau collector tidak boleh mengurangkan apa-apa penalti kalau ia tidak melebihi RM5,000. Saya minta penjelasan tentang perkara ini sama ada ini akan mewujudkan satu situasi di mana ini akan menjadi satu permasalahan pada masa akan datang.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Dengan ini kita menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.24 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2000 ini. Yang Berhormat menyentuh tentang seksyen 44(6) dan (7) tentang potongan ataupun pelepasan yang diberikan kepada derma yang diberikan kepada institusi-institusi ataupun organisasi-organisasi di bawah jadual ini.

Seksyen ini adalah untuk memberikan pelepasan kepada terma kepada institusi dan bukan kepada seseorang individu yang memerlukan bantuan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang orang yang diberikan bantuan untuk rawatan, medical treatment ini adalah di bawah satu *benevolence fund* ataupun *trust fund* dan bukannya diberikan terus kepada pesakit yang berkenaan. Kita menetapkan 5% sahaja dan bukan lebih daripada 5% oleh kerana berdasarkan kepada pengalaman LHDN pada

masa-masa yang lampau iaitu kebanyakan terma yang dibuat oleh syarikat kepada badan-badan kebajikan ataupun badan-badan yang disenaraikan dalam seksyen 44(6) ini adalah tidak melebihi 5% kebanyakan setakat ini. Maka dalam masa-masa akan datang kalau sekiranya kita berpendapat bahawa 5% ini tidak mencukupi, kita boleh mengulang kaji 5% ini. Tetapi bagi orang perseorangan memang tidak ada had seseorang ini boleh menderma sebanyak 100% pendapatannya kepada badan-badan yang tersenarai dalam seksyen 44(6) ini dan memang tidak ada had.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang pelepasan yang diberikan kepada pembelian buku sebanyak RM500. Apa yang jelas sekali ialah pembelian buku lucah yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini tidak akan diberikan potongan, kita akan periksa. Potongan ini akan diberi untuk semua buku, tak masuk buku lucah tetapi termasuk majalah dan jurnal, melainkan buku-buku yang dilarang, dilarang ertinya dilarang oleh Kementerian Dalam Negeri, memang ada senarai, dan ini juga tidak termasuk surat khabar, buku dan majalah yang tidak dilarang oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat juga melahirkan kebimbangan bahawa seksyen 129A ini kalau sekiranya garis panduan tidak ditetapkan ada kemungkinan bahawa ianya akan disalahgunakan. Apa jua pelepasan ataupun relief yang diberi dalam mengikut seksyen 129A ini yang diberikan oleh Menteri di bawah peruntukan ini akan dibuat melalui satu perintah yang akan dibentangkan di Parlimen. Apa jua pelepasan akan diumumkan dan diberitahu kepada Dewan yang mulia ini melalui satu perintah. Maka kemungkinan bahawa seksyen ini ataupun kuasa ini disalahgunakan boleh diminimise, dengan izin. Ini membolehkan mana-mana pihak mengetahui siapa yang mendapat manfaat yang diberikan oleh Menteri.

Kita mengemukakan pindaan kepada seksyen ini, oleh kerana tanpa pindaan-pindaan ini menteri memang tidak berkuasa untuk memberikan potongan kepada beberapa skim galakan pelaburan yang baru diisytiharkan dalam Belanjawan 2001. Maka dengan kuasa yang diberikan kepada menteri barulah menteri boleh memberikan galakan dari segi percukaian kepada beberapa pakej yang telah pun diumumkan dan ini bukan untuk menguntungkan mana-mana pihak.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang isteri mana yang layak mendapat pelepasan cukai. Suami boleh membuat pilihan dalam borang nyata pendapatan, isteri yang mana boleh mendapat pelepasan suami. Dan pelepasan suami diberikan kepada seorang isteri sahaja dan dia tidak boleh memberikan lebih daripada seorang isteri.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga meminta penjelasan mengenai terma, ini saya telah pun memberikan penjelasan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin juga bertanya kenapa penjamin perjanjian pelajaran dikenakan duti setem RM10, adakah sebelum ini tiada duti setem dikenakan ataupun dikenakan kurang daripada RM10. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, perjanjian pelajaran sekarang dikenakan pada kadar *ad volerum* dan bukan duti tetap. Bagaimana kerajaan telah meremitkan duti supaya perjanjian pelajaran dikenakan duti tetap. Dahulu kita ikut keadaan dan mengenakan duti yang bersesuaian, tetapi kita berpendapat bahawa harus kita mengenakan satu duti setem yang tetap dan pindaan ini dicadangkan untuk menetapkan kadar secara kekal dalam undang-undang dan juga untuk memudahkan pembatalan setem tersebut oleh pihak pemberi pinjaman.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang 47A(1) Akta Setem yang menyentuh tentang penalti. Pindaan ke atas seksyen ini bukan semata-mata hendak mengurangkan penalti, tetapi kita hendak mengikut mengenakan satu sistem yang lebih adil, iaitu mengikut tempoh kelewatan pembayaran duti setem ini, kalau lewat satu hari mungkin ia dikenakan lebih ringan, tetapi tempoh kelewatannya lebih lewat misal kata tiga minggu ataupun tiga bulan, maka penalti lebih berat. Kalau ikut dahulu lewat satu hari ataupun satu tahun tidak ada beza, maka dengan pindaan ini pengenaan penalti difikirkan lebih adil.

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN LABUAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 dan membatalkan suratcara Majlis Perbandaran Labuan 1983 untuk membubarkan Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan dan untuk menubuhkan Perbadanan Labuan untuk menggantikan Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau nama ringkasnya Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000.

Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000 ini adalah bertujuan untuk memansuhkan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 dan membatalkan suratcara Majlis Perbandaran Labuan 1983 supaya Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan dapat dibubarkan dan digantikan dengan Perbadanan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000 ini mempunyai tujuh bahagian seperti yang dijelaskan dalam rang undang-undang tersebut. Penguatkuasaan Akta Pembangunan Labuan 2000 ini akan menggabungkan tiga agensi iaitu Lembaga Pembangunan Labuan (LPL), Majlis Perbandaran Labuan (MPL) dan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan (BKWPC) dan digantikan dengan Perbadanan Labuan.

Cadangan penubuhan Perbadanan Labuan adalah berasaskan kepada justifikasi-justifikasi berikut:-

- (a) Akta yang disediakan yang sedia ada iaitu Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 tidak menyeluruh menyebabkan Lembaga Pembangunan Labuan tidak dapat melaksanakan sepenuhnya fungsi pihak berkuasa tempatan kerana kuasa penguat kuasa hanya boleh dilaksanakan melalui suratcara Majlis Pembangunan Labuan 1983 yang ada pada Majlis Perbandaran Labuan;
- (b) Penggabungan agensi-agensi ini dapat mengelakkan pertindihan fungsi dan tanggungjawab dalam membangunkan Pulau Labuan;
- (c) Penggabungan tiga agensi tersebut membolehkan ketua pentadbir memberi tumpuan yang khusus bagi pembangunan dan pentadbiran Pulau Labuan;
- (d) Dengan keputusan kerajaan untuk membangunkan Pulau Labuan sebagai pulau tercantik dan tarikan pelancong, tanggungjawab untuk membangunkan pulau tersebut semakin bertambah dan memerlukan penyusunan semula organisasi terutamanya perjawatan; dan
- (e) Penubuhan Perbadanan Labuan dijangka akan dapat menyelaraskan tugas membangunkan Pulau Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Perbadanan Labuan akan juga melibatkan beberapa implikasi dari segi kewangan, perjawatan dan polisi. Dalam jangka masa sederhana perbadanan ini masih memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan dalam bentuk Belanjawan Mengurus Tahunan dan peruntukan tersebut dijangka akan berkurang apabila cadangan dan projek-projek yang dirancang oleh Perbadanan Labuan ke arah pembiayaan sendiri mula berhasil. Dari segi perjawatan penubuhan perbadanan ini akan melibatkan penyusunan semula perjawatan di mana perjawatan yang terkini dan dimansuhkan dan jawatan-jawatan baru yang perlu akan diwujudkan.

Dari segi polisi, penggubalan Akta Perbadanan Labuan 2000 dan penubuhan Perbadanan Labuan akan menyebabkan ahli majlis yang menasihati Majlis Perbandaran Labuan tidak lagi wujud dan mempunyai kuasa eksekutif. Walau bagaimanapun, fungsi ahli majlis masih diwujudkan dari Perbadanan Labuan melalui Majlis Penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Akta Perbadanan Labuan akan membolehkan Perbadanan Labuan diurus dengan lebih bersepadu di bawah satu agensi penyelaras. Akta ini memberi fungsi dan kuasa tertentu kepada Perbadanan Labuan untuk membolehkan ia beroperasi dengan lebih mantap. Walaupun akta ini akan mengakibatkan beberapa implikasi kewangan, perjawatan dan fungsi tetapi tujuan akta ini adalah untuk mengelakkan pertindihan fungsi dan tugas supaya dapat mengurangkan perbelanjaan, mengurangkan kakitangan dan seterusnya memudahkan dan membolehkan ini secara khusus diberi kepada pembangunan dan pentadbiran Pulau Labuan secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 dan membatalkan surat cara Majlis Perbandaran Labuan 1983 untuk membubarkan Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan, untuk menubuhkan Perbadanan Labuan untuk menggantikan Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Dato' Dr. Chin.

4.42 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat mengalu-alukan Akta Perbadanan Labuan 2000 ini oleh kerana seperti yang dijelaskan tadi, maka ini akan menggantikan akta yang ada sekarang dan mungkin ada duplikasi daripada fungsi-fungsi tertentu. Saya hanya ingin menyentuh tentang

beberapa bahagian atau beberapa seksyen yang saya dapati penting bagi melicinkan lagi pelaksanaan akta yang dicadangkan ini.

Yang pertama, saya ingin menyentuh tentang seksyen 5(5) iaitu Jadual Pertama di mana Perbadanan boleh menjemput sesiapa untuk memberi nasihat kepada Perbadanan ini. Saya dapati ini bercanggah dengan seksyen 6(2). Di bawah seksyen 6(2) ada disebutkan bahawa satu Majlis Penasihat akan ditubuhkan dan Majlis Penasihat ini ditubuhkan dengan tujuan memberi nasihat kepada Perbadanan tentang hal-hal kerajaan tempatan. Apabila seksyen 5(5) itu disebutkan Perbadanan boleh menjemput sesiapa pun untuk memberi nasihat kepadanya, patut seksyen ini dikecualikan hal-hal yang akan diuruskan oleh Majlis Penasihat kerana Majlis Penasihat itu akan memberi nasihat atas satu hal yang tepat iaitu tentang fungsi kerajaan tempatan Perbadanan itu.

Jadi, di bawah seksyen 5(5) itu apabila disebutkan untuk memberi nasihat kepada Perbadanan ini di dalam apa jua hal nampaknya ini bercanggah dengan seksyen 6(2). So, saya minta bahawa perhatian diberi kepada ini supaya hal-hal yang dibincangkan di bawah seksyen 5 itu tidak termasuk hal-hal yang dikhaskan di bawah seksyen 6(2) ini.

Komen saya tentang seksyen 6(2), tidak ada peruntukan di bawah seksyen ini tentang nasihat yang diberi kepada Perbadanan itu. Katakan Majlis Penasihat ini memberikan sesuatu nasihat, apa akan berlaku kalau Perbadanan tidak terima nasihat itu dan tidak mengikutinya. Dalam seksyen ini tidak disebutkan bahawa segala nasihat itu mesti diambil kira oleh Perbadanan dan mesti dilaksanakan. Kalau ada disebutkan demikian, maka Perbadanan tidak ada pilihan selain daripada mengikutinya.

Kalau Majlis Penasihat ini tiap-tiap kali memberi nasihat, tiap-tiap kali diketepikan oleh Perbadanan, bagaimana ia dapat berfungsi dengan baiknya. Memang hasrat kerajaan ialah supaya Perbadanan ini dapat menjalankan tugasnya dengan baik, tetapi kalau satu badan yang ditubuhkan khas untuk memberi nasihat kepada Perbadanan ini, nasihatnya tidak dihiraukan atau tidak diambil kira bagaimana ia akan berfungsi dengan baik.

Dalam Majlis Penasihat ini, keahliannya termasuk tiga orang tempatan iaitu tiga orang penduduk dalam kawasan itu. Bagi saya, apabila kita ada kumpulan penduduk ini, maka pendapat mereka sangat mustahak dan kena diberi perhatian yang mencukupi dan kena diambil kira dalam segala keputusan tetapi sekarang kita ada, tidak gunalah, beri nasihat tetapi saya dengar lepas itu saya tidak payah ambil kira.

Kalau ini berlaku, saya bimbanglah Majlis Penasihat ini katakan apa baiknya saya hadir, saya beri nasihat, saya cuba tetapi semua itu diketepikan. Saya tidak mahu keadaan seperti ini berlaku. Kalau ia berlaku, memang ia akan melemahkan pentadbiran Perbadanan ini untuk segala kebaikan Labuan.

Di bawah seksyen 9(2) ada dikatakan delegasi fungsi Perbadanan itu kepada Pengerusinya iaitu segala fungsi itu boleh didelegasikan kepada Pengerusi dengan kelulusan Menteri, ada disebutkan mewakilkan kepada Pengerusi semua atau mana-mana fungsi, kuasa dan kewajipan ini diletakkan ke atas Pengerusi Perbadanan demikian.

Kalau ini berlaku, sungguhpun ada dikatakan dengan kelulusan Menteri, adakah ini bermakna anggota lain Perbadanan itu boleh diketepikan dan hanya Pengerusi seorang mengambil semua tanggungjawab dan ahli-ahli lain itu tidak dapat memainkan apa-apa peranan, mungkin tidak perlu datang mesyuarat dan sebagainya kerana semua diletakkan di bawah tangan Pengerusi.

Kalau ini berlaku, pada saya ini bukan satu gambaran yang baik. Sepatutnya apabila kita melantik sesuatu perbadanan dengan Pengerusi dan dengan ahli-ahli semua maka semua pihak kena sumbang untuk kebaikan Perbadanan tersebut dan semua pendapat itu harus diambil kira dan harus diputuskan bersama demi kebaikan badan tersebut.

Oleh yang demikian, saya harap seksyen 9(2) dan Seksyen 9(3) itu harus dibatalkan, kerana kalau ini wujud mungkin pengerusi itu boleh mengambil kesempatan tidak merujuk kepada ahli-ahli lain dan hanya dia sendiri mengambil segala keputusan dan sebagainya. Saya tidak mahulah keadaan ini berlaku.

Di bawah akta ini saya dapati tidak ada peruntukan oleh ahli-ahli perbadanan itu mengangkat sumpah. Biasanya apabila mereka dilantik ke sesuatu jawatan ini sebelum mereka mengambil jawatan itu atau menerima jawatan itu mereka selalu di

bawah Akta Kerajaan Tempatan juga semua ahli majlis yang dilantik itu dimestikan mengangkat sumpah untuk menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dan sebagainya, semua itu ada. Tetapi dalam perbadanan itu nampaknya tidak ada dan saya bertanya kenapa ini tidak ada, mungkin apabila saya baca ini saya dapati tidak adalah. Saya harap ini diadakan supaya orang yang dilantik itu mengambil lebih serius kerana bila kita mengangkat sumpah, senator pun kena angkat sumpah, bila kita telah melakukan itu maka kita lebih bertanggungjawab kepada tugas-tugas kita. So, saya dapati tidak ada peruntukan inilah.

Satu lagi ialah tentang fasal di mana tiap-tiap ahli perbadanan itu mesti mengisytiharkan kepentingan sekiranya ada apa-apa keputusan mungkin ia ada hak milik dalam sesuatu syarikat dan syarikat itu akan mengambil bahagian dalam tender dan sebagainya, di perbadanan itu jadi dia kena mengisytiharkan kepentingan. Tetapi saya tidak dapat dalam seksyen-seksyen di bawah akta ini sekiranya orang itu tidak mengisytiharkan kepentingan, jadi apa akan berlaku? Biasanya kita kata kalau tidak maka adalah denda-denda di bawah Penal Code atau Kanun Kesiksaan. Biasanya dalam undang-undang kita ada melihat satu seksyen, sekiranya orang itu tidak mengisytiharkan dan sebagainya maka dia boleh dikenakan tindakan-tindakan di bawah seksyen Kanun Kesiksaan. Sekarang tidak ada, di sini hanya dikatakan mesti mengisytiharkan, tetapi kalau diam-diam terpulanglah kepada BPR untuk mencari kesalahan ini dan saya risaulah kalau ini berlaku maka kepentingan perbadanan itu mungkin tidak dijaga dengan baik.

Jadi saya harap ada satu peruntukan supaya apabila satu orang ahli perbadanan itu tidak mengisytiharkan kepentingan kepada sesuatu perkara yang diuruskan oleh perbadanan itu maka ini telah bersabit satu kesalahan di bawah Penal Code dan denda-denda dan sebagainya akan dikenakan.

Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan akta yang baru ini, yang akan mencantumkan kepada akta-akta yang sedang digunakan untuk menambah lagi kebaikan menjalankan tugas oleh Perbadanan Labuan ini. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Datuk William.

4.56 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat di atas usahanya untuk mempertingkatkan taraf Labuan. Rang undang-undang ini menggabungkan semua peruntukan undang-undang yang berkenaan dengan Labuan dalam satu akta dan akan menggabungkan kedua-dua agensi ialah Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan di bawah satu perbadanan. Usaha ini telah diambil oleh Kerajaan Pusat bagi membuktikan bahawa kerajaan kita sangat mengambil berat tentang kemajuan masa hadapan Labuan. Ini juga menunjukkan betapa kerajaan adalah serius memastikan pembangunan di Labuan akan berjalan dengan lancar mulai dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan pernah satu ketika dahulu dikenali sebagai dengan izin, The Forgotten Island. Adalah tidak menghairankan jika Labuan pernah mempunyai reputasi ini kerana situasi semasa yang berlaku di pulau ini pada masa itu. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Labuan terkenal dengan status bebas cukai serta berstatus pula sebagai Wilayah Persekutuan, ia walau bagaimanapun tidak mencapai apa yang diharapkan. Apabila Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan semua pihak menaruh harapan bahawa pulau ini akan menjadi satu tempat yang termaju ekonominya. Namun setelah beberapa tahun berlalu, harapan Labuan mencapai kemajuan bisa ternyata meleset. Masa hadapan Labuan adalah tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang ketara dilihat ialah harga hartanah. Dalam tahun 1980-an dahulu harga sebuah rumah kedai tiga tingkat di Labuan telah dengan mudah mencecah hampir RM1 juta dan sewanya pula adalah sekitar RM15,000 sebulan. Harga sebuah rumah kedai tiga tingkat pada masa ini telah jatuh menjunam di sekitar setengah juta ringgit sahaja, kerana hampir ada lagi transaksi jual beli hartanah akibat ada permintaan. Sewa rumah kedai juga jatuh, tidak sampai pun RM3,000 sebulan. Apa yang menyedihkan lagi dalam dua atau tiga tahun kebelakangan ini terdapat banyak rumah kedai yang kosong. Apakah sebabnya Labuan menjadi sepi pada masa ini walaupun ia menawarkan dengan izin, offshore

financial banking facility seperti yang diperuntukkan di bawah International Offshore Banking Act. Di samping itu Labuan juga mempunyai sebuah lapangan terbang antarabangsa yang moden. Begitulah yang beraku di Labuan pada masa ini dan saya mempunyai maklumat sebuah syarikat telah membelanjakan berjuta-juta ringgit pada awal tahun 1990-an untuk membina sebuah hotel peranginan yang indah di tepi laut. Oleh kerana sambutan yang dingin, hotel itu sekarang hampir tutup dan jika ia tutup, bertambah sukar pula untuk menggalakkan sektor swasta membina tempat-tempat peranginan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada lima tahun dahulu, saya harap tidak berulang dengan izin, *a mistake has been made in administration of Labuan. I hope that mistake would not be repeated because a lot of money has been dumped in and lost.*

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, masalah ini bukan berpunca dari masalah jumlah penduduk yang kecil di Labuan. Setiausaha Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Tuan Hashim baru semalam memberitahu Dewan yang mulia ini tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk tujuan meningkatkan taraf Labuan. Sehubungan dengan ini, saya mencadangkan pihak kerajaan boleh memajukan Labuan dengan pelbagai cara. Saya dengan sukacita ingin mencadangkan apabila Perbadanan Labuan menjalankan fungsi-fungsi dan tugas yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, *which is very wide or encompassing and powerful* dengan izin, akan menyebabkan cadangan yang berikut.

- (i) wujudkan cukai khas atau insentif-insentif cukai lain kepada syarikat yang membuka pejabat di Labuan
- (ii) galakan syarikat-syarikat swasta mengadakan berbagai-bagai acara di Labuan seperti seminar masyarakat dan lain-lain dengan cara memberi mereka insentif-insentif khas;
- (iii) adakan lebih banyak mesyuarat-mesyuarat kerajaan dan mesyuarat-mesyuarat yang ditaja oleh kerajaan di Labuan;
- (iv) galakan lebih ramai orang menetap di Labuan dengan memberikan mereka insentif-insentif seperti lesen, konsesi perniagaan dan apabila memberikan status penduduk tetap atau

warganegara kepada orang asing keutamaannya hendaklah diberikan kepada mereka yang ingin tinggal di Labuan dan

- (v) Labuan hendaklah dipromosikan sama seperti Langkawi dengan menganjurkan lebih banyak penempatan ke dan dari pulau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan Fasal 5 di bawah Keanggotaan Perbadanan, *the compositions of Labuan body*, di mana seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan empat orang anggota lain akan dilantik oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila anggota yang akan dilantik, Menteri akan menimbangkan daripada orang-orang berkeelayakan daripada sektor perindustrian dan korporat supaya pengurusan Perbadanan Labuan dapat dilaksanakan dengan baik dan sentiasa berusaha untuk mencapai ke tahap yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini saya percaya Labuan akan menjadi Langkawi kedua di Malaysia dan apabila dengan izin, *Labuan becomes the second Langkawi of Malaysia*, mungkin ini mimpi sahaja. [Ketawa] Kerajaan juga boleh memajukan industri pelancongan di pulau-pulau berhampiran seperti Pulau Layang-layang yang merupakan salah sebuah pulau batu karang yang terindah di dunia. Saya dengan penuh keyakinan mengatakan bahawa dengan kelulusan Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000 ini, fokus pembangunan di Labuan akan lebih teratur serta dapat mengurangkan karenah birokrasi untuk melaksanakan projek-projek di Labuan.

Pada masa yang sama juga, saya berharap Kerajaan Pusat akan mengambil langkah-langkah lebih berkesan untuk mempromosikan Labuan dan Perbadanan Labuan akan melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan sebaik-baiknya bagi menjamin perkembangan yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya memohon untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin dan juga Yang

Berhormat Datuk William yang telah membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000 ini.

Sebenarnya saya katakan tadi bahawa Akta Pembangunan Labuan ini ialah untuk menguatkuasakan permohonan agensi-agensi, untuk menguatkuasakan penggabungan agensi-agensi Lembaga Pembangunan Labuan (LPL) Majlis Pembangunan Labuan (MPL) dan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan (BKWPC) supaya dapat ia lebih efisien lagi dalam menjalankan tugasnya dan untuk itu, kita akan dapat memudahkan dan mempertingkatkan pembangunan pulau Labuan, mengelakkan pertindihan fungsi di antara tiga agensi tadi, membolehkan entiti baru memberikan tumpuan khusus bagi pembangunan dan pentadbiran pulau Labuan, penyusunan semula perjawatan dan membolehkan penyelarasan tugas dan penyediaan prasarana yang dirancang.

Saya tertarik dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, supaya dapat kita lihat bahawa 5.5 dapat kita serasikan dengan Seksyen 6(2). Ini yang telah dibangkitkan. Jadi, peranan untuk memberi nasihat kepada perbadanan mengenai dasar-dasar berkaitan Kerajaan Tempatan. Ini penting supaya dasar-dasar Kerajaan Tempatan itu tidak bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dan seterusnya. Ini ialah untuk kepentingan masyarakat setempat dan tidak bercanggah dengan dasar kerajaan yang kita ada dan tiada sebab nasihat tersebut ditolak dan selalunya diperkatakan sebagai badan penasihat, dia cuma menasihatkan, tetapi yang mengambil nasihat atau tidak mengambil nasihat terpulang kepada Pengerusi. Ini diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi. Kita akan memastikan bahawa penyelarasan yang ada dasar itu penting dan segala dasar yang dibuat oleh kerajaan itu atas penasihat-penasihat tadi akan diambil kira.

Ini juga memerlukan interaksi yang bagus daripada segi *social organization*, organisasi sosial di dalam organisasi-organisasi yang berkenaan dan kita harapkan tidak ada banyak percanggahan di antara itu. Selain daripada itu, penasihat ini juga kita akan jemput daripada orang-orang yang dikatakan Datuk William tadi, orang-orang yang berkebolehan dan berkelayakan dan juga terdiri daripada golongan korporat supaya dapat melihat bahawa segala fungsi-fungsi yang dibuat yang

Pertama, tidak bercanggah dengan fungsi dasar Kerajaan Persekutuan dan dasar-dasar yang lain.

Yang kedua, dapat melingkupi ruang lingkup yang lebih sejangat kerana yang dikatakan kalau kita hendak ambil tiga orang sahaja kah daripada anak tempatan, itu tidak bermakna hanya tiga orang, tetapi macam kata Yang Berhormat Datuk William tadi, kita boleh ambil lebih daripada tiga orang, empat orang atau lima orang supaya dapat kita melihat Labuan ini dapat dirasakan bahawa *participation* daripada anak tempatan itu dapat dijalankan.

Yang keduanya mengenai mengangkat sumpah dan sebagainya, saya teringat bahawa semua Majlis ada angkat sumpah supaya ada kerahsiaan, OSA dan sebagainya. Ini merupakan satu *convention* dan kita ada di bawah peruntukan seksyen 30 untuk memastikan bahawa angkat sumpah, kebocoran rahsia dan sebagainya tidak berlaku.

Slain daripada itu seperti mana kata Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi tentang *conflict of interest*, itu juga cara *convention* memang ada bahawa jika seseorang itu di dalam Lembaga mempunyai *conflict of interest* dia kena declare *conflict of interest* itu dan dia kena keluar daripada mesyuarat itu supaya tidak ada *conflict of interest* itu berlaku. Dan ini memang dilakukan dan kita tidak masukkan tiap-tiap satu-satu itu mungkin agaknya akan tebal tetapi mudah dengan cara masukkan seksyen 30 itu dapat mengatasi semua masalah ini.

Saya tertarik juga dengan kenyataan oleh Yang Berhormat Datuk William tentang cadangan beliau. Saya yakin lima cadangan ini kita akan ambil tindakan dan perhatian supaya dapat kita gabung jalinkan apabila kita menubuhkan Perbadanan ini. Dan yang keduanya seperti kata Datuk William tadi risaukan orang tidak ada di Labuan dan ini tidak dapat mengembangkan aktiviti-aktiviti ekonomi di Labuan. Kita ada dari segi pendidikan – ini Dato' Ghazi punya, saya ingat lagi Dato' Ghazi telah menyuarakan masalah ini dulu dan Dato' Ghazi telah kuat-kuat mengatakan kita kena ada universiti di Labuan dan sebagainya. Alhamdulillah kita telah bawa ke Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan pun ada duit dan kita telah pun menubuhkan satu universiti yang apa dikatakan Kampus Antarabangsa Labuan. Ini khusus kepada IOFC dan sebagainya.

Yang keduanya kita akan ada Kolej Matrikulasi cawangan di Labuan supaya penduduk-penduduk tempatan di situ dapat mengambil bahagian dan selain daripada itu seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk William tadi kita akan ambil perhatian tentang insentif-insentif yang ada. Kemungkinan agaknya insentif sudah ada dan kemungkinan hendakkan insentif yang khusus pula dari segi Labuan.

Mengenai untuk meramaikan lagi orang di Labuan tentang aktiviti-aktiviti serta seminar dan sebagainya, satu *circular* telah pun kita edarkan oleh KSN meminta supaya seminar-seminar diadakan di Labuan selain daripada seminar-seminar yang diadakan di Langkawi, seperti mana kata Datuk William tadi kita hendakkan Labuan island yang kedua selain daripada Pulau Pinang dan juga Langkawi yang selalu ada seminar-seminar antarabangsa.

Dan sekarang ini ialah untuk menghubungkan jambatan daripada Pulau Labuan kepada tanah besar. Ini juga kita akan buat kajian *feasibility study* pada Rancangan Malaysia Ke-7 dan kita harapkan dengan adanya jambatan ini nanti banyak *traffic flow* tidak mengharapkan feri dan sebagainya yang memakan masa yang lama dan dengan itu dapat kita bangunkan Labuan dengan lebih cantik lagi.

Selain daripada itu seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk William tadi mengenai memajukan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir, tindakan-tindakan sedang diambil dan kita juga ada mempunyai kelebihan-kelebihan kita tentang kewangan Islam. Ini pernah dibangkitkan oleh Dato' Ghazi dahulu dan kita telah pun mengadakan satu seminar di Labuan baru-baru ini dan kita harapkan perkara-perkara ini dapat berjalan dengan lebih bagus lagi.

Selain daripada itu kita berharaplah supaya dengan adanya Perbadanan Labuan ini tiga entiti itu dapat digabungkan dan kita akan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi. Dengan adanya *participation* daripada local bukan sahaja setakat tiga tetapi boleh empat ataupun lima dan kita masukkan cadangan-cadangan tadi dan kita hendakkan ruang lingkup pentadbiran Labuan ini akan dapat menyeluruh dan kita akan cuba sedaya upaya, insya-Allah, memajukan Labuan di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.18 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah akta untuk membuat peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara berkaitan dengannya.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi menaikkan saraan sebanyak 10% daripada kadar diterima sekarang berkuat kuasa pada 1 Januari 2000. Ini adalah selaras dengan kenaikan gaji kakitangan kerajaan seperti yang telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1(1) dan (2) adalah mengenai nama rang undang-undang yang dipinda iaitu Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000 dan tarikh berkuatkuasanya iaitu pada 1 Januari 2000.

Pindaan seksyen 3, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah mengenai saraan bagi Ahli Parlimen. Seksyen 3(1)(a) mencadangkan pindaan elaun bulanan Ahli Dewan Negara dinaikkan kepada RM3,399. Seksyen (1)(b) pula mencadangkan pindaan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM5,379. Selain dari itu, dicadangkan juga elaun bulanan Ketua Pembangkang seperti seksyen 3(2) dinaikkan kepada RM3,179.

Manakala pindaan seksyen 4 pula ialah mengenai saraan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pindaan seksyen 4(a) dan (b) mencadangkan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM10,285, manakala pindaan seksyen 4(c) dan (d) mencadangkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM3,399.

Pindaan seksyen 6(1) ialah mengenai gaji bulanan anggota pentadbiran. Bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, gaji bulanan dicadangkan dinaikkan kepada RM18,865, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dinaikkan kepada RM15,015, Yang Berhormat Menteri dinaikkan kepada RM12,320, Yang Berhormat Timbalan Menteri pula dinaikkan kepada RM8,965 dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dinaikkan kepada RM5,940.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pindaan ini juga melibatkan elaun bulanan Ketua Dewan Rakyat dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat. Pindaan seksyen 6(3) mencadangkan elaun bulanan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM3,179,

manakala pindaan seksyen 6(4) mencadangkan elaun bulanan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan kepada RM1,639.

Pindaan ini dicadangkan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2000. Kenaikan elaun dan gaji bulan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM2,347,692 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Dato' Aziz.

5.24 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu sama ada hendak ucap tahniah atau tidak kepada akta meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 kerana sudah 10 tahun, baru ianya diubahsuai bagi mencerminkan, saya beranggapan inflasi tahunan dan sebagainya.

Kalau kita tengok 10% dalam masa 10 tahun, ianya kalau ikut pada tahun 1980 sehingga 1999. Eh, 20 tahun, bukan 10 tahun. 1980, 1999, sekarang dekat 2000 – 20 tahun hendak pinda asas-asas yang kita gubal pada tahun 1980 dalam tahun 2000. Bererti 10% ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak mengira dari segi kenaikan kompaunnya, lebih kurang 0.1% setahun kenaikan dan inflasi kita lebih daripada itu. Jadi, nampaknya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini semakin menguncup dari segi pendapatan. Lebih menguncup lagi kerana dengan adanya krisis ekonomi, inflasi kita meningkat, saya ingat sekarang ini 2.9% tahun ini dan kita dapat 0.1% atau 0.2% purata.

Jadi, saya minta pihak kerajaan atas bebanan, terutama sekali kepada pucuk pimpinan kita, para menteri kita, saya hendak tanya nanti; ada yang menguasai kementerian di mana pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada kementerian itu menerima gaji dan elaun lebih tinggi daripada menteri itu sendiri. Macam mana

seorang menteri menguasai dan mentadbirkan kementerian dan agensi-agensinya di mana Ketua Eksekutif agensi-agensi tertentu mendapat gaji lebih tinggi daripada menteri itu sendiri. Ini saya tidak faham bagaimana dia hendak mengendalikannya secara maruah dan martabat, kedudukan tempat yang dipegang itu.

Jadi, saya hendak tanya pihak kementerian, Jabatan Perdana Menteri, di dalam agensi-agensi yang dikuasai oleh Jabatan Perdana Menteri, berapa ramai dan berapa gaji ketua-ketua agensi yang melebihi elaun yang diberikan kepada Perdana Menteri iaitu RM18,865 sebulan. Adakah Ketua Eksekutif agensi-agensi tertentu yang mempunyai lebih daripada itu, berapa banyak, siapa dia dan apa dia masalah yang terpaksa dihuraikan pada masa-masa tertentu dari segi masalah-masalah politik yang wujud dalam agensi-agensi itu?

Pernah saya katakan di dalam satu Dewan, kita dapati pertukaran lambang satu agensi atau syarikat. Rupa-rupanya lambang itu adalah lambang parti PAS. Saya tegur itu 2, 3, 4 tahun dahulu. Pasa dianya saya nampak masa saya naik kereta dari Kuantan ke Kuala Lumpur, ada satu kedai minyak, "Eik ini sudah berubah, bila masa dia berubah?" Perkara ini adalah perkara yang bercorak politik di dalam satu agensi di mana kita mengawasinya dan pegawai-pegawainya adalah pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab yang tinggi dan berat setimpal pula dengan gaji yang tinggi dan lumayan.

Ini dasar kerajaan yang begitu prihatin terhadap mereka yang mempunyai tanggungjawab yang berat ini untuk mereka diberikan elaun dan gaji yang lebih tinggi daripada Perdana Menteri. Berapa ramai yang dapat gaji lebih tinggi? Sebagai bandingan. Kita hendak tahu dimensi kerajaan ke arah memberikan pendapatan bulanan yang lumayan kerana kita bertanggungjawab menentukan sukses atau tidaknya agensi-agensi itu.

Begitu juga dengan Kementerian Kewangan misalnya. Menteri Kewangan kalau ikut sifir di sini, mendapat RM12,320 sebulan. Dia menguasai Bank Negara dan di bawah naungannya ialah bank-bank yang kadangkala dipunyai oleh agensi-agensi kerajaan. Kita bayar pukul rata Ketua Eksekutif sebuah bank, sungguhpun ianya ada dikawal oleh Bank Negara Malaysia tidak lebih daripada, katalah

RM25,000, RM30,000 sebulan dan nyata sekali lebih banyak daripada apa yang diterima oleh Menteri Kewangan.

Bank Negara Malaysia saya tidak tahu berapa sekarang. Dulu kemungkinan ada kontrak, RM30,000 sebulankah, RM40,000 sebulankah, saya tidak tahu. Pasal kadangkala dia ada secara kontarak, Tuan Yang di-Pertua, antara Bank Negara dengan Menteri Kewangan dengan Kementerian Kewangan dengan pegawai yang hendak masuk.

Saya tidak banding lagi gaji Perdana Menteri kita dan Menteri kita dengan gaji-gaji Perdana Menteri negara-negara lain, negara-negara jiran. Dekat RM1 juta gaji Perdana Menteri....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Dia punya Menteri, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: ...RM300,000 ke RM400,000 setahun. Kalau ikut itu, lebih kurang RM30,000 ke RM40,000 sebulan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato' Aziz, boleh tidak kita sambung hari esok? Masa sudah cukup.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah cukup, dengan ini Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan pada hari esok, 21 Disember 2000, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

11 November 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok-Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

Yang Berhormat Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGASCAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mhd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 30

Rabu

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman
1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2000	(Halaman 28)
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000	(Halaman 65)
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) (Pindaan) 2000	(Halaman 81)
Rang Undang-undang Perbadanan Labuan 2000	(Halaman 97)
Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2000	Rang Undang-undang (Halaman 100)